

**LAPORAN SURUHANJAYA DIRAJA
UNTUK MENYIASAT KEMATIAN
TEOH BENG HOCK**

**DISEMBAHKAN KEPADA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG PADA**

22^{HB} JUN 2011

**OLEH
PESURUHJAYA**

**TAN SRI DATUK SERI JAMES FOONG CHENG YUEN
[PENGERUSI]
DATO' HAJI ABDUL KADIR SULAIMAN
DATO' SELVENTHIRANATHAN THIAGARAJAH
DATO' DR BHUPINDER SINGH JESWANT SINGH
PROFESOR DR MOHAMED HATTA SHAHAROM**

PESURUHJAYA



Dari kiri : YBhg Dato' Dr Bhupinder Singh, YABhg Dato' Haji Abdul Kadir Sulaiman,
YBhg Dato' Selventhiranathan Thiagarajah, YBrs Profesor Dr Mohamed Hatta Shaharom

Duduk: YA Tan Sri Datuk Seri James Foong Cheng Yuen

KANDUNGAN

	Halaman
Pengenalan	1
<i>Suruhanjaya Siasatan Diraja</i>	2
<i>Perwakilan</i>	2-4
<i>Tatacara yang diguna pakai</i>	4-5
<i>Standard pembuktian</i>	5
Terma rujukan yang kedua	6
Fakta	6-9
<i>Kejadian di bangunan SUK</i>	9-11
<i>TBH di SPRM Selangor</i>	11-12
“ <i>Terapi untuk bertenang</i> ”	12-14
“ <i>Temu bual</i> ” oleh Arman dan Ashraf	14-16
<i>Perjumpaan dengan Lee Wye Wing</i>	16-17
<i>Merekod pernyataan</i>	17-19
<i>Kejadian selepas 3.30pg pada 16^{hb}</i>	19-20
<i>Penemuan mayat</i>	20-22
<i>Siasatan polis - “nota”</i>	22-25
<i>Tan Boon Wah</i>	26-32
<i>Lee Wye Wing [“Lee”]</i>	32-38
<i>Lee Kee Hiong [“Puan Lee”]</i>	38-39
<i>Mohd Harun Abdullah [“Harun”]</i>	39-41

Halaman

Keputusan mengenai terma rujukan yang kedua	41
Aspek patologi forensik	41
<i>Kronologi</i>	41-43
<i>Masa kematian</i>	43
<i>Kedudukan tubuh apabila ditemui</i>	43-44
<i>Pola kecederaan</i>	44-48
<i>Pakaian dan barang peribadi</i>	48-49
<i>Kesimpulan mengenai keterangan pakar patologi forensik</i>	49
Soal siasat	49
<i>Soal siasat yang pertama</i>	50-51
<i>Soal siasat yang kedua</i>	51-54
<i>Soal siasat yang ketiga</i>	54-57
<i>TBH tidak dilepaskan selepas pernyataannya dirakam</i>	57-59
<i>Penyertaan dan penglibatan secara aktif oleh HH</i>	59-63
<i>Surat Layang</i>	63-66
<i>Soal siasat yang keempat</i>	66-68
<i>Raymond</i>	68-70
Aspek psikiatri forensik	70-71
<i>Pakar psikiatri</i>	72-74
<i>Perwatakan TBH</i>	74
<i>Perubahan psikologi</i>	75-79
<i>Faktor penyumbang</i>	79
<i>Kesimpulan mengenai aspek psikiatri forensik</i>	79-80

	Halaman
Terma Rujukan Yang Pertama	80
Waran Geledah	81-85
<i>Syor mengenai penggeledahan</i>	86-89
Perintah tetap yang terpakai	89-92
<i>Pelanggaran perintah tetap yang terpakai</i>	92-94
Layanan terhadap saksi dan orang yang disyaki	94-96
Penambahbaikan yang dicadangkan	96
<i>Kelayakan dan latihan</i>	96-97
<i>Infrastruktur</i>	97-99
<i>Memanggil saksi</i>	99-100
<i>Saksi hendaklah diiringi</i>	100
<i>Temu bual dan merekod pernyataan</i>	101-104
<i>Had penyitaan</i>	104-105
Pengasingan fungsi mendakwa dan fungsi menyiasat	105-106
Penyenggaraan rekod	107
Pencegahan penyalahgunaan kuasa	107-110
Aduan	110-114
Latihan oleh APRM	115-116

Halaman

Standard temu bual	116
<i>Model PEACE</i>	117-119
<i>Kemudahan bagi temu bual</i>	119-120
<i>Syor</i>	120
Status orang yang diundang	120-124
Kerjasama dengan pihak berkuasa lain	124-125
Siasatan berhubung dengan rakan sejenayah	125-126
Kaedah alternatif bagi mendapatkan bukti	126
<i>Pemeriksaan dokumen</i>	127
<i>Pengambilan profesional</i>	127
Semakan ke atas proses yang disalahgunakan	127-128
Kaedah bersepadu	128
Syor bagi perubahan sikap pegawai SPRM	128-131
Kesimpulan	131-133
Penghargaan	135-136

LAPORAN SURUHANJAYA DIRAJA UNTUK MENYIASAT KEMATIAN TEOH BENG HOCK

Pengenalan

[1] Pada 16^{hb} Julai 2009 [“16^{hb}”], lebih kurang 1.30ptg seorang pengawal keselamatan yang ditempatkan di suatu syarikat komersial yang menghuni premis dalam bangunan pelbagai tingkat yang dikenali sebagai Plaza Masalam [“Plaza Masalam”] di Shah Alam, Selangor, menjumpai mayat seorang lelaki yang terbaring dengan mukanya mengadap bawah di tingkat 5 anjung bahagian luar bangunan itu. Beliau telah dikenal pasti kemudiannya sebagai Encik Teoh Beng Hock [“TBH”], seorang warganegara Malaysia berbangsa Cina yang merupakan setiausaha politik kepada seorang ahli majlis kerajaan Negeri Selangor.

[2] Sehari sebelum itu, pada 15^{hb} Julai 2009 [“15^{hb}”], TBH dibawa oleh pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Selangor [“SPRM Selangor”] ke ibu pejabatnya bertempat di tingkat 14 Plaza Masalam untuk disoal.

[3] Polis yang tiba di tempat kejadian pada 16^{hb} mengesahkan bahawa TBH telah meninggal dunia. Pegawai penyiasat polis bagi kes ini ialah ASP Ahmad Nazri Zainal [“ASP Nazri”]. Memandangkan beliau mengklasifikasikan kes ini sebagai kematian mengejut, inkues koroner diteruskan di bawah seksyen 337 Kanun Tatacara Jenayah. Selepas perbicaraan yang diganggu berlangsung selama tujuh belas bulan, pada 5^{hb} Januari 2011 koroner mengumumkan keputusan terbuka. Beliau tidak dapat memutuskan sama ada bunuh diri atau dibunuh sebagai sebab kematian.

[4] Terdapat bantahan orang ramai terhadap keputusan ini, khususnya daripada anggota keluarga TBH yang mendesak supaya Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan untuk menyiasat kematian TBH semasa berada dalam tahanan agensi penguatkuasaan undang-undang, iaitu SPRM Selangor.

Suruhanjaya Siasatan Diraja

[5] Bersetuju dengan permintaan ini, Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak menurut seksyen 2(1)(d) dan seksyen 3(1) Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [“Akta SS”], pada 26^{hb} Januari 2011 telah melantik kami sebagai Pesuruhjaya bagi Suruhanjaya Siasatan Diraja [“SSD”] ini dengan terma rujukan yang berikut:

1. “untuk menyiasat sama ada berlakunya apa-apa perbuatan yang tidak wajar dalam menjalankan pemeriksaan ke atas Teoh Beng Hock atau tidak, semasa siasatan dijalankan ke atas repot Shah Alam bernombor 0052/2009 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berhubung dengan perintah tetap dan amalannya dan untuk membuat syor mengenai apa-apa tindakan yang sewajarnya, di mana perlu; dan
2. untuk menyiasat kematian Teoh Beng Hock dan hal keadaan yang menyelubungi dan menyumbang kepada kematianya.”

[6] Jangka masa yang disebut dalam surat pelantikan kami, untuk menyelesaikan siasatan ini dan mengemukakan laporan kepada Yang di-Pertuan Agong ialah tiga bulan dari tarikh pengeluaran surat pelantikan kami. Ini adalah pada 25^{hb} April 2011. Walau bagaimanapun, atas permintaan kami kepada Yang di-Pertuan Agong, tempoh ini telah dilanjutkan ke 25^{hb} Jun 2011.

Perwakilan

[7] Kami mula mengambil keterangan dalam siasatan ini pada 14^{hb} Februari 2011, selepas menyelesaikan perkara-perkara permulaan dan tatacara dalam mesyuarat-mesyuarat dari 29^{hb} Januari 2011 dan selanjutnya. Selain pegawai pengendali yang membantu SSD, empat pihak memohon untuk diwakili oleh peguambela di bawah seksyen 18 Akta SS. Mereka ialah:

1. Majlis Peguam Malaysia;
2. SPRM;
3. Kerajaan Negeri Selangor;
4. keluarga TBH.

[8] Selepas permohonan mereka dibenarkan, peguam bagi keluarga TBH, Encik Karpal Singh dan Encik Gobind Singh Deo, meminta penangguhan prosiding siasatan kerana penglibatan mereka sebagai peguam dalam perbicaraan mantan timbalan perdana menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim atas pertuduhan jenayah bagi kesalahan meliwat di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Selanjutnya, kedua-dua mereka berpendapat bahawa pegawai pengendali yang membantu SSD akan bertindak berat sebelah memandangkan mereka merupakan pegawai daripada Jabatan Peguam Negara.

[9] Encik Malik Imtiaz Sarwar [“Encik Malik Imtiaz”], peguam yang mewakili kerajaan Negeri Selangor, bersetuju dengan pendapat tersebut. Apabila kami memutuskan untuk tidak memberikan penangguhan dan tidak melepaskan pegawai pengendali kerana kami mendapati tiada asas bagi mereka untuk bertindak berat sebelah atau mempunyai kecenderungan untuk bertindak berat sebelah pada peringkat itu, Encik Karpal Singh dan Encik Gobind Singh Deo memaklumkan kepada kami bahawa mereka diarahkan supaya merujuk keputusan kami kepada Mahkamah Tinggi untuk semakan kehakiman.

[10] Kemudian, apabila perkara ini tidak berlaku, hujahan selanjutnya dikemukakan kepada kami oleh peguam-peguam ini bahawa terdapat permohonan yang belum selesai oleh Peguam Negara Malaysia supaya disemak semula keputusan koroner. Menurut mereka, perkara ini sepatutnya diputuskan sebelum SSD meneruskan tugasnya. Tambahan lagi, terdapat desakan oleh mereka supaya Pengerusi SSD mengecualikan dirinya sendiri memandangkan beliau merupakan hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia yang masih bertugas. Kami mempercayai bahawa tujuan utama mereka membangkitkan alasan-alasan tersebut adalah untuk memaksa SSD menangguhkan prosidingnya. Apabila perkara ini

ditolak, kedua-dua Encik Karpal Singh dan Encik Gobind Singh Deo pada 16^{hb} Februari 2011 mengatakan bahawa mereka tidak akan turut serta dalam siasatan ini memandangkan mereka tidak berhasrat “*to lend legitimacy*” kepadanya. Pada hari berikutnya, Encik Malik Imtiaz mengambil keputusan yang sama, dengan memberikan alasan tambahan bahawa SSD tidak sepatutnya mendengar keterangan semula tetapi menerima keterangan yang dizahirkan semasa inkues koroner, suatu pendekatan yang tidak dipersetujui kami.

Tatacara yang diguna pakai

[11] Tatacara yang diguna pakai oleh SSD semasa siasatan ini adalah serupa dengan tatacara Suruhanjaya Siasatan Diraja dahulu. Pegawai pengendali selepas berunding dengan kami dan pihak diwakili yang tinggal, membekalkan suatu senarai saksi untuk dipanggil. Semua saksi berkenaan hadir untuk memberikan keterangan. Mereka disoal secara terperinci dan mendalam oleh kami dan peguam bagi pihak diwakili. Sesetengah daripada mereka diperiksa berdasarkan pernyataan yang dibuat oleh mereka kepada polis, diari siasatan, kertas siasatan yang dikelas semula dan dokumen lain yang diminta oleh kami dan yang diberikan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [“SPRM”] dan polis serta ekshibit yang dikemukakan semasa inkues koroner. Kami perlu menyatakan bahawa, kebanyakan masanya, SPRM memberikan kerjasama dalam membekalkan bahan yang kami minta.

[12] Walaupun peguam yang mewakili pihak yang tinggal sepatutnya bertindak secara tidak berat sebelah dalam membantu kami mencari kebenaran tentang perkara yang berlaku kepada TBH pada malam 15^{hb} dan awal pagi 16^{hb}, kecuali pegawai pengendali, setiap pihak mengambil pendekatan berlawanan yang bersilang [“*diagonally opposite approach*”] dalam menyoal saksi dan dalam penghujahan yang dibuat. Dato’ Sri Muhammad Shafee Abdullah, peguam bagi SPRM, mempertahankan pegawai SPRM yang dipanggil untuk memberikan keterangan, sementara pasukan peguam daripada Majlis Peguam Malaysia [“Majlis Peguam”] menyoal mereka dengan terperinci, berlanjutan dan tanpa henti untuk

memastikan yang mereka berusaha sedaya upaya [“*no stone was left unturned*”] dalam mencari kebenaran. Cara menyoal seperti ini memanfaatkan kami kerana ia membolehkan kami melihat keterangan dari perspektif yang berbeza-beza.

[13] Bagi membantu kami dalam penyiasatan kami sendiri, perkhidmatan Encik Michael Leslie Squires [“penyiasat”] telah diperoleh melalui pendakwa raya di bawah seksyen 16(2) Akta SS. Beliau merupakan bekas pegawai polis dari Liverpool, England dan dahulunya menjadi ketua penyiasat *Independent Commission Against Corruption* [“ICAC”] di Hong Kong. Encik Squires dapat menjalankan beberapa penyiasatan yang membantu kami tetapi yang lebih penting ialah input beliau mengenai tatacara dan amalan siasatan dan soal siasat yang diguna pakai di negara lain. Ini membolehkan kami memahami bagaimana proses menyoal sepatutnya dijalankan untuk memperoleh hasil yang maksimum dengan sepatutnya dan mengikut undang-undang daripada menggunakan teknik yang tidak beretika untuk memperoleh hasil sedemikian.

Standard pembuktian

[14] Bagi mencapai dapatan mengenai fakta, suatu tahap pembuktian tertentu yang memuaskan hati kami perlu diadakan. Bagi standard pembuktian yang dikehendaki, dapatan kami adalah berasaskan imbalan kebarangkalian yang lebih kepada bukti yang melampaui keraguan munasabah [lihat *Briginshaw v Briginshaw and another* (1938) 60 CLR 336, 362].

[15] Kami mengguna pakai pendekatan ini kerana dapatan kami boleh menyebabkan kerosakan yang serius kepada nama baik sesetengah individu tetapi perkara ini mesti diukur dengan mengambil kira kematian seseorang semasa berada dalam tahanan agensi penguatkuasaan undang-undang, yang mana satu-satunya saksi ialah orang yang perlakuannya sedang disiasat. Selanjutnya, terdapat hakikat sebenar dan yang memedihkan tentang penemuan “*a blue wall of silence*” berdasarkan ikatan persaudaraan di kalangan para pegawai organisasi yang terlibat.

Terma rujukan yang kedua

[16] Berkenaan dua terma rujukan yang dirujuk kepada kami, yang pertama amat bergantung kepada penyiasatan dan dapatan kami mengenai yang kedua. Memandangkan akan berlaku banyak pertindihan antara kedua-duanya, pendekatan yang diambil bagi laporan kami adalah dengan membincangkan terma rujukan yang kedua dahulu sebelum membincangkan yang pertama.

[17] Untuk memahami sepenuhnya dapatan kami, kami akan menghuraikan fakta sebelum memberikan keputusan kami berserta alasan.

Fakta

[18] Kerajaan Negeri Selangor, pada masa kematian TBH, dikuasai oleh Pakatan Rakyat, suatu pakatan parti pembangkang di peringkat kerajaan Persekutuan. Setiap ahli dewan undangan negeri di Negeri Selangor diberikan peruntukan sebanyak RM500,000.00 setahun daripada tabung negeri bagi projek dan program yang dijalankan dalam kawasannya. Walau bagaimanapun, bukan kesemua ahli dewan undangan negeri dibenarkan untuk membuat keputusan mengenai cara untuk membelanjakan peruntukan tersebut. Keistimewaan tersebut hanya dikhaskan bagi mereka yang datang daripada parti yang memerintah. Seorang ahli majlis mesyuarat negeri Selangor memperoleh peruntukan tambahan sebanyak RM100,000.00 setahun sebagai tambahan kepada peruntukan lazimnya.

[19] Tidak ada pendekatan yang seragam mengenai cara untuk membelanjakan peruntukan ini. Kebanyakannya bergantung kepada pilihan ahli dewan undangan negeri yang berhak untuk membuat keputusan mengenai cara peruntukan ini dibelanjakan. Sungguhpun begitu, hendaklah diingati bahawa apa-apa perbelanjaan yang dilakukan bagi satu-satu projek tidak boleh melebihi RM20,000.00.

[20] Perbelanjaan bagi projek yang dijalankan telah dibayar oleh Pejabat Daerah atau Pejabat Tanah yang berkaitan di mana kawasan itu terletak.

[21] Bagi kawasan Seri Kembangan, ahli dewan undangan negeri pada masa material itu ialah Yang Berhormat Ean Yong Hian Wah [“YB Ean”]. Beliau juga merupakan ahli majlis mesyuarat kerajaan Negeri Selangor. Semasa siasatan kami, kami diberitahu bahawa beliau memilih untuk membelanjakan peruntukannya ke atas “projek kecil” dan “program” bagi tahun 2008 dan 2009.

[22] Projek kecil melibatkan kerja pembinaan awam seperti membaiki parit, pagar, tembok penahan yang rosak dan yang seumpamanya. Program melibatkan penganjuran acara untuk menggalakkan lagi persefahaman dan hubungan baik di kalangan orang yang tinggal di sesuatu kawasan. Satu contoh ialah “Pesta Tanglung” dan contoh yang lain adalah untuk menggalakkan pelepasan anggota Pakatan Rakyat tertentu yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri [“ISA”] pada masa material itu dan juga bagi pemansuhan Akta tersebut [walaupun kami mendapati adalah pelik yang perjuangan sedemikian termasuk dalam ruang lingkup “mesra rakyat”].

[23] Dari bulan Jun 2009 hingga 1^{hb} Mac 2010 [apabila beliau dipindahkan keluar], timbalan pengarah SPRM Selangor ialah Hishamuddin Hashim [“HH”]. Sebagai timbalan pengarah, beliau bertanggungjawab bagi penyiasatan dan pengumpulan risikan oleh SPRM Selangor di Negeri Selangor. Dimaklumkan untuk perhatian bahawa beliau nampaknya mempunyai kuasa mutlak untuk menyiasat sesiapa yang disyakinya terlibat dalam apa-apa amalan rasuah di negeri itu tanpa memberitahu atau memperoleh persetujuan pegawai atasannya di ibu pejabat SPRM di Putrajaya [“HQ”] atau pegawai atasannya di pejabat, iaitu pengarah SPRM Selangor. Sungguhpun begitu, kami dimaklumkan oleh timbalan ketua pesuruhjaya SPRM pada masa ini bahawa kelemahan berkenaan telah diatasi dan sekarang kategori kes yang tertentu yang dikendalikan oleh SPRM di mana-mana negeri menghendaki kelulusan dan persetujuan daripada HQ sebelum siasatan dimulakan.

[24] Sekitar 21^{hb} Jun 2009, HH berkata bahawa beliau menerima maklumat daripada sumber yang mengatakan bahawa ahli dewan undangan Negeri Selangor yang berhak untuk menggunakan peruntukan terlibat dalam mengemukakan tuntutan palsu dan bahawa ahli dewan undangan negeri Pakatan Rakyat yang tertentu menggunakan peruntukan demi kepentingan parti politik mereka dan bukan bagi faedah orang ramai. Sumber itu menyarankan supaya tuntutan yang dikemukakan oleh ahli dewan undangan negeri tersebut disiasat. Maklumat yang diterima oleh HH ini diturunkan ke dalam bentuk bertulis dan dikemukakan sebagai ekhibit yang ditandakan I 207.

[25] Bertindak atas maklumat berkenaan, HH mengarahkan pegawai bawahannya, Mohamad Anuar Ismail [“Anuar”] pada 24^{hb} Jun 2009, untuk membuat suatu aduan bertulis rasmi yang menyatakan bahawa ahli dewan undangan Negeri Selangor telah mengemukakan tuntutan palsu kepada Pejabat Daerah bagi program yang tidak dijalankan dan menyarankan tindakan diambil untuk menentukan sama ada mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [“Akta SPRM”] telah dilakukan. Anuar membuat aduan ini pada 13^{hb} Julai 2009 [ekhibit I 61].

[26] Berikutan daripada ini, banyak dokumen daripada pelbagai Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah di Selangor di mana tuntutan tersebut diuruskan telah disita. Perkara ini mendapat perhatian umum yang meluas dan dilaporkan secara besar-besaran dalam media tempatan.

[27] Kemudian pada 14^{hb} Julai 2009, HH memberikan taklimat kepada pegawai-pegawaiannya yang menerangkan rancangan bagi suatu operasi. Beliau menumpukan kepada dua kawasan: Seri Kembangan yang merupakan kawasan YB Ean dan satu lagi yang dikenali sebagai Kampung Tunku yang berada di bawah ahli dewan undangan negeri yang berbeza. Beliau kemudiannya mengarahkan supaya diadakan sembilan pasukan, setiap satu terlibat dalam aktiviti yang berbeza, contohnya, satu pasukan memeriksa daftar perniagaan untuk menentukan pemunya

firma yang membuat tuntutan bagi projek atau program sementara yang lain menggeledah pelbagai premis yang disasarkan bagi memperoleh bukti yang menunjukkan kesalahan telah dilakukan.

[28] Menghadapi hakikat bahawa tenaga kerja yang tidak mencukupi, HH meminta pegawai daripada cawangan SPRM yang lain di Selangor dan juga daripada HQ untuk membantu. Anuar dilantik oleh HH sebagai pegawai penyiasat bagi operasi ini walaupun terdapat pegawai yang lebih kanan lain, Hairul Ilham Hamzah [“Hairul Ilham”], yang merupakan ketua penyiasatan di SPRM Selangor. Kesemuanya, terdapat tiga puluh tiga pegawai yang terlibat dan pada pagi 15^{hb}, HH mengarahkan mereka untuk memulakan operasi. Selanjutnya, HH memutuskan supaya Anuar menguruskan Seri Kembangan sementara Hairul Ilham menumpukan perhatian pada Kampung Tunku.

Kejadian di bangunan SUK

[29] Anuar dan pasukannya yang terdiri daripada empat pegawai pergi ke pusat perkhidmatan YB Ean di Seri Kembangan pada mulanya. Berdasarkan maklumat yang tuntutan yang dipersoalkan telah diuruskan oleh pejabat YB Ean di bangunan setiausaha kerajaan negeri [“bangunan SUK”] di Shah Alam, Selangor, dia bersama-sama dengan pasukannya terus ke sana pada sebelah tengah hari yang sama pada 15^{hb}. Pada lebih kurang 3.00ptg di tingkat 15 pejabat YB Ean mereka bertemu TBH. Menurut Anuar, selepas memperkenalkan dirinya dia meminta TBH untuk memberi kepada dia dan pasukannya dokumen yang berkaitan dengan tuntutan di bawah peruntukan bagi tahun 2008 dan 2009. Dia dan pasukannya bermaksud untuk memeriksa dokumen tersebut terhadap empat dokumen yang mencurigakan yang diperoleh mereka daripada fail yang diambil daripada Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah. TBH menurut permintaan itu dan memberikan dokumen yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, tanpa mengehadkan siasatan mereka kepada perkara ini, seorang pegawai pengiring bernama Mohd Najeib Ahmad Walat [“Najeib”] memeriksa komputer riba TBH. Beliau menjumpai empat dokumen yang mencurigakan [D94, D95, D96 dan D97 dalam

ekhibit I 197, iaitu ekhibit D94 hingga D97]. Dokumen ini dikatakan draf dan melibatkan sebut harga bagi projek yang dibelanjakan di bawah peruntukan.

[30] Tidak lama selepas itu, setelah diberitahu oleh TBH melalui telefon mudah alih tentang kehadiran pegawai SPRM, YB Ean segera ke pejabatnya daripada mesyuarat dewan undangan negeri Selangor untuk berjumpa dengan Anuar dan pasukannya. Beliau diiringi oleh sebilangan besar pemberita. Suatu pertengkaran hangat berlaku antara YB Ean dan Anuar terutamanya mengenai hak SPRM untuk memasuki premis tanpa waran geledah. Tidak selesa dengan kehadiran pemberita di pejabat YB Ean yang merayau-rayau dengan bebas, Anuar dan pasukannya menarik diri dari pejabat tersebut dan pergi ke tempat letak kereta di bangunan SUK. Beliau kemudiannya berjumpa dengan Hairul Ilham yang kebetulan berada juga di situ atas tugas yang diberikan. Selepas menerima arahan lanjut daripada HH tentang perkara yang perlu dilakukan, Anuar dan pasukannya, diiringi oleh Hairul Ilham, kembali ke pejabat YB Ean. Di sana, dia bertemu TBH sekali lagi. Tidak lama selepas itu, YB Ean datang semula ke pejabat, dan kali ini beliau meminta peguamnya hadir. Encik Manoharan a/l Malayalam [“Manoharan”], peguamnya, hadir tidak lama selepas itu dan pertengkaran lanjut berlaku, berasaskan permintaan Anuar untuk membawa TBH ke pejabat SPRM Selangor untuk disoal siasat. Gambar yang menunjukkan keadaan ini telah diambil oleh seorang pemberita daripada akhbar “*The Star*” dan disiarkan pada hari esoknya.

[31] Akhirnya, suatu kompromi dicapai yang mana TBH digalakkan supaya mengikut Anuar dan pasukannya. Menurut Manoharan, Anuar berjanji kepadanya bahawa dia, Manoharan, boleh menemani TBH untuk ditemu bual tetapi kemudiannya dipermainkan atau diperdayakan oleh Anuar apabila dia tidak dibenarkan langsung untuk berjumpa TBH di pejabat SPRM Selangor.

[32] Menurut Anuar, apabila dia berjumpa TBH di pejabat YB Ean, TBH kelihatan gelisah dan berjalan mundar-mandir. Pendapat ini disokong oleh keterangan Najeib yang memeriksa komputer TBH. Mengikut

pendapat Manoharan, TBH pada masa material itu terperanjat apabila melihat semua komputer disita. Tetapi, selepas bercakap dengan TBH dan meminta beliau bekerjasama dengan pegawai MACC, Manoharan mendapatkan bahawa TBH kelihatan lebih teruja dan bersedia untuk mengikut Anuar dan pasukannya.

[33] TBH meninggalkan pejabat itu bersama-sama dengan pasukan Anuar sejurus sebelum 6.00ptg pada 15^{hb} dengan menaiki keretanya sendiri. Menjadi hakikat bahawa beliau diiringi oleh dua orang pegawai SPRM. Seorang bernama Mohd Hafiz Izhar Idris [“Hafiz”] membawa unit pemprosesan pusat [“CPU”] komputer yang disita daripada pejabat YB Ean dan duduk di bahagian belakang kereta TBH. Yang lagi satu ialah Mohamad Azhar Abang Mentaril [“Azhar”] yang membawa komputer riba TBH dan duduk di sebelah TBH yang memandu kereta. Walaupun Anuar dan Hafiz menegaskan bahawa TBH menyimpan sendiri komputer ribanya sepanjang perjalanan tersebut, perkara ini bercanggah dengan gambar video yang dirakam dalam kamera televisyen litar tertutup [“cctv”] di pintu masuk Plaza Masalam di tingkat empat. Rakaman itu dengan jelas menunjukkan Azhar membawa suatu beg yang berisi komputer riba TBH, sementara TBH tidak memegang apa-apa kecuali telefon mudah alih yang melaluinya beliau sedang bercakap.

TBH di SPRM Selangor

[34] Pada lebih kurang 6.15ptg di kawasan penyambut tetamu pejabat SPRM Selangor, Anuar bertemu TBH. Ternyata yang TBH dibawa ke situ untuk menunggu arahan Anuar. Di sini, Anuar mendapati sekali lagi yang TBH berjalan mundar-mandir seolah-olah dia sedang mencari sesuatu. Perkara ini mendorong Anuar bertanya kepada TBH sama ada dia [Anuar] boleh membantu. Kami mendapati perkara ini agak pelik memandangkan Anuar yang berkehendakkan TBH dibawa untuk disoal siasat. Kemudian, menurut Anuar, TBH bertanya sama ada beliau boleh menghubungi peguamnya melalui telefon mudah alihnya. Permintaan ini dipersetujui dan TBH membuat suatu panggilan. Apabila perkara ini selesai, Anuar mengarahkan TBH mematikan telefon mudah alihnya. Untuk memastikan bahawa arahan ini diikuti, Anuar mengambil telefon

mudah alih TBH untuk diperiksa tetapi mengembalikannya kepada TBH dengan arahan supaya telefon tersebut disimpan dalam begnya. Hafiz, yang turut berada di kawasan penyambut tetamu pada masa itu, memerhatikan perlakuan bahagian pertama perkara itu tetapi tidak pasti sama ada Anuar mengembalikan telefon mudah alih kepada TBH ataupun tidak.

[35] Aspek keterangan ini adalah amat penting apabila ternyata yang TBH merupakan salah seorang daripada mereka yang tidak boleh berpisah dengan cara perhubungan moden ini dan yang, apabila dipisahkan daripada telefon mudah alihnya, menjadi benar-benar keliru dan tidak berdaya dalam keadaan beliau pada masa itu. Obsesi beliau dengan alat ini disahkan oleh rakan sepejabat yang amat rapat dengannya iaitu Cik Ooi How Oon [“Mandy”] dan tunangnya Cik Soh Cher Wei [“Cik Soh”] dan juga oleh anggota keluarganya. Mandy menggambarkan TBH sebagai seseorang yang tidak boleh hidup tanpa telefon mudah alihnya. Cik Soh pula memberitahu bahawa TBH meluangkan banyak masa dengan telefon mudah alihnya untuk bercakap dengan keluarga dan rakan-rakannya. Gambaran tentang keperluannya untuk berhubung melalui cara ini adalah apabila dia menghubungi YB Ean untuk bertanya di mana Manoharan berada. Tidak lama selepas itu, dia menghubungi Manoharan untuk mengetahui di mana beliau berada.

“Terapi untuk bertenang”

[36] Dilihat sebagai suatu idea yang sangat baik untuk “menenangkan” TBH, Anuar menempatkan TBH di suatu seksyen pejabat SPRM Selangor yang dikenali sebagai Bahagian Pendidikan Masyarakat, yang biasanya dikenali “Pen Mas”. Terdapat beberapa sofa: dua sofa dengan satu tempat duduk dan satu sofa dengan tiga tempat duduk. Walau bagaimanapun, daripada membiarkan TBH bersendiri untuk menenangkan dirinya, Anuar mengarahkan beberapa orang pegawai untuk menjadi “teman” TBH. Terdapat enam hingga tujuh orang pegawai pada masa yang sama, bermula dengan Hafiz, diikuti dengan Azhar dan yang lain. Sesekali, Anuar akan datang untuk memeriksa keadaan. Anuar mengarahkan salah

seorang daripada pegawai berkenaan, iaitu Azhar, untuk mengumpulkan maklumat daripada TBH tentang latar belakangnya: sama ada dia sudah berkahwin, kelayakan akademiknya, pekerjaannya yang dahulu dan yang seumpamanya. Perkara ini telah disempurnakan dalam masa sepuluh minit sahaja. Yang mengejutkan, Hafiz juga bertanya soalan yang sama tetapi mengaku bahawa pertanyaan tersebut bertujuan untuk mengenali TBH. Seterusnya, pegawai lain iaitu Sachianandan a/l Krishnasekar [“Sachi”] juga mengulangi soalan yang sama.

[37] TBH berada dalam keadaan ini pada lebih kurang 6.30ptg hingga 10.40mlm. Tetapi kebanyakan pegawai yang “menemani”nya memberitahu bahawa TBH menyendiri, tidak bercakap, keletihan dan hanya menjawab soalan apabila ditanya. Sebenarnya, pada satu peringkat, TBH bertanya Sachi bila dia boleh balik ke rumah. Sachi memaklumkannya bahawa dia mungkin boleh berbuat demikian selepas pernyataannya direkod.

[38] Pada masa ini juga di kawasan Pen Mas, TBH didatangi Najeib yang menemui empat dokumen yang dikatakan menunjukkan unsur-unsur kesalahan dalam komputer riba TBH sementara berada di bangunan SUK. Dengan tujuan untuk mengakses akaun e-mel TBH supaya dapat mengakses semula empat dokumen berkenaan, beliau berkehendakkan TBH menaip kata laluannya ke dalam komputer ribanya. TBH memenuhi kehendak tersebut dan selepas itu empat dokumen berkenaan dimuat turun dan dicetak oleh Najeib dan diberi kepada Anuar.

[39] Sementara itu, di bahagian lain pejabat itu, Hairul Ilham, yang mengambil alih tugas sebagai pegawai penyiasat secara sementara daripada Anuar [memandangkan Anuar keluar selepas 8.00mlm untuk menguruskan hal peribadi berkaitan dengan rumah tangganya, iaitu mengambil pembantu rumahnya dari lapangan terbang dan membawanya ke rumah beliau], mengarahkan seorang pegawai bernama Arman Alies [“Arman”] untuk memeriksa empat fail yang mengandungi dokumen yang diperoleh daripada Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah. Dokumen tersebut berhubung dengan tuntutan yang dibuat di bawah peruntukan YB Ean bagi tahun 2008 dan 2009. Arman adalah dari HQ dan turut

dibawa bersama khususnya bagi maksud operasi ini. Pentingnya Arman dalam siasatan ini adalah kerana dia “menemu bual” TBH berhubung dengan dokumen berkenaan.

[40] Menurut Arman, dia meneliti beberapa dokumen berkenaan dan mengasingkan dokumen yang didapati mencurigakan. Tidak lama selepas itu, Hairul Ilham memberikan empat dokumen lagi kepadanya [ekhibit D94 hingga D97] dan memintanya memeriksa bagaimana harga bahan-bahan dalam dokumen berkenaan ditentukan dan sama ada firma-firma yang membuat tuntutan daripada peruntukan itu sebenarnya wujud. Daripada menjalankan tugas ini sendiri, Arman meminta bantuan daripada TBH. Selanjutnya, beliau juga membuat permintaan supaya pegawai lain membantunya. Hairul Ilham bersetuju dan menugaskan seorang pegawai SPRM Selangor bernama Ashraf Mohd Yunus [“Ashraf”] untuk membantunya.

“Temu bual” oleh Arman dan Ashraf

[41] TBH dipanggil untuk ditemu bual di hadapan kedua-dua pegawai berkenaan pada lebih kurang 10.45mlm pada 15^{hb}. Temu bual itu diadakan di dalam bilik mesyuarat yang besar berdekatan pejabat HH. Daripada meneliti dokumen berkenaan dan bertanya soalan, Arman menterbalikkan kaedah tersebut dan menggunakan pendekatan inkuisitorial. Dia memberikan dokumen yang ada padanya kepada TBH dan meminta supaya TBH memeriksa empat fail berkenaan untuk mengesan dokumen yang sama dengan ekhibit D94 hingga D97. Menurut kedua-dua Arman dan Ashraf, TBH tidak dapat mengesan dokumen tersebut. Kemudian, dengan melampaui skop tugas mereka yang tertentu, mereka terus menyoal TBH tanpa henti mengenai semua dokumen berkenaan yang terdapat di dalam empat fail tersebut, dengan mencari salah TBH mengenai sebab beliau menandatangani beberapa borang kebenaran bagi tuntutan dengan menggunakan cop getah YB Ean. Soalan ini ditanya walaupun nama TBH ditulis dengan jelas pada dokumen berkenaan yang menunjukkan bahawa beliau menandatangani untuk dan bagi pihak YB Ean. Soalan dikemukakan kepada TBH tentang

ketidakpatuhan yang dikatakan itu terhadap arahan Perbendaharaan tertentu mengenai pemberian kontrak, iaitu, bahawa hendaklah terdapat sekurang-kurangnya tiga sebut harga yang berasingan sebelum sesuatu kontrak boleh diberikan dan bahawa amaun bagi kontrak tidak boleh melebihi RM10,000.00 [memandangkan kedua-dua Arman dan Ashraf berpura-pura tidak tahu tentang amaun ini yang telah dinaikkan kepada RM20,000.00 melalui suatu pekeliling kerajaan Selangor yang juga membenarkan pemberian terus bagi kontrak sedemikian].

[42] Satu lagi aspek penting mengenai “temu bual” ini ialah kedua-dua pegawai berkenaan meminta TBH memberikan kata laluan bagi akaun e-mel peribadinya, suatu perkara yang amat menyakitkan hati TBH, menyebabkan beliau berasa sangat bimbang dan terganggu. Kami akan membincangkan perkara ini kemudian dalam laporan ini.

[43] Kedua-dua Arman dan Ashraf bersetuju bahawa TBH tidak dapat menjawab kebanyakan soalan yang ditanya. Kebanyakan masanya, menurut kedua-dua pegawai berkenaan, TBH mendiamkan diri dan hanya menyelak dokumen di dalam empat fail yang diberikan.

[44] Keadaan berkenaan yang kononnya merupakan temu bual berterusan hingga 12.45tgh pada 16^{hb}. Jadi, keseluruhan masa yang diambil oleh Arman dan Ashraf untuk menyoal TBH adalah selama lebih kurang dua jam. Catatan yang dibuat mengenai “temu bual” ini diberikan kepada Hairul Ilham tetapi anehnya catatan itu tidak dapat dikesan untuk dikemukakan bagi pemeriksaan kami dalam siasatan ini.

[45] Ashraf memberitahu bahawa sepanjang “temu bual” berkenaan, dia tidak memainkan apa-apa peranan dalam menyoal TBH. Sepanjang dua jam itu, selain keluar untuk mendapatkan satu salinan arahan Perbendaharaan [yang tidak lagi terpakai] dan mengambil segelas air untuk TBH minum, dia menandakan dokumen yang dirujukkan kepadanya oleh Arman.

[46] Sementara TBH “ditemu bual” oleh Arman dan Ashraf, YB Ean muncul di tingkat 14 Plaza Masalam pada lebih kurang 11.45mlm bersama-sama dengan seorang peguam wanita. Mereka meminta untuk berjumpa dengan TBH. Hairul Ilham menolak permintaan itu tetapi meyakinkan mereka bahawa TBH akan dilepaskan pada lebih kurang 5.00pg yang berikut. Dengan rasa kecewa, YB Ean beredar.

Perjumpaan dengan Lee Wye Wing

[47] Selepas “temu bual” itu, Ashraf mengiringi TBH semula ke kawasan Pen Mas. Di sana, TBH terkejut melihat seorang yang bernama Lee Wye Wing [“Lee”], yang dikenalinya. Lee juga telah dibawa untuk disoal siasat. Perihal beliau berhadapan dengan SPRM Selangor akan dihuraikan kemudian. Walau bagaimanapun, pada peringkat ini, kami perlu menumpukan perhatian kepada apa yang berlaku antara mereka pada awal pagi 16^{hb} di kawasan Pen Mas. Menurut Lee, perjumpaan antara mereka memakan masa lebih kurang sepuluh hingga lima belas minit. Keadaan agak pelik kerana mereka dibiarkan bersama-sama tanpa pengawasan dan pada masa ini mereka bertukar-tukar pengalaman tentang bagaimana mereka dibawa ke tempat tersebut. Mereka terpaksa bercakap perlahan-lahan kerana khuatir pegawai yang lalu lalang di kawasan tersebut boleh mendengar perbualan mereka.

[48] Menurut Lee, TBH mengadu bahawa pegawai SPRM mengambil telefon mudah alih dan komputer ribanya. Dia juga mengeluh bahawa dia tidak sepatutnya mendedahkan kata laluan bagi akaun e-melnya kepada pegawai berkenaan. Kemudian dia bertanya Lee sama ada terdapat keperluan untuk mengadakan tiga sebut harga sebelum sesuatu kontrak boleh diberikan. Seterusnya, dia mengadu bahawa dia telah meminta peguamnya hadir tetapi tidak dapat berjumpa dengan peguam itu. Secara umum, Lee mendapati bahawa TBH memikirkan banyak perkara. Lee beranggapan bahawa perkara ini mungkin disebabkan oleh TBH tidak dapat mengagak perkara yang akan berlaku kepada mereka selepas ini dan bimbang mengenai dakwaan pegawai SPRM tentang keperluan bagi tiga sebut harga sebelum sesuatu kontrak boleh

diberikan. Lee memberitahu bahawa TBH tidak mungkin mengetahui tentang keperluan tersebut kerana tugasnya tidak melibatkan perkara sedemikian. Lee mengatakan bahawa sebenarnya dia [Lee] yang lebih layak untuk menjelaskan perkara tersebut kerana ia berada dalam skop dan lingkungan tugasnya [perkara yang akan kami huraikan kemudian]. Perjumpaan tersebut berakhir apabila TBH dibawa pergi untuk direkod pernyataannya.

[49] Anuar kembali selepas menyempurnakan hal berkaitan dengan rumah tangganya pada lebih kurang tengah malam pada 15^{hb}, iaitu memasuki pagi 16^{hb}. Beliau diberitahu oleh Hairul Ilham supaya memberikan empat fail berkenaan, iaitu ekshhibit D94 hingga D97, catatan yang diambil oleh Arman semasa beliau “menemu bual” TBH, dan satu lagi set dokumen yang ditandakan sebagai ekshhibit I 206A, I 206B, I 206C dan I 206D [Kami akan jelaskan kemudian bagaimana dokumen tersebut diperoleh] kepada pegawai yang bernama Nadzri Ibrahim [“Nadzri”], yang diarahkan oleh Hairul Ilham untuk merekod pernyataan TBH. Nadzri mematuhi arahan itu dengan sewajarnya tetapi daripada mengikut arahan Hairul Ilham dengan serta-merta selepas menerima pada 12.30pg pada 16^{hb}, Nadzri mengambil masa untuk berbuat demikian dan hanya mula merekod pernyataan TBH satu jam kemudian iaitu pada 1.30pg. Proses ini disempurnakan pada 3.30pg. TBH menandatangani pernyataan berkenaan. Pernyataan berkenaan, yang hanya merupakan salinan yang asal, ditandakan sebagai ekshhibit I 69. Kami tidak melihat dokumen yang asal. Menurut Nadzri, masa untuk ke tandas ada diberikan pada masa merekod pernyataan berkenaan. Rehat tersebut mengambil masa lima hingga sepuluh minit.

Merekod pernyataan

[50] Kami diberitahu oleh Nadzri bahawa sesi merekod pernyataan TBH dijalankan dalam bentuk soalan dan jawapan. Soalan akan ditanya oleh Nadzri dengan menunjukkan dokumen kepada TBH dan TBH akan menjawabnya. Jawapan yang diberikan oleh TBH akan dimasukkan ke dalam komputer oleh Nadzri dalam bentuk naratif dan ditunjukkan kepada TBH supaya dipersetujui sebelum soalan seterusnya ditanya.

[51] Nadzri mendapati bahawa semasa proses ini berjalan, TBH kelihatan serius dan sentiasa memandang ke bawah. Tangannya berada di antara pehanya. Dia senyap dan sering menguap. Dia juga mengeluh berulang kali dan hampir tidak bergerak.

[52] Menurut Nadzri, Anuar memasuki bilik semasa pernyataan TBH direkod. Anuar tidak menyatakan apa-apa yang penting kecuali bertanya dengan bersahaja sama ada semuanya “OK”.

[53] Perkara lain yang berlaku semasa pernyataan TBH direkod ialah pengakuan oleh Nadzri bahawa dia ada meninggikan suaranya pada TBH dan berkata: “Kalau you penat, saya pun penat juga sebab saya taip statement”. Kami mendapati bahawa tindakan meninggikan suara ini tidak perlu dan tidak wajar dilakukan. Pertamanya, tindakan tersebut dilakukan oleh pegawai yang menjalankan kewajipannya. Beliau sepatutnya menggunakan pendekatan yang lebih profesional. Sekiranya beliau benar-benar letih, beliau sepatutnya meminta supaya dilepaskan/dikecualikan dan digantikan oleh pegawai lain. Keduanya, TBH bukan orang yang disyaki. Dia merupakan saksi yang dipanggil untuk membantu SPRM Selangor dalam penyiasatannya. Rasa hormat sepatutnya diberikan kepada beliau. Oleh itu, layanan sedemikian ke atasnya oleh Nadzri pastinya tidak wajar. Selanjutnya, jika proses berkenaan adalah meletihkan, ia sepatutnya ditangguhkan kepada hari lain kecuali memang terdapat agenda untuk mengenakan tekanan kepada TBH dengan meneruskan sesi merekod pernyataannya dalam hal keadaan berkenaan.

[54] Selepas merekod pernyataan TBH, Nadzri telah pergi mencari Anuar sementara Hairul Ilham telah pulang pada lebih kurang 3.00pg pada 16^{hb}. Nadzri mendapati yang Anuar sedang tidur di surau yang terletak bersebelahan bilik mesyuarat berkenaan. Dia diarahkan oleh Anuar untuk meninggalkan dokumen dan pernyataan TBH di atas meja Anuar, dan menyuruh TBH pulang. Menurut saksi ini, apabila dia memaklumkan TBH sedemikian, TBH meminta supaya dia dibenarkan berada di pejabat berkenaan untuk berehat. Nadzri bersetuju tetapi

mengingatkan TBH supaya tidak merayau-rayau. Nadzri mendakwa bahawa dia telah memaklumkan perkara ini kepada Anuar dan beliau bersetuju.

Kejadian selepas 3.30pg pada 16^{hb}

[55] Ashraf memberitahu bahawa, pada lebih kurang 4.40pg pada 16^{hb}, semasa dia lalu di kawasan menunggu di luar bilik Nadzri, dia melihat TBH berbaring di atas sofa. TBH telah meminta minuman dan Ashraf mengambil minuman untuknya daripada pantri. Selepas itu, Ashraf memberitahu yang dia pulang dan meninggalkan TBH di tempat beliau berada iaitu berbaring di atas sofa di kawasan berkenaan.

[56] Kemudian, terdapat pegawai lain yang bernama Raymond Nion anak John Timban [“Raymond”] yang mengesahkan bahawa beliau nampak TBH berbaring di atas sofa di lokasi berkenaan apabila beliau hendak pulang pada lebih kurang 6.00pg pada 16^{hb}.

[57] Anuar, walaupun merupakan pegawai penyiasat bagi operasi tersebut, memilih untuk tidur sehingga keesokan pagi di kawasan yang dikatakan boleh diakses oleh orang ramai: di tempat menyambut tetamu yang disekat oleh suatu skrin. Dia tidak bangun sehingga 8.30pg pada 16^{hb} apabila kebanyakan daripada kakitangan telah berada di pejabat. Anuar menjelaskan bahawa dia memilih kawasan berkenaan kerana kawasan itu mudah diakses oleh pegawainya sekiranya mereka perlu berjumpanya. Sungguhpun begitu, agak pelik kerana kebanyakan pegawai yang lalu di kawasan itu tidak nampak beliau berada di situ.

[58] Pada lebih kurang 8.30pg pada 16^{hb}, selepas bangun daripada tidurnya, Anuar memberitahu bahawa dia dimaklumkan oleh seorang pegawai wanita bernama Norsiah tentang beg yang dilihat olehnya berada di sofa di hadapan bilik Nadzri. Selepas itu, apabila Anuar kembali ke biliknya, dia nampak beg tersebut yang dipercayainya telah dibawa oleh TBH pada hari sebelumnya. Beg itu berada atas lantai di sebelah sofa di kawasan sebagaimana yang diperihalkan oleh Norsiah. Di sebelah

beg itu terdapat satu telefon mudah alih. Dia mengambil kedua-duanya dan meletakkan telefon tersebut di atas mejanya dan beg di atas kerusi di dalam biliknya. Beliau tidak memeriksa kandungan beg tersebut. Kami hairan dengan sikap Anuar yang cuai dan tidak mengambil peduli berhubung dengan beg dan telefon mudah alih tersebut.

[59] Kami berfikiran bahawa sebagai pegawai penyiasat, Anuar sepatutnya lebih berwaspada dan mengambil berat tentang kandungan beg tersebut. Boleh dikatakan bahawa beg tersebut mungkin mengandungi bahan letupan untuk meletupkan pejabat SPRM Selangor memandangkan bukti yang menunjukkan kesalahan telah dilakukan terhadap orang yang disyaki pastinya tersimpan dalam pejabat tersebut. Selanjutnya, adalah tidak logik untuk tidak mengesyaki sesuatu terutamanya apabila pemilik beg tidak kelihatan di mana-mana. Pemeriksaan kandungannya boleh memberikan petunjuk tentang pemilik beg dan tempat di mana dia mungkin berada.

[60] Mempercayai bahawa TBH masih berada di pejabat berkenaan, Anuar pergi mencarinya. Kemudian, Hairul Ilham yang telah berada di pejabat pada masa itu menyertai Anuar mencari TBH. Mereka tidak menjumpai TBH tetapi tidak mengambil apa-apa langkah selanjutnya untuk menentukan tempat di mana dia berada. Kami berfikiran bahawa langkah awal yang berikut sepatutnya diambil untuk mengesan TBH: pertama, melihat kandungan begnya; kedua, menghubungi pengawal keselamatan yang bertugas pada waktu malam, iaitu Mohd Khairudin Denan [“pengawal Khairudin”] dan bertanya sama ada dia nampak TBH keluar dari bangunan berkenaan; ketiga, menghubungi Nadzri [pegawai yang merekod pernyataan TBH] untuk memastikan sama ada TBH memang bermalam di bangunan berkenaan.

Penemuan mayat

[61] Pada lebih kurang 1.30ptg pada 16^{hb}, seorang pegawai yang bernama Azeem Hafeez Jamaluddin [“Azeem”] terdengar seseorang menjerit dari bahagian bawah pejabat SPRM yang ada orang terjatuh

dari bangunan tersebut. Beliau segera ke bawah dengan ditemani oleh beberapa pegawai lain. Mayat itu terbaring di atas anjung tingkat 5 Plaza Masalam.

[62] Tidak lama selepas itu, Anuar dan Hairul Ilham dimaklumkan dan Anuar, setelah melihat mayat tersebut, memastikan bahawa ia merupakan mayat TBH. Apabila mereka menghubungi HH, yang berada di HQ pada masa itu, HH meminta supaya mereka datang ke HQ dengan serta-merta untuk memberikan ringkasan tentang kejadian tersebut. Apabila mereka tiba di tempat letak kereta di HQ mereka diberitahu oleh HH melalui telefon mudah alih supaya berpusing balik dan terus ke balai polis Shah Alam untuk membuat laporan tentang kejadian tersebut. Tetapi, apabila mereka sampai di balai polis, HH mengarahkan mereka supaya kembali ke pejabat SPRM Selangor. Maka, sehingga hari ini, tiada laporan polis dibuat oleh mana-mana pegawai SPRM Selangor mengenai kematian TBH.

[63] Kedua-dua Anuar dan Hairul Ilham, daripada terus balik ke pejabat dari balai polis sebagaimana yang diarahkan, meminta pengiring daripada SPRM Selangor. Menurut mereka, mereka khuatir akan keselamatan mereka. Didapati bahawa sekumpulan orang ramai telah berkumpul di premis SPRM Selangor untuk meminta penjelasan tentang bagaimana perkara sedemikian boleh berlaku kepada TBH yang sepatutnya hanya ditemu duga oleh SPRM Selangor sebagai seorang saksi tetapi telah dijumpai mati.

[64] Anuar lebih paranoid dalam tindakannya. Dalam perjalanan ke HQ bersama-sama dengan Hairul Ilham sebagaimana yang diarahkan oleh HH, dia telah singgah di rumahnya untuk memaklumkan isterinya tentang kejadian tersebut dan meminta beliau mengambil langkah-langkah keselamatan. Dia memberitahu bahawa dia berasa tidak selamat kerana pada pagi itu akhbar “*The Star*” menyiaran gambarnya sedang bertengkar dengan Manoharan dengan kehadiran TBH. Peguam bagi Majlis Peguam mentafsirkan tindakan Anuar singgah di rumahnya sebagai suatu penyesalan bagi Anuar yang hendak mengaku kepada

isterinya mengenai apa-apa tindakan yang salah di sisi undang-undang yang telah diambilnya terhadap TBH.

[65] Pihak polis memulakan siasatan mereka tidak lama selepas mayat TBH dijumpai. Siasatan ini termasuk menjalankan kerja-kerja forensik di premis dan juga ke atas si mati. Siasatan forensik ke atas si mati dilakukan oleh ahli patologi forensik. Penjelasan lengkap mengenai tugas mereka akan dizahirkan dan dibincangkan kemudian.

[66] Petang itu, iaitu pada 16^{hb}, semua personel SPRM Selangor yang berkaitan yang terlibat dalam operasi berkenaan berada dalam premis tersebut. Sebelum itu, pegawai tertinggi SPRM yang bernama Dato' Seri Abu Kassim Mohamed, timbalan ketua pesuruhjaya pada masa itu, dan Datuk Mohd Shukri Abdul ["Datuk Shukri"], pengarah siasatan negara pada masa itu, hadir di pejabat SPRM Selangor. Taklimat telah diberikan kepada mereka mengenai kejadian yang berlaku. Dato' Seri Abu Kassim Mohamed mengarahkan semua personel SPRM yang terlibat supaya bercakap benar dan bekerjasama dengan pihak polis dalam penyiasatan mereka. Pihak polis merekod pernyataan beramaran pada petang 16^{hb} dan pada hari-hari yang berikutnya daripada semua yang terlibat.

Siasatan polis - "nota"

[67] Semasa penyiasatan polis ke atas kematian TBH, ASP Nazri mengambil beg TBH. Kandungan beg itu dikosongkan. Antara benda yang dijumpai ialah helaian kertas yang difikirkan oleh ASP Nazri sebagai tidak penting pada masa itu. Beliau tidak menjalankan siasatan lanjut ke atas helaian kertas berkenaan sehingga terfikir untuk berbuat demikian oleh Dr Badi'ah Yahya ["Dr Badi'ah"], seorang pakar psikiatri forensik yang dilantik untuk membantu SPRM dalam menentukan keadaan fikiran TBH dari aspek psikologi. Dr Badi'ah ada bertanya ASP Nazri sama ada terdapat apa-apa benda yang ditinggalkan oleh TBH yang berupa nota bunuh diri, dengan mengambil kira pengalamannya dalam kes serupa, yang melibatkan kematian mengejut yang disyaki sebagai membunuh diri. Hanya selepas itu ASP Nazri melihat semula dokumen

yang dijumpai di dalam beg tersebut. Apabila dia menjumpai suatu nota yang sebahagian besarnya ditulis dalam huruf Cina, dia meminta seorang rakan sepejabatnya untuk menterjemahkan nota itu kepadanya. Apabila menyedari bahawa nota itu adalah penting, dia membawa perkara ini kepada perhatian pegawai atasannya yang kemudiannya mengarahkannya supaya menghantar nota itu ke Jabatan Kimia untuk analisis tulisan tangan. Nota itu hanya dikemukakan semasa inkues di hadapan koroner pada 9^{hb} Ogos 2010, selepas inkues tersebut telahpun bermula. Kami menandakan nota berkenaan [“nota itu”] sebagai ekhibit I 168 (a) dalam siasatan di hadapan kami.

[68] Nota itu adalah dalam bentuk kertas bersaiz A4 dan di atasnya terdapat tulisan dalam huruf Cina dan beberapa perkataan dalam bahasa Malaysia. Suatu bahagian tertentu dalam nota itu telah digores. Semasa inkues di hadapan koroner, seorang jurubahasa Cina telah menterjemahkan nota itu seperti yang berikut:

“Ou Yang

Dalam keadaan tidak menyalin fail dalam komputer saya, mereka telah mengambil semua komputer itu. Mereka asyik menyalahkan kamu.

Minta maaf.

Tidak mengerti tapi pura-pura mengerti, akhirnya menyusahkan kamu.

Saya kata, ‘mendapat kelulusan YB’

Mereka berdegil menaip jadi ‘mengikut arahan YB’

Saya tidak dapat membantu kamu, maaf.

Minta maaf, saya sangat penat, selamat tinggal.”

[69] Permintaan yang dibuat oleh ASP Nazri kepada Jabatan Kimia adalah untuk menentukan sama ada nota itu ditulis oleh TBH. Bagi maksud untuk dianalisis, selain nota itu, ASP Nazri juga memberikan dokumen yang berikut kepada Jabatan Kimia untuk digunakan sebagai sampel tulisan tangan TBH:

1. suatu salinan foto pernyataan yang direkod oleh Nadzri daripada TBH dengan bahagian bawah setiap muka surat mengandungi tandatangan TBH;
2. suatu salinan foto kad pengenalan pendaftaran negara TBH [“NRIC”] yang dikatakan telah ditandatangan ringkas olehnya di sebelah tepi;
3. suatu kad kredit visa asal dengan nama TBH dicetak atasnya dan yang dikatakan mempunyai tandatangan TBH pada sebelah belakangnya;
4. suatu buku nota yang dikatakan mengandungi tulisan tangan TBH.

[Semua ini disebut “sampel” secara bersesama].

[70] Pada 14^{hb} Oktober 2009, seorang ahli kimia daripada Jabatan Kimia yang bernama Wong Kong Yong [“Encik Wong”], selepas memeriksa tulisan pada nota itu dan membandingkannya dengan sampel, telah memberikan pendapat yang berikut:

“Tulisan tangan dalam huruf Cina dalam dokumen BH 1 [nota itu] dan BH 4 [buku nota TBH] berkemungkinan telah ditulis oleh orang yang sama dan pemeriksaan tulisan tangan dalam bahasa Malaysia pada dokumen BH 1 dan buku nota BH 4 ditulis oleh orang sama. Tandatangan ringkas pada dokumen BH 1 dan BH 2 [pernyataan TBH] berkemungkinan besar telah ditulis oleh orang yang sama.”

[71] Mengesyaki Encik Wong berkemungkinan telah membuat kesilapan dalam pendapatnya, Majlis Peguam menyoal Encik Wong selanjutnya sehingga Encik Wong mengaku bahawa pemeriksaannya ke atas nota itu mempunyai beberapa halangan seperti berikut.

[72] Pertama, standard yang digunakan bagi perbandingan tidak membuktikan sebagai tulisan tangan TBH. Secara ringkas, tulisan tangan dalam sampel yang digunakan bagi perbandingan belum dibuktikan

sebagai tulisan tangan TBH. Atas alasan ini, pendapatnya yang terbaik hanyalah bahawa tulisan pada nota itu hanya berupa tulisan TBH tetapi bukan sebenarnya tulisan TBH.

[73] Kedua, sampel yang pertama dan kedua [masing-masing pernyataan TBH dan NRIC kepunyaannya] merupakan salinan foto. Kedua-duanya bukanlah dokumen asal. Menurut Encik Wong, salinan foto apa-apa dokumen boleh meninggalkan tanda seperti calitan gelap, titik dan juga garisan pada dokumen, bergantung kepada generasi salinan foto tersebut. Berkenaan tandatangan seseorang, tidak boleh ditentukan daripada salinan foto perkara seperti kekuatan, bayangan, dan tekanan yang dikenakan oleh penandatangan, yang merupakan faktor penting bagi maksud membuat perbandingan.

[74] Walaupun kami menerima bahawa terdapat perbezaan semulajadi dalam tulisan dan tandatangan seseorang, kelemahan yang ditekankan oleh Encik Wong, yang menghalangnya, mendatangkan keraguan yang serius mengenai nilai pendapatnya. Kelemahan tersebut menyentuh keperluan asas untuk menentukan kesahihan tulisan TBH pada nota itu. Tanpa tulisan asal TBH, kami tidak dapat menerima pendapat Encik Wong bahawa sebenarnya TBH yang menulis nota itu.

[75] Selanjutnya, kelengahan yang tidak munasabah dalam mengemukakan nota itu pada kesempatan di peringkat awal telah mendatangkan keraguan mengenai kesahihannya. Nota itu dibawa kepada perhatian koroner buat pertama kalinya selepas lebih daripada satu tahun ketika ia dijumpai oleh ASP Nazri. Sikap tidak pedulinya walaupun diberitahu oleh Dr Badi'ah pada mulanya [yang telah memberikannya suatu senarai semak untuk menyiasat sama ada kemungkinan terdapat nota bunuh diri memandangkan seseorang yang membunuh diri besar kemungkinan akan meninggalkan nota sedemikian] tidak boleh dilihat sebagai kecuaian dan keabaian semata-mata. Sebenarnya, perkara ini menyebabkan kami tidak mempercayai kesahihan dokumen berkenaan, iaitu nota itu. Berdasarkan hal keadaan tersebut dan kelemahan dalam pendapat Encik Wong, kami tidak memberi sebarang kepentingan terhadap nota itu dalam keputusan kami.

Tan Boon Wah

[76] Tan Boon Wah merupakan pemilik *de facto* suatu firma yang dikenali sebagai Merit Link Enterprise [“Merit Link”]. Pemiliknya ialah isteri beliau. Merit Link membekalkan satu ribu lima ratus keping bendera Malaysia, bagi tujuan suatu program yang dianjurkan oleh YB Ean pada tahun 2008. Kos bagi bendera tersebut ialah RM2,400.00. Pembayaran bagi bendera tersebut dibuat daripada kelayakan peruntukan YB Ean. Mengesyaki bahawa bendera tersebut tidak dibekalkan, pegawai SPRM Selangor menggeledah rumah Tan Boon Wah di Cheras, Kuala Lumpur, pada lebih kurang 4.00ptg pada 15^{hb}. Apabila Tan Boon Wah memberitahu mereka bahawa dia perlu mengambil isterinya dari tempat kerja dan juga anaknya, pegawai SPRM beredar tetapi kembali semula satu jam kemudian iaitu pada 6.45ptg untuk menyambung kerja penggeledahan mereka. Tiada waran geledah bagi proses ini. Akhirnya pada 7.45ptg, mereka membawa Tan Boon Wah ke pejabat mereka di tingkat 14 Plaza Masalam. Mereka juga menyita telefon mudah alih, pasport dan buku banknya serta cop getah Merit Link.

[77] Apabila mereka tiba di pejabat pada 8.45mlm, Tan Boon Wah telah ditempatkan dalam suatu bilik kecil yang berukuran 10' x 10'. Lampu dalam bilik itu tidak dinyalakan. Terdapat sebuah kerusi yang salah satu daripada rodanya telah hilang. Satu-satunya perabot lain yang terdapat ialah satu kabinet berlaci. Memandangkan lampu tidak dinyalakan, satu-satunya cahaya yang memasuki bilik tersebut ialah cahaya dari luar di mana terdapat satu meja ping pong. Beliau ditahan di dalam bilik ini selama satu jam. Kemudian, tiba-tiba, dia terdengar namanya dipanggil dengan kuat dan lampu di dalam bilik dinyalakan. Dua pegawai memasuki bilik itu. Salah seorang daripada mereka dikenali sebagai Bulkini Paharuddin [“Bulkini”].

[78] Pada usia empat puluh lapan tahun, Bulkini lebih berusia daripada pegawai lain yang terlibat dalam operasi berkenaan. Dia bukan daripada SPRM Selangor tetapi salah seorang daripada mereka yang dibawa dari HQ bagi operasi tersebut. Kami percaya bahawa dia menganggap

dirinya berpengalaman dalam teknik soal siasat, atau “temu bual” sebagaimana yang sering dipanggil oleh pegawai SPRM Selangor yang terlibat dalam operasi berkenaan. Menurut Tan Boon Wah, Bulkini dan pasukannya menggunakan pelbagai kaedah untuk menakut-nakutkannya dan cuba membuatnya mengaku bahawa dia tidak membekalkan barang-barang tetapi telah menerima wang secara tidak jujur. Kaedah yang digunakan kebanyakannya psikologikal, seperti membiarkan bilik berada dalam keadaan gelap, memperkecilkannya kerana menghasilkan hanya seorang anak selepas lima tahun berkahwin, mengugut untuk membawa anaknya ke pejabat tersebut supaya anak itu menangis apabila melihat keadaan ayahnya yang menyedihkan, menuduhnya tidak berlaku baik terhadap keluarganya kerana tidak mahu balik awal ke rumah dengan bekerjasama dengan SPRM, ancaman untuk memukulnya dengan menggunakan *pouch*, memaksanya untuk berdiri tegak tanpa bergerak dan menyuruhnya melihat jauh ke hadapan [dan apabila dia melakukan perkara ini, dia diejek oleh pegawai lain yang sedang bermain ping pong di luar bilik tersebut], memanggilnya “Cina bodoh”, menunjukkan jari betul-betul padanya dan hampir kepada batang hidungnya, mempersendakan kedudukannya sebagai seorang ahli majlis kerajaan tempatan, dan mengugut untuk memukulnya jika dia enggan memberikan kerjasama. Pada satu ketika, Bulkini duduk di atas lantai untuk menyoalnya sementara Tan Boon Wah diarahkan untuk duduk di atas kerusi yang rosak itu. Satu lagi kaedah yang digunakan ialah cubaan mendesaknya untuk bekerjasama dengan SPRM Selangor supaya tidak membuat Bulkini marah. Semua kenyataan tersebut sudah tentu dinafikan oleh Bulkini dan pegawai yang terlibat.

[79] Satu lagi aspek keterangan adalah bahawa Bulkini mengatakan yang pada lebih kurang 2.30pg pada 16^{hb} selepas dia selesai menyoal Tan Boon Wah dan memaklumkan HH mengenai sikap degil Tan Boon Wah, dia telah menyuruh Tan Boon Wah balik ke rumah dan membawa dokumen berkaitan yang dikehendaki pada hari berikutnya, iaitu pada 16^{hb}. Tan Boon Wah sebaliknya memilih untuk berada di pejabat berkenaan dan menunggu isterinya membawa dokumen tersebut. Perkara ini adalah selepas Bulkini membenarkan Tan Boon Wah menghubungi isterinya.

Kenyataan Bulkini ini bahawa Tan Boon Wah bebas untuk balik adalah bertentangan dengan keterangan yang berikut.

[80] Pertama, Bulkini tidak berunding dengan sesiapa yang mempunyai kuasa untuk membenarkan Tan Boon Wah balik. Kedua, walaupun Bulkini memaklumkan HH mengenai keenggan Tan Boon Wah untuk mengaku tuduhan yang dilemparkan kepadanya, tiada bukti yang menunjukkan bahawa HH membenarkan Bulkini untuk melepaskan Tan Boon Wah. Ketiga, jika Tan Boon Wah telah dilepaskan tetapi sebaliknya memilih untuk berada di pejabat berkenaan, maka tiada sebab mengapa Tan Boon Wah berada di pejabat berkenaan untuk pernyataannya direkod pada 16^{hb} hingga selewat 11.30pg. Pernyataannya sepatutnya direkod lebih awal. Keempat, kenapakah Tan Boon Wah tidak diberikan notis yang memintanya supaya mengemukakan dokumen apabila dia sepatutnya dilepaskan oleh Bulkini sebaliknya dia diberikan notis tersebut pada lewat pagi hari berkenaan selepas pernyataannya direkod? Sekiranya ini merupakan suatu kehendak, Bulkini tidak mematuhi apabila dia melepaskan Tan Boon Wah. Kelima, barang kepunyaan Tan Boon Wah hanya dikembalikan kepadanya pada 16^{hb} selepas pernyataannya direkod. Dan, Tan Boon Wah perlu mengaku penerimaan barang tersebut. Jika dia dilepaskan lebih awal, tiada keperluan bagi tindakan sedemikian. Keenam, jika isteri Tan Boon Wah membawa dokumen tersebut, tidakkah Bulkini sepatutnya memeriksa dokumen tersebut untuk menentukan sama ada Tan Boon Wah telah bercakap benar selepas dia dituduh menipu selama beberapa jam? Sebaliknya, Bulkini memilih untuk balik pada 3.30pg dan isteri Tan Boon Wah tidak pernah datang membawa dokumen, dan ini bermakna bahawa Bulkini mereka-reka keterangan ini.

[81] Selain perkara ini, terdapat dua aspek penting tentang pertemuan Tan Boon Wah dan Bulkini yang berkaitan dengan siasatan kami. Pertama ialah dakwaan oleh Bulkini bahawa pada lebih kurang 2.15pg pada 16^{hb}, selepas menyoal Tan Boon Wah, dan membenarkannya untuk berada di dalam bilik kecil yang didakwa Bulkini bahawa Tan Boon Wah memilih untuk berada di dalamnya [sesuatu yang sukar untuk kami fahami],

Tan Boon Wah pergi mencari Bulkini di pantri pejabat. Dia meminta minuman dan untuk dibenarkan ke tandas. Memandangkan tandas berada bersebelahan pantri, Bulkini mengiringinya ke sana walaupun dia sedang makan. Bulkini menegaskan bahawa di pintu masuk tandas, dia ternampak seorang lelaki berbangsa Cina lebih kurang sama tinggi dengan Tan Boon Wah yang pada masa yang sama juga hendak memasuki tandas. Selepas Tan Boon Wah masuk tetapi sebelum pintu masuk tandas ditutup, dia terdengar Tan Boon Wah menjerit dalam bahasa Mandarin “*Ni loh!*”, yang diterjemahkan oleh Bulkini sebagai bermaksud “Engkaulah”. Setelah menentukan bahawa makanannya lebih penting daripada apa yang diperkatakan oleh kedua-dua mereka, Bulkini kembali ke pantri untuk menghabiskan makanannya. Tan Boon Wah pergi semula ke tempat dari mana beliau datang. Bulkini tidak nampak lagi lelaki berbangsa Cina yang lagi satu itu.

[82] Tiga minggu selepas kematian TBH, Bulkini memutuskan untuk membuat pernyataan polis yang selanjutnya pada 20^{hb} Ogos 2009, yang pertama direkod pada 31^{hb} Julai 2009. Dalam pernyataan yang selanjutnya ini, dia mendakwa bahawa orang yang diberit oleh Tan Boon Wah pada pagi 16^{hb} adalah sebenarnya TBH. Walaupun dia mengaku bahawa pada masa material itu dia tidak mengenali TBH, dia berkata yang dia mengacam beliau daripada sekeping gambar yang disiarkan menerusi televisyen dalam siaran berita pada 8.00mlm pada 16^{hb}, yang mati terbaring di Plaza Masalam. Perkara yang menyebabkannya mengingat semula bahawa dia merupakan lelaki yang sama dijumpainya di tandas ialah pakaian yang dipakai oleh TBH pada hari berkenaan: seluar putih dan jaket berwarna gelap. Dia menjelaskan bahawa dia tidak menyebut perkara tersebut lebih awal kerana dia perlu memastikannya terlebih dahulu. Tetapi, selepas itu, kelihatan jelas kepadanya bahawa TBH merupakan lelaki yang dilihat Tan Boon Wah di tandas dan lelaki yang diberit oleh Tan Boon Wah.

[83] Walaupun Tan Boon Wah mengaku bahawa dia berjumpa Bulkini di pantri pada petang itu pada lebih kurang masa yang dinyatakan, menafikan bahawa dia melihat TBH atau bercakap dengannya. Sebaliknya, Tan

Boon Wah mengesahkan bahawa dia berjumpa dengan TBH semasa pergi ke tandas pada kali kedua. Sungguhpun begitu, dia tidak ingat waktu sebenar tetapi mendakwa bahawa tiada pegawai di situ pada masa itu. Pada masa tersebut, dia berkata kepada TBH: "Beng Hock, awak masih di sini?" Sebagai respons, Tan Boon Wah teringat bahawa TBH mungkin menjawab dengan berkata, "Em". Walau bagaimanapun, dia tidak pasti mengenai perkara ini. Memandangkan dia terburu-buru untuk ke tandas, dia tidak bersempang lanjut dengan TBH. Tetapi apabila dia keluar dari tandas, TBH sudah tiada. Dia kemudiannya kembali ke bilik kecil itu untuk tidur hingga 10.00pg pada 16^{hb}.

[84] Walaupun kami masih menceritakan fakta kes ini, kami berpendapat bahawa adalah wajar pada peringkat ini bagi kami menyatakan pendapat mengenai isu sama ada terdapat pertemuan sedemikian antara TBH dengan Tan Boon Wah dan bahawa Tan Boon Wah sebenarnya telah mengeluarkan perkataan "*Ni loh!*" kepada TBH.

[85] Tujuan Bulkini memberitahu keterangan yang dikatakan ini adalah sebenarnya untuk menyokong teori bahawa sesetengah pihak yang terlibat dalam tuntutan di bawah peruntukan YB Ean menyalahkan TBH kerana mendedahkan perkiraan antara pembekal barang-barang dengan YB Ean, yang sedang disiasat oleh SPRM Selangor.

[86] Setelah mempertimbangkan keterangan, kami berpendapat bahawa kenyataan daripada Bulkini telah direka-reka. Alasannya adalah seperti berikut.

[87] Pertama, Bulkini tidak pernah menyebut perjumpaan TBH dan Tan Boon Wah di tandas sebagaimana yang disaksikan olehnya dalam pernyataan polisnya yang pertama yang dibuat tidak lama selepas kejadian tersebut. Pada masa itu dia sepatutnya telah melihat gambar TBH mati terbaring di tingkat 5 Plaza Masalam. Sebaliknya, pendedahan ini dibuat hampir tiga minggu selepas itu. Masa yang telah lalu menyebabkan pendapat ini meragukan.

[88] Kedua, bagi Bulkini mengecam TBH melalui pakaian yang dipakainya, perlu ada gambar penuh yang menunjukkan TBH mati terbaring. Kami berasa ragu-ragu sama ada gambar sedemikian yang tidak menghormati si mati ada disiarkan dalam mana-mana rangkaian televisyen negara kita, dengan mengambil kira sensitiviti yang terbabit.

[89] Ketiga, gambaran Bulkini tentang TBH yang hampir sama tinggi dengan Tan Boon Wah adalah bertentangan dengan gambar yang dikemukakan sebagai ekshibit I 219. Gambar tersebut menunjukkan TBH dan Tan Boon Wah berdiri bersama dan TBH adalah lebih tinggi daripada Tan Boon Wah.

[90] Keempat, kami tidak dapat menerima dakwaan Bulkini bahawa ingatan semulanya tentang kejadian dan pengecaman TBH boleh bertambah baik melalui masa. Perkara ini bercanggah dengan ingatan semula manusia yang normal tentang peristiwa lalu.

[91] Kelima, tandas terletak di luar pantri. Arahan yang mudah untuk ke tandas daripada Bulkini adalah mencukupi. Tan Boon Wah tidak mempunyai kecacatan fizikal dan oleh itu tiada keperluan bagi Bulkini untuk diganggu semasa makan bagi menemani Tan Boon Wah ke tandas. Tambahan lagi, Bulkini berperanan sebagai seorang pegawai yang berkedudukan tinggi dalam siasatan berbanding dengan Tan Boon Wah.

[92] Keenam, memandangkan Bulkini merupakan seorang pegawai yang berpengalaman seperti yang dibuktikan oleh perkhidmatannya yang lama dengan SPRM, kami agak terkejut bahawa Bulkini tidak mengambil langkah untuk mendengar apa-apa sambungan percakapan yang dikatakan itu antara TBH dengan Tan Boon Wah di dalam tandas. Perkara ini disebabkan oleh empat faktor: satu, Bulkini bercakap dan memahami bahasa Cina, kerana beliau bersekolah di sekolah Cina hingga darjah enam di mana bahasa perantara di sekolah Cina di negara ini ialah bahasa Mandarin. Dan, kedua-dua TBH dan Tan Boon Wah bertutur dalam bahasa Mandarin. Kedua, sebagai seorang pegawai

yang berpengalaman dan melihat kepada hal keadaan operasi yang sedang berjalan, dia sepatutnya lebih menumpukan perhatian dalam mengumpulkan risikan, apatah lagi dengan adanya peluang yang baik iaitu apabila dua orang saksi yang bercakap mungkin berkongsi maklumat penting yang boleh membantu penyiasatan. Ketiga, jeritan “*Ni loh!*” oleh Tan Boon Wah kepada TBH sepatutnya membangkitkan rasa ingin tahu Bulkini untuk mengikuti perkara yang akan berlaku seterusnya antara mereka berdua. Tetapi, sebaliknya, pilihan beliau untuk menghabiskan makanan mengatasi kemungkinan untuk mendapatkan maklumat penting. Keempat, dia telah berada di hadapan pintu masuk tandas dan tidak sukar baginya untuk terus berada di situ untuk mendengar perbualan itu. Sesiapa sahaja akan berbuat demikian dalam keadaan sebegini.

[93] Dengan mengambil kira pelbagai percanggahan ini, dan perkara yang ditekankan sebelum ini, kami berpendapat bahawa keterangan daripada Bulkini tidak boleh dipercayai dan patut ditolak.

Lee Wye Wing [“Lee”]

[94] Lee merupakan ejen bagi projek dan program. Beliau mengatur dan mengumpulkan pelbagai pihak untuk menjalankan projek dan program yang dibiayai di bawah peruntukan YB Ean. Dalam menjalankan tugas ini, beliau juga menyediakan dokumen yang berkaitan bagi mendapatkan kelulusan dan pembayaran bagi kerja-kerja yang disempurnakan. Beliau bekerja rapat dengan YB Ean dan juga TBH, sebagai setiausaha politik kepada YB Ean.

[95] Pada 15^{hb}, dia menerima arahan untuk hadir di pejabat SPRM Selangor. Beliau hadir pada 4.30ptg pada hari yang sama dan berjumpa dengan Sachi, yang bertanggunjawab untuk menyoal beliau. Apabila dia berjumpa Sachi, perkara pertama yang dilakukan Sachi ialah meminta Lee meletakkan telefon mudah alihnya di atas meja Sachi. Kemudian, Sachi mengarahkannya untuk duduk di suatu kawasan yang terdapat sofa. Sachi mula menyoal siasatnya dengan memberitahunya bahawa SPRM Selangor mempunyai bukti yang cukup untuk mendakwanya kerana melakukan kesalahan. Sebilangan dokumen ditunjukkan kepadanya. Dia

teringat dua program yang berkaitan dengan dokumen tersebut: Pesta Tanglung dan kempen untuk memansuhkan ISA. Menurut Sachi, barang-barang yang dipesan bagi program tersebut tidak dibekalkan tetapi wang telah dituntut dan diambil berkenaan dengannya. Selanjutnya, Sachi menuduh Lee menggunakan peruntukan tersebut bagi maksud politik. Sachi meminta supaya Lee mengemukakan dokumen seperti resit bagi pembelian yang dibuat olehnya bagi program berkenaan. Walaupun Sachi tidak menggunakan kekerasan ke atasnya, beliau telah meninggikan suaranya dan bertindak secara agresif apabila menyoalnya.

[96] Antara 6.00ptg dan 8.00mlm pada 15^{hb}, Lee ditahan di pantri. Di situ, dia berjumpa dengan rakan kongsinya, Wong Hong Chae, pemilik Syarikat Hong Chae, suatu firma yang telah menjalankan beberapa projek dan program untuk YB Ean. Dia tidak dibenarkan bercakap dengan beliau. Pada atau lebih kurang 8.00mlm, dia telah dibawa oleh sepasukan pegawai SPRM Selangor ke rumahnya di Seremban untuk mengambil dokumen. Dia sepatutnya memberi kepada mereka resit yang menyokong tuntutannya bahawa kerja di bawah program dan projek berkenaan telah dijalankan. Pegawai berkenaan tidak menggeledah rumahnya. Dia memberikan resit, buku bank dan penyata bank kepada mereka. Walau bagaimanapun, CPU komputer beliau telah disita.

[97] Satu set dokumen yang diberikan oleh Lee kepada pegawai tersebut pada petang itu merupakan muka surat pertama ekshibit I 206A, I 206B, I 206C dan I 206D. Ini merupakan empat helai nota yang ditulis tangan yang menunjukkan pengagihan wang yang diterima daripada empat program yang disempurnakan dan dituntut di bawah peruntukan YB Ean. Setiap satu daripada empat muka surat tersebut disertakan dengan dokumen yang menyokong seperti surat kelulusan, pengesahan mengenai kerja yang diselesaikan, invois, kebenaran oleh Pejabat Daerah bagi pembayaran dan gambar acara yang diambil.

[98] Selepas proses ini selesai, Lee dibawa balik ke tingkat 14 Plaza Masalam. Mereka tiba di sana sekitar tengah malam. Dia kemudian di tempatkan di kawasan Pen Mas di mana dia berjumpa dengan TBH yang telah berada di sana. Kami tidak perlu mengulangi perkara yang berlaku

antara mereka kerana ia telah dibincangkan terdahulu. Lee ditahan di situ hingga 2.00pg pada 16^{hb} apabila pernyataannya dirakam.

[99] Pernyataan Lee dirakam selama tiga jam. Proses tersebut tidak selesai hingga 5.00pg pada 16^{hb}. Kemudian, lebih kurang 6.00pg dia bersarapan di pantri dan di situ dia berjumpa dengan Tan Boon Wah buat pertama kalinya. Walaupun dia pernah mendengar tentang Tan Boon Wah dan mengetahui bahawa beliau menyediakan sistem bunyi bagi beberapa program, Lee belum pernah bertemu sebelum ini. Mereka bercakap tetapi ditegur oleh pegawai yang mengiringi mereka dan disuruh menggunakan Bahasa Malaysia sahaja untuk bertutur. Lee berada di sana hingga 10.30pg apabila seorang daripada pegawai menerima panggilan telefon yang menyuruh beliau dilepaskan. Kemudian beliau meninggalkan Plaza Masalam dengan serta-merta.

[100] Kecuali selama sepuluh hingga lima belas minit yang diluangkan dengan TBH di kawasan Pen Mas sekitar 12.00pg pada 16^{hb}, Lee tidak berjumpa dengan TBH lagi. Beliau dimaklumkan oleh anak saudara perempuannya Lee Kee Hiong lebih kurang 5.00ptg pada 16^{hb} bahawa TBH telah mati.

[101] Berikutnya, selepas siasatan ke atas penggunaan peruntukan YB Ean diambil alih oleh HQ daripada SPRM Selangor, Lee mengemukakan dokumen selanjutnya kepada pegawai penyiasat baru, Ahmad Shafik Abdul Rahman [“pegawai penyiasat Shafik”], untuk menjustifikasi bahawa tuntutan dan pembayaran bagi program dan projek telah dilakukan secara terbuka dan bersih.

[102] Perkara yang penting dalam keterangan Lee ialah pemerhatian terhadap penyusunan bagi perbelanjaan peruntukan YB Ean untuk projek dan program. Mula-mula, Lee menerangkan perbezaan antara projek [yang dinamakannya “projek kecil”] dengan program, sebagaimana yang diperihalkan sebelum ini. Kemudian, dia menghuraikan bahawa bagi projek kecil, disebabkan kehendak untuk menggunakan kontraktor Kelas F yang merupakan bumiputra sahaja, beliau mengatur dengan seorang rakannya yang berbangsa Melayu, Mohd Harun Abdullah [“Harun”], untuk

menubuhkan sebilangan firma bumiputra. Apabila YB Ean memerlukan kerja-kerja awam yang tertentu dilakukan dalam kawasannya atau dalam kawasan yang dibantu [memandangkan ahli dewan undangan negeri daripada parti pembangkang tidak diberikan peruntukan, ahli dewan undangan negeri daripada parti yang memerintah di Negeri Selangor perlu membantu kawasan mereka supaya penduduk dalam kawasan tersebut akan mendapat manfaat daripada peruntukan berkenaan], dia akan menyediakan suatu borang yang dikenali sebagai "Borang A" untuk dikemukakan. YB Ean dikehendaki untuk menandatangani pada borang tersebut. Perkara ini merupakan suatu keperluan bagi menjalankan kerja-kerja yang diperlukan itu.

[103] Menurut Lee, TBH ada membantunya dalam menyediakan beberapa borang berkenaan dengan mengisikan maklumat ke dalam contoh borang yang diberikannya kepada TBH. Ini dilakukan untuk menjimatkan masa memandangkan TBH boleh melengkapkan borang tersebut dan memberikannya kepada YB Ean untuk ditandatangani dengan serta-merta. Borang ini kemudiannya akan dimajukan kepada Pejabat Daerah atau Pejabat Tanah yang berkaitan untuk diproses. Kerja tidak akan dimulakan sehingga kelulusan daripada salah satu daripada pejabat tersebut diperoleh. Dan apabila kerja-kerja disempurnakan, Lee akan menyediakan invois bagi kontraktor yang berkenaan untuk meminta bayaran. YB Ean kemudiannya perlu menandatangani suatu borang yang dikenali sebagai "Borang B" untuk mengesahkan bahawa kerja-kerja yang diperlukan itu telah disempurnakan. Pembayaran tidak akan dibuat sehingga kakitangan teknikal daripada Pejabat Daerah atau Pejabat Tanah yang berkaitan memeriksa kerja-kerja tersebut dan mengesahkan bahawa kos bagi bahan-bahan yang dinyatakan dalam tuntutan adalah mengikut amaun standard yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan. Pembayaran akan dibuat daripada pejabat tersebut kepada kontraktor hanya apabila pegawai yang berkaitan berpuas hati dengan perkara yang diperiksanya itu.

[104] Bagi program, walaupun tatacaranya adalah agak serupa dengan projek kecil, amaun yang hendak dibelanjakan bergantung kepada bajet YB Ean. Apabila YB Ean memutuskan untuk menganjurkan, contohnya,

Pesta Tanglung yang melibatkan kos sebanyak RM10,000.00, Lee perlu mengadakan keperluan yang berkaitan mengikut bajet tersebut. Dokumen berkaitan yang membawa kepada tuntutan ini didapati dalam ekhibit I 206C. Bagi program, tiada keperluan untuk menggunakan firma bumiputra kerana ia tidak melibatkan kerja-kerja awam.

[105] Kami mendapati bahawa terdapat kelemahan dalam tatacara ini. Tiada sebut harga yang dikemukakan sebelum kelulusan bagi sesuatu program. Walaupun Lee [dan Lee Kee Hiong yang peranannya akan kami bincangkan selepas ini] mengesahkan bahawa beliau perlu mengadakan keperluan yang berkaitan mengikut bajet itu, tiada sesiapa untuk menentusahkan tentang sama ada barang-barang dan perkhidmatan yang dibekalkan bagi program berkenaan adalah mengikut nilai yang dituntut. Sekurang-kurangnya bagi projek kecil, terdapat caj standard yang dinyatakan oleh peraturan-peraturan untuk menilai kos bagi kerja-kerja yang dijalankan. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak terpakai bagi program.

[106] Menurut Lee, TBH telah menandatangani bagi pihak YB Ean pada beberapa Borang B. Dia menaip namanya pada borang tersebut dan menandatangani di atasnya dan juga mengecap cop getah YB Ean di tempat di mana dia telah tandatangan. Memandangkan tiada pengakuan bertulis bahawa dia telah menandatangani dokumen tersebut untuk dan bagi pihak prinsipalnya YB Ean, pegawai SPRM menggunakan perkara ini untuk mengambil kesempatan daripada kelemahan ini dengan mengugut bahawa TBH telah melakukan suatu kesalahan.

[107] Pendapat seterusnya adalah mengenai muka surat pertama setiap ekhibit I 206A, I 206B, I 206C dan I 206D. Semua dokumen tersebut adalah berkaitan dengan program. Sebenarnya, salah satu daripadanya [ekhibit I 206D] tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan YB Ean. Dokumen tersebut adalah berkaitan dengan kawasan yang lain, iaitu, Kampung Tunku. Ahli dewan undangan negeri di situ juga menggunakan khidmat Lee dan dia telah menggunakan suatu firma yang dikenali sebagai WSK Services untuk menjalankan program. Pemilik WSK Services pada masa material itu ialah isteri Lee.

[108] Pengagihan hasil yang disenaraikan pada empat muka surat pertama dokumen tersebut menarik minat-minat pegawai SPRM, khususnya mengenai pembayaran tetap kepada DAP Serdang Aman dalam tiga daripada dokumen tersebut [ekhibit I 206A, I 206B dan I 206C] dan satu lagi kepada “DAP Malaysia” [ekhibit I 206D]. Lee dan Lee Kee Hiong selepas itu menjelaskan bahawa ini merupakan pembayaran semula pendahuluan yang dibuat oleh parti politik berkenaan bagi program yang berkaitan. Dalam hal pembayaran semula kepada DAP Serdang Aman, kami diberitahu bahawa YB Ean mempunyai pusat perkhidmatan di sana. Beliau menggunakan pertubuhan DAP bagi maksud ini. Sebenarnya, kontraktor dan pembekal bagi projek kecil atau program akan pergi ke sana untuk meminta bayaran dahulu memandangkan Pejabat Daerah atau Pejabat Tanah akan mengambil masa dalam satu hingga dua bulan untuk memproses tuntutan mereka. Oleh itu, apabila pembayaran sebenar diterima daripada Pejabat Daerah atau Pejabat Tanah, pembayaran ganti perlu dibuat kepada parti politik, iaitu DAP.

[109] Kami mendapati bahawa perkara ini agak aneh apabila pihak-pihak yang terlibat dalam proses ini tidak dapat menghalang parti politik daripada terlibat dalam projek kerajaan. Peruntukan tersebut adalah daripada belanjawan kerajaan negeri. Sepatutnya, peruntukan itu dibelanjakan untuk penduduk yang tinggal di kawasan tertentu di dalam negeri. Sesuatu parti politik tidak boleh terlibat dalam memberikan bantuan kewangan bagi aktiviti sedemikian. Jika tidak, tuduhan akan dibuat sebagaimana yang berlaku dalam kes ini, bahawa wang atau sebahagian daripadanya telah disalurkan semula kepada parti politik. Kami tidak dapat memahami mengapa seseorang kontraktor atau ejen yang bersetuju untuk menganjurkan sesuatu program atau menjalankan sesuatu projek kecil memerlukan bantuan kewangan daripada sesebuah parti politik untuk menampungnya sepanjang tempoh berkenaan sementara menunggu bayaran daripada Pejabat Daerah atau Pejabat Tanah. Pastinya sesiapa yang menjalankan perniagaan mempunyai modalnya sendiri atau membuat perkiraan bagi perkara tersebut.

[110] Selanjutnya, Lee memberi kepada pegawai penyiasat Shafik beberapa resit yang dikeluarkan oleh DAP bagi pembayaran ganti untuk wang yang didahulukan selepas HQ mengambil alih penyiasatan kes berkenaan. Walau bagaimanapun, tiada satu resit pun yang amaunnya sama dengan amaun yang dibayar kepada DAP sebagaimana yang disenaraikan dalam muka surat pertama setiap ekhibit I 206A, I 206B, I 206C dan I 206D. Sungguhpun begitu, walaupun perkara mengenai resit ini berlaku dan berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh Lee, dan ketiadaan TBH sebagai saksi penting, SPRM memutuskan supaya penyiasatan ke atas perlakuan tidak wajar yang disyaki yang melibatkan penggunaan peruntukan YB Ean dihentikan.

Lee Kee Hiong [“Puan Lee”]

[111] Puan Lee merupakan anak saudara perempuan kepada Lee. Beliau ialah ahli majlis perbandaran Klang dan seorang anggota DAP yang aktif. Dia merupakan pengurus besar DAP Malaysia dari 2003 hingga 2008.

[112] Puan Lee memberitahu bahawa dia merupakan seorang penyelaras program dan bekerja sebagai kakitangan separuh masa di pertubuhan pak ciknya WSK Services dan Hong Chae Enterprise [Lee dan Wong Hong Chae merupakan rakan kongsi dalam pertubuhan tersebut]. Beliau menumpukan perhatian hanya pada program yang bayarannya dibuat daripada peruntukan berkenaan. Kami percaya bahawa sementara Lee menguruskan kertas kerja, Puan Lee menjalankan tugas-tugas persediaan, seperti mendapatkan pembekal, mengatur perkhidmatan, memastikan kehadiran peserta dan mengatur publisiti bagi program berkenaan. Apabila YB Ean mempunyai idea bagi sesuatu program berserta bajet, dia akan dihubungi dan akan cuba mengadakan keperluan yang berkaitan mengikut amaun yang diuntukkan baginya. Dia mendakwa bahawa dia juga menyediakan akaun bagi program yang dijalankan. Dia juga yang menyediakan muka surat pertama setiap satu daripada empat set dokumen berkenaan [ekhibit I 206A, I 206B, I 206C dan I 206D].

[113] Walaupun Puan Lee menegaskan bahawa dia tidak merayu untuk mendapatkan program berkenaan, rekod menunjukkan bahawa kebanyakan daripadanya diberikan kepada sama ada Hong Chae Enterprise atau WSK Services.

[114] Puan Lee memaklumkan bahawa dia telah mengenali TBH apabila dia menjadi pemberita dan memainkan peranan penting dalam mendapatkannya untuk memasuki DAP sebagai anggota. Walaupun Puan Lee mengatakan bahawa dia tidak berbincang dengan TBH mengenai kos bagi program berkenaan, dia membuat kenyataan yang bercanggah apabila dia memaklumkan bahawa TBH ada memberikan pendapatnya bahawa sesetengah bahan dikenakan bayaran yang melampau.

[115] Peguam bagi SPRM mencadangkan bahawa terdapat ketidakwajaran dalam penganjuran program berkenaan yang mana mungkin terdapat habuan (*kickbacks*) kepada DAP daripada perbelanjaan yang dilakukan. Beliau memohon kepada kami untuk mendapatkan resit daripada Lee supaya padanan boleh dibuat dengan setiap pendahuluan yang dibuat oleh DAP dan pembayaran ganti baginya. Kami menolak permintaannya itu atas alasan bahawa perkara tersebut tidak termasuk dalam terma rujukan kami. Selanjutnya, jika SPRM berhasrat untuk meneruskan siasatannya mengenai perkara ini, SPRM boleh menjalankan budi bicaranya untuk berbuat demikian dan bukannya secara menggunakan SSD.

Mohd Harun Abdullah (“Harun”]

[116] Harun dengan terus terang mengaku bahawa dia telah mengatur dengan Lee supaya sebilangan firma bumiputra digunakan untuk menjalankan projek di bawah peruntukan berkenaan. Bagi maksud ini, dia telah menubuhkan firma yang mana isterinya dan saudara maranya merupakan pemilik. Dia tidak boleh menjadi pemilik kerana telah disenaraihitamkan oleh pihak bank daripada membuka akaun bank. Pemegang akaun bank bagi firma tersebut merupakan pemilik sebenar tetapi secara praktiknya Lee mengawal akaun bank tersebut. Pemilik

akan menandatangani cek kosong yang kemudiannya diberikan oleh Harun kepada Lee. Tiada satu pemilik pun atau Harun sendiri telah menjalankan apa-apa kerja yang diberikan. Sebagai balasan kepada perkiraan ini, Harun menerima 5% hingga 10% daripada amaun yang dibayar bagi setiap projek sebagai komisen. Contoh bagi perkara ini ditunjukkan dalam ekshibit I 206A, I 206B, I 206C dan I 206D, walaupun melibatkan firma yang berlainan.

[117] Atas permintaan SPRM Selangor, Harun tiba di tingkat 14 Plaza Masalam lebih kurang 3.00ptg pada 15^{hb}. Dia dibiarkan tertunggu-tunggu di dalam bilik menunggu sementara pegawai yang bertanggungjawab nampaknya seperti “keluar masuk, keluar masuk” kecuali bercakap dengannya. Dia tidak faham dengan keadaan tersebut memandangkan SPRM Selangor yang memintanya hadir untuk disoal. Beliau berasa sangat bimbang. Selepas lebih kurang empat jam kemudian iaitu pada 7.00ptg, barulah beliau dipanggil untuk disoal. Proses ini hanya mengambil masa satu jam. Ia selesai pada 8.00mlm. Pegawai yang merekod pernyataannya tidak memaklumkannya supaya beredar. Sebaliknya, dia diberitahu supaya menunggu Lee balik dari Seremban sebelum dia boleh balik. Perkara ini dengan jelas dan nyata menunjukkan bahawa semakan silang dibuat antara pernyataan seorang saksi dengan saksi yang satu lagi yang dijalankan oleh mereka yang terlibat dalam operasi berkenaan pada petang 15^{hb} dan memasuki 16^{hb}.

[118] Selepas pernyataan Harun direkod, dia diminta supaya menunggu di suatu kawasan di luar bilik Nadzri yang mana terdapat satu sofa. Lebih kurang 2.00pg pada 16^{hb} apabila masih tidak terdapat tanda-tanda yang beliau akan dilepaskan, dia menggunakan telefon mudah alihnya [amat menghairankan yang telefon tersebut tidak dirampas] untuk menghubungi seorang rakannya yang bekerja di HQ. Dia memberitahu kesusahannya kepada rakan tersebut, seorang wanita yang bernama Saemah. Saemah meminta untuk bercakap terus dengan mana-mana pegawai di dalam premis tersebut. Harun kemudiannya membuka pintu ke suatu bilik yang berdekatan dan mendapat pernyataan TBH sedang direkod. Pegawai yang merekod pernyataan TBH meminta Harun mendapatkan pegawai lain untuk berurusan dengannya. Harun kemudiannya berjumpa dengan

seorang pegawai yang lalu di situ dan memberikan telefon mudah alih beliau kepadanya supaya pegawai tersebut bercakap dengan Saemah. Selepas perbualan antara pegawai berkenaan dengan Saemah, Harun dilepaskan. Perkara ini mengesahkan selanjutnya bahawa seseorang saksi tidak dibenarkan balik selepas pernyataannya telah direkod. Dalam kes Harun, jika tidak kerana campur tangan daripada Saemah, Harun mungkin dipaksa untuk menunggu sehingga ke pagi 16^{hb}, sebagaimana yang terjadi kepada saksi lain.

Keputusan mengenai terma rujukan yang kedua

[119] Setelah mempertimbangkan semua keterangan secara menyeluruh, kami mendapati bahawa TBH telah didorong untuk membunuh diri oleh soal siasat yang agresif, berlarutan, menindas dan keji yang dikenakan ke atasnya oleh pegawai SPRM tertentu yang terlibat dalam operasi yang sedang berjalan oleh SPRM Selangor pada malam 15^{hb} dan memasuki pagi 16^{hb}.

[120] Alasan kami untuk menyokong dapatan ini adalah seperti yang berikut.

Aspek patologi forensik

Kronologi

[121] Tidak lama selepas mayat TBH dijumpai, pakar patologi forensik Dr Khairul Azman Ibrahim [“Dr Khairul”] dari Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang [“hospital Klang itu”] dan Dr Prashant Naresh Samberker [“Dr Prashant”] dari Pusat Perubatan Universiti Malaya dipanggil untuk membantu dalam penyiasatan.

[122] Dr Khairul dan Dr Prashant memeriksa mayat di tempat kejadian pada 7.30mlm pada 16^{hb}. Terdapat *rigor mortis* pada semua sendi. Mayat tersebut kemudiannya dipindahkan ke hospital Klang bagi pemeriksaan postmortem pada 9.10mlm pada 16^{hb}. Mereka bersama-sama menjalankan autopsi ke atas TBH pada 12.00tgh pada 17^{hb} dan

suatu laporan bersama dikemukakan oleh mereka pada 24^{hb} Julai 2009. Laporan berkenaan dikemukakan di hadapan kami sebagai ekshibit I 42.

[123] Semasa inkues, koroner yang didorong oleh pendapat yang diberikan ke atas pemeriksaan postmortem pertama oleh Dr Khunying Porntip Rojanansunan [“Dr Porntip”], seorang pakar patologi forensik dari Thailand, yang diambil khidmat oleh Kerajaan Negeri Selangor, mengarahkan Dr Shahidan Mohd Noor [“Dr Shahidan”] untuk menjalankan pemeriksaan postmortem kedua ke atas TBH. Dr Porntip berpendapat bahawa TBH telah dipukul dengan sekeping kayu pada belakang betisnya, suatu objek telah disumbat ke dalam duburnya dan bahawa dia telah dicekik secara manual.

[124] Walau bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa Dr Porntip tidak hadir semasa pemeriksaan postmortem pertama yang dijalankan di hospital Klang dan pendapat beliau adalah berdasarkan gambar dan laporan postmortem pertama yang dihantar kepadanya. Gambar tersebut telah diambil oleh pihak polis dan agak kurang jelas. Dr Prashant sendiri telah mengambil gambar semasa pemeriksaan postmortem pertama tetapi gambar tersebut tidak dikemukakan pada masa inkues. Kami mengetahui tentang kewujudannya apabila Dr Prashant memaklumkannya kepada kami semasa siasatan ini bahawa beliau sendiri juga ada mengambil gambar. Dengan persetujuan semua pihak, gambar yang diambil oleh Dr Prashant dikemukakan sebagai keterangan di hadapan kami dan ditanda sebagai ekshibit I 190. Kepentingan gambar tersebut menjadi nyata semasa pakar patologi forensik memberikan keterangan di hadapan kami dan akan dihuraikan kemudian dalam laporan ini. Gambar yang diambil oleh Dr Prashant diakui lebih jelas dan lebih baik kualitinya daripada gambar yang diambil oleh pihak polis dan yang dihantar kepada Dr Porntip.

[125] Dr Shahidan menjalankan postmortem kedua di Hospital Sungai Buloh pada 22^{hb} November 2009. Beliau mengemukakan suatu laporan yang tidak bertarikh yang ditanda sebagai ekshibit I 82.

[126] Hadir semasa pemeriksaan postmortem kedua ialah Profesor Dr Peter Vanezis [“Profesor Vanezis”] dari United Kingdom [“UK”] yang menghadiri pemeriksaan tersebut sebagai seorang pemerhati bagi pihak SPRM. Kemudian, dia mengemukakan suatu laporan bertarikh 16^{hb} Disember 2009 yang ditanda sebagai ekhibit I 90. Dr Porntip juga hadir sebagai seorang pemerhati bagi pihak kerajaan Negeri Selangor. Kemudian, beliau mengemukakan suatu laporan bertarikh 25^{hb} Januari 2010. Laporan ini ditanda sebagai ekhibit I 89 dalam siasatan di hadapan kami.

[127] Semasa inkues koroner, pakar patologi forensik yang disebut di atas telah ditanya dengan soalan yang bertubi-tubi, memeriksa dengan terperinci pelbagai kemungkinan tentang bagaimana kematian TBH boleh berlaku. Mereka hampir masuk ke alam spekulasi yang perlu kami hindari. Kami sebaliknya menumpukan perhatian kepada kebarangkalian berdasarkan keterangan di hadapan kami dan bukannya berdasarkan kemungkinan. Bagi perkara ini, kami perlu memperkatakan pelbagai aspek kes tersebut.

Masa kematian

[128] Kecuali Dr Porntip, semua pakar patologi forensik lain yang memberikan keterangan kepada kami bersetuju bahawa anggaran masa kematian TBH adalah antara 7.15pg dengan 11.15pg pada 16^{hb}. Dr Porntip mengatakan bahawa beliau tidak dapat memberikan pandangan tentang perkara ini kerana beliau tidak hadir secara fizikal pada masa material itu untuk melihat tubuh TBH. Memandangkan kedua-dua Dr Prashant dan Dr Khairul berada di tempat kejadian tidak lama selepas mayat itu ditemui, kami berpendapat bahawa masa kematian TBH adalah seperti yang disebut oleh mereka.

Kedudukan tubuh apabila ditemui

[129] Kedudukan tubuh TBH apabila ditemui di tingkat 5 Plaza Masalam pada 16^{hb} ialah lapan kaki enam inci dari tembok bangunan dan tiga kaki enam inci dari tembok sempadan luar.

[130] Menurut keterangan semua pakar patologi forensik yang diambil bersama-sama dengan pola kecederaan yang dialami oleh TBH, yang akan kami bincangkan selepas ini, kecederaan yang dialami oleh TBH adalah konsisten dengan orang yang jatuh dari ketinggian. Selanjutnya, Dr Sallehuddin Muhamad [“Dr Sallehuddin”], seorang profesor madya di Universiti Teknologi Malaysia, yang menjalankan ujian simulasi di Plaza Masalam ke atas objek yang jatuh, juga mengesahkan bahawa berdasarkan kedudukan di mana tubuh TBH dijumpai, TBH mungkin terjatuh dari ketinggian dan dari tingkap atas, yang dipercayai merupakan tingkap yang ditanda sebagai I 63j dalam pelan lakar [ekhibit I 63] pejabat SPRM Selangor di tingkat 14 Plaza Masalam. Ketinggian tingkap di tingkat 14 dari aras di mana mayat TBH dijumpai di tingkat 5 berukuran satu ratus lapan kaki.

[131] Tingkap di tingkat 14 terletak betul-betul berada di atas tempat di mana mayat TBH dijumpai. Lebar tingkap itu ialah dua kaki sepuluh inci dan dibuka ke arah atas dari bawah dengan cara memusing. Bukaan tingkap tersebut yang paling maksimum ialah tiga kaki lapan inci apabila dibuka sampai habis pada sudut empat puluh lima darjah. Menurut Profesor Vanezis, seseorang boleh memanjang keluar dari tingkap tersebut apabila ia dibuka dan ditolak kepada bukaan yang paling maksimum. Memandangkan tingkap tersebut terletak betul-betul di atas tempat di mana mayat TBH dijumpai, kami percaya bahawa TBH telah keluar dari tempat berkenaan. Selanjutnya, pelbagai pegawai SPRM yang biasa dengan kawasan tersebut telah memberikan keterangan bahawa tingkap berkenaan tidak pernah dikunci. Ia sentiasa dibuka oleh para pegawai bagi pengudaraan apabila mereka merokok di bahagian berkenaan.

Pola kecederaan

[132] TBH mengalami keretakan pada tulang betis dan kaki. Sesetengah keretakan yang dilihat dalam x-ray menunjukkan pertindihan antara satu sama lain dan tulang-tulang tersebut terkeluar daripada kedudukan biasanya akibat daripada jatuh dari ketinggian di mana TBH berada, sebagaimana yang dipersetujui oleh semua pakar patologi forensik yang memberikan keterangan di hadapan kami. Apabila TBH jatuh, dia

mendarat kaki dahulu di atas tanah, menyebabkan keretakan berkecai tulang-tulang kaki dengan teruknya serta keretakan bertindih kedua-dua belah tulang betis dan peha. Mereka juga bersetuju bahawa TBH berada dalam keadaan sedar apabila beliau terjatuh. Menurut Profesor Vanezis, TBH yang dalam keadaan sedar itu cuba untuk menyerap tekanan akibat daripada dia jatuh sebagai reaksi naluri. Kami bersetuju sepenuhnya dengan pandangan ini dan memutuskan bahawa TBH jatuh dari tingkap di tingkat 14 dan berada dalam keadaan sedar apabila dia jatuh.

[133] TBH juga mengalami keretakan pada bahagian pelvik. Sebahagian besarnya pada *sacrum* dan *coccyx*. Berkenaan dengan ini, semua pakar patologi forensik bersetuju bahawa keretakan tersebut adalah disebabkan kesan awal apabila TBH mendarat dengan kaki dan punggungnya hampir pada masa yang sama.

[134] Kecederaan selanjutnya yang dialami oleh TBH ialah keretakan tulang rusuk dan *manubrium sterni* [tulang dada]. Walau bagaimanapun, x-ray ke atas dada sahaja tidak menunjukkan keretakan pada *manubrium sterni*. Tetapi Dr Prashant mengatakan bahawa keretakan sedemikian disebabkan oleh keadaan membengkok keluar di tempat pertemuan *manubrium* dan *sterni* dan tidak akan kelihatan dalam x-ray. Kami bersetuju dengan beliau memandangkan tempat pertemuan *manubrium* dan *sterni* adalah satu tulang sawan (*cartilage*) dan ini menyebabkan suatu *subluxation* pada bahagian berkenaan, yang mengakibatkan keretakan. Pada pendapat kami, keretakan tersebut berserta keretakan pada tulang susuk adalah konsisten dengan keadaan TBH yang jatuh dari satu ketinggian disebabkan daya yang dipindahkan ke arah atas dari kaki ke dada apabila tubuh mendarat di tanah.

[135] TBH juga mengalami keretakan linear pada tengkorak dan pendarahan pada permukaan otak. Menurut Dr Prashant dan Dr Khairul, keretakan ini disebabkan daya yang dipindahkan dari kaki ke atas melalui tulang rahang dan masuk ke dalam tengkorak akibat daripada jatuh. Pendapat Profesor Vanezis adalah lebih bersifat umum dan menjelaskan

bahawa keretakan tersebut adalah disebabkan oleh impak sekunder akibat daripada jatuh. Dr Porntip, walau bagaimanapun, mengaitkan perkara ini kepada kecederaan sebelum jatuh, iaitu TBH telah dipukul oleh objek tumpul sebelum beliau jatuh.

[136] Kami tidak bersetuju dengan Dr Porntip. Jika TBH telah dipukul dengan suatu objek tumpul dan mengalami kecederaan pada kepala yang teruk, beliau tidak mungkin dalam keadaan sedar berjalan ke tingkap untuk keluar darinya. Dan jika, sebaliknya, TBH berada dalam keadaan yang tidak sedar dan jatuh dari tingkap, dia tidak mungkin mendarat dengan kakinya dahulu dan kemudian punggungnya hampir-hampir pada masa yang sama, dan akhirnya dengan tangannya. Menurut Profesor Vanezis, tempoh bagi seseorang untuk mendarat di tanah sekiranya dia jatuh dari ketinggian satu ratus lapan kaki adalah pada kadar lebih kurang tiga puluh dua kaki sesaat. Ini tidak boleh memberikannya masa yang cukup untuk berada dalam keadaan sedar bagi mengambil tindakan defensif mengikut naluri yang diambilnya dalam cubaan merencat kejatuhannya.

[137] Sebaliknya, jika TBH telah sedar dan ditolak keluar dari tingkap, kemungkinan berlakunya pergelutan dengan penyerangnya. Selalunya, perkara ini akan mengakibatkan TBH mengalami kecederaan defensif pada badannya, yang menunjukkan berlakunya pergelutan. Dalam kes ini, tiada kecederaan sedemikian didapati oleh pakar patologi forensik. Kemudian, mungkin juga terdapat unsur asing *deoxyribonucleic acid* ["DNA"] yang dipindahkan kepada badan dan pakaian beliau oleh penyerang. Tetapi, Dr Seah Lay Hong ["Dr Seah"], seorang pakar sains forensik daripada Jabatan Kimia yang menjalankan analisis DNA ke atas TBH dan pakaianya, tidak mengesan apa-apa unsur asing DNA dalam ketikan kuku jari TBH dan pada belakang bahagian luar jaketnya kecuali satu yang kemudiannya didapati merupakan kepunyaan seorang yang bernama Gopala. Orang ini telah mati akibat kemalangan jalan raya dan suatu pemeriksaan postmortem dijalankan ke atasnya sebaik sahaja sebelum pemeriksaan dijalankan ke atas TBH. Oleh itu, terdapat pencemaran pada bahagian tersebut jaket TBH akibat daripada

pemindahan DNA Gopala ke atasnya, oleh sebab meja postmortem tidak digosok dengan bersih sepenuhnya.

[138] Apabila Dr Prashant dan Dr Khairul menjalankan pemeriksaan postmortem pertama ke atas TBH, mereka menemui suatu keretakan pada tulang rahang dengan lebam di bahagian tersebut. Daripada gambar yang diambil semasa postmortem yang dijalankan oleh Dr Prashant, mereka mendapat terdapat suatu kesan merah jambu yang agak cerah pada bahagian tengkuk. Dr Prashant, Dr Khairul dan Profesor Vanezis mengaitkan perkara ini kepada hipostasis, iaitu kesan postmortem. Dr Porntip, walau bagaimanapun, berpendapat bahawa kesan ini disebabkan oleh cekikan dengan tangan. Berdasarkan keterangan pakar patologi forensik yang lain, kami tidak dapat menerima pendapat beliau memandangkan gambar jelas yang diambil oleh Dr Prashant menunjukkan bukti bahawa darah di kawasan ini telah menyerap ke dalam otot akibat daripada keretakan tulang rahang itu, yang membawa kepada kesan postmortem.

[139] Kami mendapat pendapat Dr Porntip amat spekulatif dan dengan itu tidak boleh diterima. Pada pendapat kami, kesan merah jambu cerah pada tengkuk sebenarnya disebabkan oleh kesan postmortem. Kesan itu tidak mungkin disebabkan oleh lebam sebagaimana yang didakwa oleh Dr Porntip kerana ini tidak ditemui oleh Dr Prashant dan Dr Khairul semasa pemeriksaan postmortem pertama. Kesan tersebut disebabkan oleh darah daripada keretakan tulang rahang yang menyerap ke dalam bahagian tengkuk, yang seakan-akan lebam selepas kematian TBH.

[140] Pendapat kami diperkuat lagi oleh Profesor Vanezis yang mengatakan bahawa jika TBH telah dicekik sebelum beliau mati, akan terdapat pendarahan *petechial* di dalam matanya [*pinpoint bleeding spots*]. Titik sedemikian tidak ada langsung di dalam mata TBH, fakta yang juga diakui oleh Dr Porntip.

[141] Suatu faktor lagi yang menolak cekikan dengan tangan ialah tidak terdapat keretakan pada tulang *hyoid* dan *laryngeal cartilages* [struktur di tengkuk]. Ini akan rosak sekiranya cekikan berlaku.

[142] Daripada gambar yang diambil semasa pemeriksaan postmortem pertama, terdapat kesan melebet garisan selari (*tramline abrasions*) berukuran dua sentimeter dengan setengah sentimeter ditemui pada bahagian dada TBH. Majlis Peguam menyuarakan syak wasangkanya bahawa ini mungkin disebabkan oleh keganasan secara fizikal yang dikenakan ke atas TBH sebelum beliau mati. Tetapi, syak wasangka itu terhapus apabila kedua-dua Profesor Vanezis dan Dr Porntip mengatakan bahawa *tramline abrasions* tersebut adalah disebabkan oleh kesan lipatan dan kesan renyuk pada pakaian yang dipakai oleh TBH pada masa beliau jatuh.

Pakaian dan barang peribadi

[143] Gambar yang diambil di tempat kejadian di mana TBH jatuh dan semasa pemeriksaan postmortem pertama menunjukkan sebilangan kesan koyak pada seluar TBH. Kesan koyak yang pertama adalah pada bahagian punggung. Yang satu lagi adalah pada bahagian lutut. Yang ketiga adalah di sebelah zip seluar. Menurut semua pakar patologi forensik, kesan koyak sedemikian pada pakaian lazimnya ditemui dalam kes jatuh dari sesuatu ketinggian. Ini termasuk tali pinggang yang dipakai oleh TBH yang rosak teruk pada kepala tali pinggangnya.

[144] Majlis Peguam selanjutnya menyuarakan syak wasangkanya bahawa kesan koyak pada tali pinggang mungkin disebabkan oleh TBH digantung dengan tali pinggang di luar tingkap pada tingkat 14 dan tali pinggang tersebut putus kerana berat tubuhnya. Kami tidak percaya yang perkara ini berlaku kerana tiada bukti yang menyokongnya, dan selanjutnya kedua-dua Profesor Vanezis dan Dr Porntip mengaku bahawa kesan koyak sedemikian pada tali pinggang adalah biasa dalam kes jatuh dari ketinggian akibat daripada daya yang dikenakan semasa jatuh.

[145] Masih berkaitan dengan tali pinggang, Dr Seah mendapati tiga penyumbang jenis DNA lelaki padanya. Dua daripada penyumbang itu dikenal pasti. Satu ialah kepunyaan TBH sendiri dan satu lagi ialah

kepunyaan Gopala. Kemudian, terdapat yang ketiga yang tidak dapat dikenal pasti oleh Dr Seah daripada mereka yang sampel DNnya telah diambil oleh beliau. Ini termasuk semua pegawai SPRM yang terlibat dalam kes tersebut dan juga pegawai polis dan personel hospital yang bersentuh dengan TBH selepas kematianya. Melalui proses penyingkiran ini, kami menidakkan kemungkinan mana-mana pegawai SPRM yang terlibat dalam kes ini telah menggunakan teknik sedemikian iaitu mengikat TBH dengan tali pinggang dan menggantungnya dari suatu ketinggian.

Kesimpulan mengenai keterangan pakar patologi forensik

[146] Setelah mengambil kira keterangan secara menyeluruh mengenai aspek ini dalam kes ini, kami berpendapat bahawa TBH jatuh dari tingkap di tingkat 14 Plaza Masalam pada pagi 16^{hb} yang bertepatan di atas tempat di mana mayatnya dijumpai kemudian.

Soal siasat

[147] TBH dibawa ke pejabat SPRM untuk disoal sebelum 6.00ptg pada 15^{hb}. Kehadirannya, walaupun dikatakan atas jemputan, dipastikan menerusi desakan yang nyata, tidak seperti kehadiran Lee dan Harun yang hadir secara sukarela sebagaimana yang diminta. Dalam hal TBH, dia telah ditemani oleh pegawai SPRM ke pejabat SPRM Selangor selepas suatu kekecohan dan perbalahan yang tidak menyenangkan serta pertengkaran di bangunan SUK. Sebenarnya, dia telah diiringi ke sana. Kami tidak terkejut bahawa dalam keadaan terganggu, fikirannya berserabut apabila berjumpa Anuar di bahagian penyambut tetamu di tingkat 14 Plaza Masalam. Dia dipaksa untuk pergi dengan serta-merta dan telefon mudah alihnya telah dirampas oleh Anuar. Sebagai tambahan, Manoharan yang datang ke SPRM Selangor tidak dibenarkan berjumpa dengan TBH sebagaimana yang dijanjikan. TBH tidak diberitahu tentang perkara ini oleh pegawai SPRM.

Soal siasat yang pertama

[148] Kemudian, TBH dibawa ke bahagian Pen Mas. Di sana beliau menjalani seolah-olah suatu terapi penenang (“*calming therapy*”) yang dirancang oleh Anuar. Daripada meninggalkan TBH bersendirian untuk menghilangkan rasa gementarnya sebagaimana yang dijangka akan dilakukan oleh seseorang yang berfikiran waras, TBH telah diserang secara lisan oleh sekumpulan pegawai seramai enam hingga tujuh orang pada satu-satu masa sepanjang tempoh ini yang diminta untuk “berbual” dengannya “bagi menenangkannya”. Soalan yang berulang-ulang daripada mereka tentang latar belakangnya telah ditanya. Ini mungkin dapat dilakukan dengan mudah oleh Azhar yang disuruh secara rasmi oleh Anuar untuk menjalankan kerja ini.

[149] Walaupun Anuar, orang yang merancang kaedah soal siasat ini, memberikan alasan bahawa dia tidak tahu tentang layanan yang tidak berperikemanusiaan ini, kami berpendapat bahawa ia dilakukan dengan tujuan tertentu: untuk menggugat ketahanan TBH dan untuk memaksanya supaya berkata apa yang mereka mahukan. Ini ditunjukkan daripada apa yang berlaku pada masa TBH mula-mula tiba di pejabat SPRM Selangor. Anuar yang berjumpa dengannya di bahagian penyambut tetamu dengan serta-merta bertanya TBH apa yang dapat dilakukan olehnya untuk membantu. Perkara ini adalah sesuatu yang luar biasa apabila anda menjemput seseorang ke premis anda.

[150] Pada fikiran kami, ini merupakan suatu jemputan yang tersirat (*tacit invitation*) oleh Anuar yang membayangkan bahawa TBH patut berpaling tadah terhadap ketuanya, YB Ean, supaya TBH dapat membebaskan dirinya sendiri daripada suasana yang bersifat menindas yang sedang dihadapinya, dengan mengambil kira akan kenyataan bahawa TBH pernah berkelahi dengan Anuar di bangunan SUK apabila ternyata yang SPRM Selangor berniat untuk menjadikan YB Ean sebagai sasaran.

[151] Rawatan terapeutik yang dirancang oleh Anuar untuk menenangkan TBH melalui suatu “perbualan” di bahagian Pen Mas pastinya mempunyai

kesan yang mendalam ke atasnya. Dia terpaksa menanggung penyeksaan ini selama empat jam. Sebagaimana yang diperhatikan oleh “teman-teman” TBH dalam “perbualan” ini, beliau tidak banyak bercakap, berdiam diri pada kebanyakan masa, mengasingkan diri, dan hanya menjawab soalan apabila ditanya. Gambaran sedemikian tentang keadaan TBH adalah sepadan dengan ciri-ciri seseorang yang diugut.

Soal siasat yang kedua

[152] Peringkat kedua soal siasat dijalankan oleh Arman dan Ashraf. Walaupun pegawai SPRM tersebut cuba untuk menggambarkan proses ini sebagai suatu temu bual, kami mendapati bahawa ia adalah lebih kepada suatu penyiasatan (*inquisition*). Arman dan Ashraf berperanan sebagai penyiasat. Mereka menyerahkan empat fail berkenaan kepada TBH dan meminta supaya beliau mencari untuk mereka dokumen yang sepadan dengan dokumen yang diperoleh daripada komputer ribanya. Mereka kemudiannya bertindak lebih lanjut dengan mengambil dokumen yang mencurigakan daripada empat fail tersebut dan meminta penjelasan daripada TBH tanpa terlebih dahulu menyiasat perkara tersebut dengan sendiri. Sebenarnya, mereka melampaui arahan yang diberi kepada mereka oleh Hairul Ilham iaitu hanya untuk mencari dokumen dalam empat fail tersebut yang sepadan dengan dokumen daripada komputer riba TBH.

[153] Selanjutnya, semasa proses berkenaan, Arman dan Ashraf telah menanam rasa ragu dan rasa takut dalam TBH dengan menyatakan bahawa arahan Perbendaharaan menghendaki supaya tiga sebut harga dikemukakan sebelum sesuatu kontrak diberikan. Terdapat juga dakwaan oleh mereka bahawa sesetengah dokumen telah melebihi had yang dibenarkan iaitu sebanyak RM10,000.00. Sudah tentu perkara ini tidak benar. Di bawah suatu pekeliling kerajaan Selangor bertarikh 13^{hb} Ogos 2008, iaitu, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 6 Tahun 2008 [dalam bahasa Inggeris, *Treasury Circular Letter No 6 of 2008*], YB Ean boleh memberikan sesuatu kontrak secara langsung kepada mana-mana kontraktor tanpa perlu mengadakan tender, dan selanjutnya

harga maksimum yang dibenarkan bagi setiap kontrak tersebut telah dinaikkan kepada RM20,000.00

[154] Barangkali, untuk memberi mereka faedah kesangsian (*benefit of the doubt*), kedua-dua Arman dan Ashraf tidak mengetahui tentang perkara ini. Tetapi, sebagai pegawai SPRM yang bertanggungjawab mereka sepatutnya memastikan kedudukan sebenar perkara berkenaan sebelum membuat tuduhan sedemikian. Sebaliknya, jika kedua-dua Arman dan Ashraf mengetahui tentang perkara tersebut, maknanya mereka sengaja mengeksplotasi kekurangan pengetahuan dan kejahilan TBH dengan memberikan maklumat palsu yang dengan sengajanya bertujuan untuk mengelirukannya. Ini merupakan sesuatu yang amat buruk dan pastinya menyebabkan kebimbangan yang melampau kepada TBH sebagaimana yang ditunjukkan dalam perbualannya dengan Lee tidak lama selepas sesi soal siasat berkenaan. Menurut Lee, TBH tidak mungkin mengetahui keperluan terperinci bagi projek dan program dan bahawa dia, iaitu Lee, merupakan orang yang paling layak untuk disoal mengenai perkara tersebut.

[155] Satu lagi aspek penting dalam soal siasat berkenaan ialah kemampuan Arman dan Ashraf untuk memperoleh daripada TBH kata laluan kepada akaun e-mel peribadinya. Kepada kebanyakan kita, ini adalah bersamaan dengan mendedahkan nombor pin kad ATM kita. Sekurang-kurangnya dalam hal kad ATM, pengeluar dibenarkan untuk mengeluarkan amaun wang kita yang terhad pada satu-satu masa sebelum pengeluaran yang tidak dibenarkan itu dilaporkan. Tetapi dalam hal akaun e-mel, semua maklumat dan data peribadi kita akan didedahkan dengan serta-merta dan sampai bila-bila. Ini merupakan pelanggaran hak seseorang yang serius. TBH berkemungkinan amat terganggu berkenaan dengan perkara ini dan kekecewaan serta kekesalannya dalam mendedahkan kata laluannya kepada Arman dan Ashraf ditunjukkan selanjutnya dalam perbualannya dengan Lee.

[156] Kami berpendapat bahawa kekesalan dan kebimbangan TBH terhadap perkara tersebut terus membarah dalam dirinya. Ini dapat dilihat daripada kelakuannya apabila pernyataannya dirakam oleh

Nadzri. Ini ditunjukkan selanjutnya melalui keadaannya yang diam dan mengelamun apabila berjumpa Tan Boon Wah berdekatan tandas. TBH tidak berasa teruja dan terkejut apabila melihat seorang individu yang juga berada dalam keadaan tertekan yang serupa tetapi menjauhkan diri dan boleh dikatakan diam.

[157] Daripada keterangan yang dikemukakan, kami berpendapat bahawa kedua-dua Arman dan Ashraf dipilih secara khusus oleh HH [walaupun disembunyikan dalam bentuk arahan yang datang daripada Hairul Ilham] untuk menjalankan soal siasat ini terhadap TBH. Mereka bukan kononnya secara kebetulan berada di situ dan sedia berkhidmat memandangkan orang lain sedang sibuk. Sebenarnya, terdapat ramai pegawai yang berlebihan jumlahnya pada petang berkenaan, sehingga ramai yang disuruh balik selepas masa tertentu. Tetapi Arman dan Ashraf diarahkan untuk terus berada di situ bagi menjalankan tugas khas berkenaan walaupun kedua-duanya mempunyai urusan yang perlu dilaksanakan terlebih dahulu, iaitu menghadiri perbicaraan mahkamah pada keesokan hari.

[158] HH pastinya menyedari bahawa ini merupakan tugas yang penting dan rumit untuk dijalankan memandangkan TBH berkemungkinan besar merupakan orang tengah YB Ean berhubung dengan kontraktor atau pembekal. Dan bagi HH mencari keterangan untuk membuktikan syak wasangkanya, dia perlu menumpukan perhatian ke atas TBH untuk mendedahkan apa-apa ketidakaturan atau yang dianggap sebagai ketidakaturan yang dilakukan oleh YB Ean berkenaan dengan peruntukan tersebut. Arman sememangnya seorang pembuli dan Ashraf, melalui rekod terdahulu, didapati berjaya dalam mendapatkan bukti, menurut pegawai atasannya Hairul Ilham. Selanjutnya, Arman dan Ashraf amat mengenali satu sama lain dan telah bekerja bersama-sama dengan baik sebelum ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Arman. Daripada rekod polis yang dikemukakan dalam siasatan ini oleh DSP Kamaruddin Awang daripada seksyen siasatan jenayah polis Selangor, daripada dua puluh kes yang dilaporkan terhadap pegawai SPRM Selangor bagi kesalahan menyerang, Ashraf terlibat dalam empat belas daripadanya dan dikenal pasti secara positif oleh sebahagian besar daripada mereka yang telah membuat laporan terhadapnya.

[159] Daripada perkara ini, kami meragui peranan Ashraf pada petang tersebut adalah terhad kepada peranan seorang budak pejabat, yang hanya menandakan dokumen yang ditunjukkan kepadanya oleh Arman, dan dia tidak mengambil bahagian dalam menyatakan TBH. Kerja rutin sedemikian, pada pendapat kami, tidak memerlukan seorang yang khusus untuk melaksanakannya. Arman boleh melakukannya dengan sendiri memandangkan dia telah menyerahkan empat fail berkenaan kepada TBH untuk melakukan kerja untuknya. Tiada keperluan bagi Ashraf untuk hadir melainkan dia mempunyai peranan yang lebih aktif untuk dijalankan. Daripada cara Ashraf menjawab soalan dengan memberikan jawapan selektif atas alasan tidak ingat yang dibuat-buat pada masa-masa tertentu, kami mendapati keterangannya amat tidak boleh dipercayai. Dengan mengambil kira semua fakta yang relevan, kami memutuskan bahawa walaupun tiada kekerasan yang melibatkan keganasan secara fizikal dikenakan ke atas TBH pada petang tersebut, ancaman untuk mencederakan secara fizikal kemungkinan besar digunakan oleh Arman dan Ashraf apabila menyatakan siasatnya.

Soal siasat yang ketiga

[160] Peringkat ketiga soal siasat bermula apabila Nadzri merakam pernyataan TBH. Pada mulanya, kami menjangkakan yang proses ini akan melibatkan TBH mengulangi jawapan yang diberikannya kepada soalan yang telah ditanya oleh Arman dan Ashraf. Dan, oleh itu, Nadzri hanya mengulang soalan yang sama dan menaip jawapan tersebut sebagaimana yang diberikan sebelum ini. Tetapi ini sebenarnya satu lagi forum bagi soal siasat. Nadzri memulakan sekali lagi dan menyatakan TBH semula. Ini termasuklah latar belakangnya yang TBH telah selama empat jam terdahulu berkali-kali memberitahu enam hingga tujuh pegawai di bahagian Pen Mas di mana dia mula-mula dibawa. Bukti mengenai perkara ini boleh dilihat daripada pernyataan TBH [ekhibit I 69] yang dirakam oleh Nadzri. Walaupun Nadzri kemungkinan dibantu oleh nota Arman yang diambil semasa Arman dan Ashraf menyatakan siasat TBH, tetapi Nadzri mengambil masa dua jam untuk menyempurnakan misinya yang selalunya memakan masa sebagaimana yang didedahkan sebelum ini amat meletihkan bagi kedua-dua pihak. Sebenarnya,

kami berasa hairan dengan tempoh masa yang terlampaui panjang ini. Jika Arman dan Ashraf telah menanya soalan yang berkaitan dan TBH telah memberikan jawapan [jika kami percaya Hairul Ilham yang menyatakan bahawa dia berpuas hati yang TBH bersedia untuk dirakam pernyataannya], jadi proses ini sepatutnya selesai dalam sekilip mata melainkan sememangnya: (a) Arman dan Ashraf tidak menanya soalan yang secara langsungnya berkaitan dengan dokumen berkenaan, dengan itu, memerlukan Nadzri untuk memulakan sekali lagi, atau (b) Nadzri dengan sengaja memanjangkan proses ini untuk menyeksa TBH secara mental dan mengelirukannya supaya bersetuju untuk berpaling tada terhadap ketuanya disebabkan putus asa.

[161] Semasa meneliti aspek keterangan ini, kami tidak memahami kenapa SPRM Selangor mengguna pakai pendekatan ini yang menugaskan kumpulan pegawai yang pertama untuk menjalankan temu bual permulaan atau soal siasat ke atas TBH di bahagian Pen Mas, diikuti oleh satu kumpulan pegawai lagi, iaitu Arman dan Ashraf, untuk menemu bual atau menyoal siasatnya di dalam bilik yang berasingan, dan kemudian menyuruh seorang pegawai lagi, iaitu Nadzri, untuk mengulang proses yang sama tetapi kali ini untuk merakam pernyataannya juga. Ini bukan sahaja melibatkan dua kali kerja tetapi melanggar seksyen 30(1)(a) dan 30(8) Akta SPRM.

[162] Seksyen 30(1)(a) Akta SPRM memperuntukkan:

“Seseorang pegawai suruhanjaya yang menyiasat sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh memerintahkan mana-mana orang supaya hadir di hadapannya bagi maksud diperiksa secara lisan berhubungan dengan apa-apa perkara yang mungkin dapat, pada pendapatnya, membantu dalam penyiasatan kesalahan itu.”

[163] Seksyen 30(8) Akta SPRM menyatakan:

“Seseorang pegawai suruhanjaya yang memeriksa seseorang di bawah perenggan (1)(a) hendaklah merekod secara bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang itu dan pernyataan

yang direkodkan sedemikian hendaklah dibacakan kepada dan ditandatangani oleh orang itu, dan jika orang itu enggan menandatangani rekod itu, pegawai itu hendaklah mencatatkan pada rekod itu di bawah tandatangannya hakikat keengganan itu dan sebab-sebabnya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.”

[164] Daripada penelitian seksyen tersebut, kami berpendapat bahawa undang-undang menghendaki pegawai yang memanggil seseorang untuk diperiksa di hadapannya, untuk menyempurnakan tugas merakam pernyataannya juga. Berdasarkan tafsiran peruntukan di atas, kami berpendapat bahawa apa yang dilakukan Anuar dengan menghantar sekumpulan penyoal siasat yang berpura-pura hendak menenangkan TBH, diikuti oleh soal siasat atau penyiasatan yang dijalankan oleh Arman dan Ashraf ke atas TBH, adalah bertentangan dengan undang-undang. Taktik menakut-nakutkan sedemikian yang salah di sisi undang-undang mempunyai kesan yang serius ke atas fikirannya dan merupakan faktor kemuncak yang mendorongnya untuk membunuh diri.

[165] Berbalik kepada pernyataan TBH yang dirakam oleh Nadzri, kami mendapati bahawa proses ini menambahkan tekanan dan paksaan yang selanjutnya ke atas TBH. Ini, sebagaimana yang kami telah katakan, merupakan keadaan ketiga TBH disoal. Kali ini lebih teruk. Jawapannya disemak oleh Nadzri yang kemudiannya menstrukturkan semula jawapan itu sebelum menaipnya dalam komputer beliau untuk diluluskan oleh TBH. Sebagaimana yang kami perhatikan, perkara ini merupakan sesuatu yang mendesak kerana dokumen perlu dirujuk dan disemak. Dan bagi TBH, kami mendapati bahawa dia perlu berhati-hati dengan jawapannya memandangkan ia diubah ke dalam bentuk tulisan dan boleh digunakan untuk menyalahkannya dan juga yang lain. Diambil pada waktu malam dan tidak lama selepas pengalaman disoal siasat berkali-kali yang menyeksakan, TBH bertindak agresif yang menyebabkan Nadzri berkata, “Kalau *you* penat, saya pun penat juga sebab saya taip statement”. Ini kemungkinan merupakan reaksi Nadzri sebagai balasan kepada kata-kata atau tindakan oleh TBH. Daripada ini, kami boleh menyimpulkan bahawa TBH benar-benar kecewa, hampa

dan marah. Selanjutnya, dengan kata-kata sedemikian daripada Nadzri dalam bentuk teguran, TBH berkemungkinan didorong selanjutnya untuk “keluar” daripada semua keadaan tersebut.

[166] Perkara yang telah kami bincangkan setakat peringkat ini adalah tanpa keraguan, pada pendapat kami, merupakan faktor yang sesungguhnya menyumbang kepada keputusan TBH untuk mengambil nyawanya sendiri. Walau bagaimanapun, kami percaya bahawa terdapat sesuatu yang berlaku antara 3.30pg [selepas pernyataan TBH selesai dirakam] dan 7.00pg [anggaran masa kematiannya yang paling awal] pada 16^{hb} yang menjadi faktor pencetus yang mendorong TBH membunuh diri.

TBH tidak dilepaskan selepas pernyataannya dirakam

[167] Bertentangan dengan apa yang pelbagai pegawai, khususnya Anuar dan Nadzri, gambarkan bahawa TBH memilih untuk berada di pejabat SPRM Selangor selepas pernyataannya dirakam, kami mempunyai pendapat yang benar-benar berbeza. Kami percaya bahawa dia tidak dilepaskan. Dia masih ditahan oleh SPRM Selangor.

[168] Alasan-alasan kami adalah seperti berikut. Pertama, kehadiran TBH di pejabat SPRM Selangor boleh dikatakan disebabkan oleh paksaan. Dia tiada pilihan mengenai masa “temu bual” dan sama ada ia bersesuaian baginya. Bukti menunjukkan bahawa dia tiada pilihan tetapi untuk mengikut Anuar dan orangnya dengan serta-merta. Selain itu, dia juga diiringi. Di bawah hal keadaan sedemikian, kami tidak sedikitpun merasakan bahawa TBH mempunyai niat untuk berada walaupun satu minit lebih lama jika dia sebenarnya bebas untuk beredar. Sebenarnya, keinginannya ini telah diberitahu kepada Sachi apabila dia bertanya Sachi di bahagian Pen Mas tentang bila dia boleh balik selepas menunggu dengan amat lama di situ.

[169] Kedua, memandangkan semakan silang pernyataan saksi dijalankan pada masa material itu, TBH perlu berada di dalam premis berkenaan untuk menunggu pernyataan Lee dan Tan Boon Wah dirakam. Rakaman

pernyataan Lee hanya selesai pada 5.00pg pada 16^{hb} dan Tan Boon Wah pada 11.30pg juga pada 16^{hb}.

[170] Ketiga, tiada satupun saksi material seperti Lee, Tan Boon Wah dan juga Harun dibenarkan balik selepas pernyataan mereka dirakam. Bagi Harun, dia terpaksa menggunakan bantuan rakan penghubungnya yang merupakan pegawai di ibu pejabat untuk melepaskannya. Jadi, ini menghapuskan amalan lazim yang kononnya dijalankan di SPRM Selangor iaitu apabila pernyataan saksi selesai dirakam, saksi itu bebas untuk beredar.

[171] Keempat, jika TBH sebenarnya telah dibenarkan beredar oleh Nadzri atas arahan (yang dikatakan) Anuar, tiada sebab mengapa TBH tidak diberikan notis rasmi yang memintanya supaya membawa dokumen menyokong yang selanjutnya yang diminta oleh Nadzri sebagaimana yang dilakukan kepada Tan Boon Wah. Ini berkemungkinan dapat menyelesaikan formaliti bagi perlepasannya.

[172] Kelima, terdapat suatu memo bertulis yang dikeluarkan oleh HH kepada semua pegawainya pada Jun 2009 bahawa seseorang pegawai hendaklah sentiasa menemanai tetamu atau saksi sementara dia berada di dalam premis SPRM Selangor. Ini dikeluarkan selepas suatu kejadian terdahulu apabila seorang pelawat di tingkat 14 Plaza Masalam telah merayau-rayau tanpa kebenaran ke dalam bilik Anuar. Nadzri tidak berkemungkinan melanggar memo tersebut melainkan dia telah mendapat pengganti untuk menjaga TBH sehingga dia beredar.

[173] Pegawai SPRM Selangor tertentu yang memberikan keterangan di hadapan kami dengan bersungguh-sungguh mengada-adakan gambaran bahawa pejabat mereka sering dijadikan tempat untuk berlindung, sebagai contoh, dalam hal Lee yang menunggu isterinya membawa dokumen sambil berbaring dalam keadaan yang tidak selesa di atas sofa di mana beliau tidak dapat tidur disebabkan tekanan; Tan Boon Wah yang tidak mahu balik kerana beliau bertengkar dengan isterinya dan memilih untuk berada di dalam bilik kecilnya dan tidur di atas lantai;

TBH yang tidak mahu beredar kerana dia terlalu letih atau terlalu malu untuk berhadapan dengan YB Ean dan memilih lagi keselesaan sofa di luar bilik Nadzri.

[174] Perkara ini tidak masuk akal bagi kami. Gambar premis yang dikemukakan menunjukkan bahawa ia sebuah pejabat. Sebuah premis kerajaan sepertutnya mengutamakan keselamatan dan ketenteraman. Ia tidak mempunyai kemudahan seperti sebuah hotel mahupun rumah rehat. Dan dengan keadaan mental saksi berkenaan yang dituduh melakukan kesalahan dan bukannya diminta untuk membantu dalam memberikan penjelasan, kami percaya bahawa tiada seorang pun daripada mereka yang akan memilih untuk berada lebih lama di situ walaupun satu minit. Gambaran yang diberikan oleh pegawai SPRM Selangor tersebut memang tidak boleh diterima oleh kami dan benar-benar merupakan alasan yang lemah untuk menyokong pendapat mereka bahawa TBH, Lee dan Tan Boon Wah adalah bebas untuk beredar tetapi amat tertawan dengan pejabat SPRM dan layanan yang mereka terima sehingga mereka memilih untuk tidak beredar walaupun bebas untuk berbuat demikian.

Penyertaan dan penglibatan secara aktif oleh HH

[175] HH, daripada keterangannya sendiri dan daripada keterangan kebanyakan daripada pegawainya, telah secara terang-terangan tidak hadir dalam semua aktiviti yang sedang berjalan yang berterusan di pejabatnya sepanjang petang pada 15^{hb} dan awal pagi 16^{hb}. Gambaran yang diberikan ialah beliau berkurung di dalam pejabatnya dan hanya kelihatan satu kali iaitu semasa hendak pergi ke tandas dan surau dan kemudian apabila hendak balik ke rumah lebih kurang 6.26pg pada 16^{hb} untuk menghantar anak-anaknya ke sekolah dan kembali ke pejabat lebih kurang 8.30pg pada hari itu. Menurutnya, dia tidak memainkan peranan yang aktif dalam operasi ini kecuali untuk bertindak sebagai seorang mentor kepada pegawai bawahannya. Dia tidak memberikan arahan tentang cara dan bentuk temu bual atau soal siasat dan dia juga tidak mempunyai pengetahuan tentang siapa yang menjalankannya dan

berkenaan dengan siapa ia dijalankan. Dia menegaskan dengan jelas bahawa dia tidak membuat semakan silang ke atas hasil yang diperoleh daripada temu bual atau soal siasat pada masa material itu.

[176] Kami mendapati bahawa dia seorang yang angkuh, bercakap bohong, tidak jujur dan tidak akan bertolak ansur mengenai pendiriannya. Pembohongannya, khususnya tentang beliau tidak terlibat dengan aktif dalam seluruh operasi pada masa material, didedahkan melalui pernyataan yang bertentangan yang dibuat olehnya di hadapan kami. Tetapi yang lebih menarik perhatian ialah pengesahan daripada dua pegawainya sendiri, iaitu Azeem dan Azian yang sangat berani membuat pendedahan menjelang peringkat prosiding kami yang lebih kemudian mengenai peranan sebenar HH dalam operasi ini walaupun HH merupakan pegawai atasan mereka dan masih memegang jawatan kanan dalam SPRM iaitu sebagai Pengarah SPRM Negeri Sembilan.

[177] Menurut mereka, HH terlibat secara aktif dalam seluruh operasi dari mula. Beliaulah yang memberikan semua arahan dan perintah tentang bagaimana saksi perlu ditemu bual dan disoal siasat dan oleh siapa. HH cuba untuk melepaskan dirinya daripada tanggungjawab ini dan sebaliknya memindahkannya semua kepada Anuar. Dia telah mengadakan suatu mesyuarat pada petang 16^{hb} [selepas kematian TBH diketahui] bagi pegawai daripada SPRM Selangor yang terlibat dalam operasi berkenaan untuk memberikan taklimat mereka mengenai perkara berkenaan. Kami tiada alasan untuk meragui kedua-dua saksi ini. Sebenarnya, terdapat keterangan yang selari untuk menyokong perkara ini apabila Azian, yang berasa bimbang tentang penipuan tersebut, telah menghantar pesanan kepada Anuar melalui telefon mudah alihnya untuk menggesa Anuar supaya mendedahkan perkara sebenar mengenai penglibatan sebenar HH.

[178] Kini, kami akan menunjukkan beberapa percanggahan berhubung keterangan HH yang mendakwa penglibatan tidak aktifnya. Pertamanya, Anuar sebagai pegawai penyiasat untuk operasi terbabit langsung tidak mengetahui bahawa Tan Boon Wah telah dibawa untuk disoal. Ini agak janggal memandangkan Anuar sepatutnya menjadi penyelaras.

[179] Kedua, Bulkini telah membuat laporan secara terus kepada HH berhubung keputusan negatif soal siasat ke atas Tan Boon Wah. Mengikut rantaian arahan dan untuk tujuan menyelaras keseluruhan operasi tersebut, Bulkini sepatutnya memaklumkan perkara ini kepada Anuar, dan bukannya HH.

[180] Ketiga, Anuar kononnya tidur sepanjang awal pagi 16^{hb} walaupun ditugaskan untuk menyelaraskan keputusan-keputusan soal siasat saksi-saksi [TBH, Lee, Tan Boon Wah dan Harun] yang kesemuanya masih ditahan di tingkat 14, Plaza Masalam.

[181] Keempat, HH mendakwa bahawa beliau tidak mengetahui orang yang dilihat di pantri pada jam 5.45 pagi pada 16^{hb} ialah Tan Boon Wah dan tidak menyoal beliau berhubung kehadirannya di situ pada masa seawal itu. Ini sangat menghairankan apabila, sebulan sebelum itu pada awal Jun 2009, HH sendiri telah mengeluarkan pekeliling bertulis kepada kesemua pegawainya bahawa kesemua saksi dan pelawat di Pejabat SPRM Selangor harus diiringi pada setiap masa. Sikap tidak acuh HH berhubung kehadiran Tan Boon Wah di pantri secara tersirat menunjukkan bahawa beliau sebenarnya mengetahui Tan Boon Wah masih berada di situ memandangkan operasi yang masih berterusan dan beliau sendiri sepatutnya telah memberi arahan agar Tan Boon Wah tidak patut dilepaskan.

[182] Keenam, HH mengaku sewaktu pemeriksaan balas bahawa semakan silang maklumat yang diperoleh daripada beberapa saksi di Pejabat SPRM Selangor adalah perkara biasa. Sekiranya Hairul Ilham telah pulang ke rumah pada sekitar jam 3.00 pagi dan Anuar tidur di sepanjang awal pagi 16^{hb} dan maklumat daripada TBH dan Lee dan mungkin Tan Boon Wah [sekiranya beliau memutuskan untuk bertukar fikiran untuk tunduk kepada kehendak pegawai-pegawai SPRM Selangor] sedang diterima, siapakah yang membuat semakan silang tersebut? Memandangkan HH berada di dalam biliknya dan terbabit secara dengan penuh kesungguhan dalam operasi ini, dia sebenarnya adalah orang yang membuat kerja tersebut. Sewaktu membuat kerja tersebut, beliau

juga sepatutnya telah memberi arahan kepada beberapa pegawainya yang terlibat untuk melakukan apa yang beliau rasakan perlu.

[183] Kami telah menggambarkan HH sebagai terlibat dengan penuh kesungguhan di dalam keseluruhan operasi ini. Sejak mula kami telah memerhatikan bahawa beliau yakin dengan kesahihan maklumat yang beliau terima. Walau bagaimanapun, beliau sedar sepenuhnya bahawa maklumat tersebut didasarkan atas kepercayaan bahawa ahli dewan undangan Negeri Selangor telah menerima wang daripada peruntukan tanpa menjalankan program-program tersebut atau melaksanakan projek-projek tersebut.

[184] Memandangkan maklumat tersebut hanya didasarkan atas kepercayaan semata-mata dan tidak disokong oleh fakta-fakta sokongan, HH sepatutnya mengambil kesemua langkah berjaga-jaga kerana aduan tersebut sangat serius sifatnya dan melibatkan Kerajaan Negeri Selangor, kerana mengikut amalan, peruntukan tersebut tidak diberikan kepada ahli dewan undangan Negeri di pihak pembangkang. Daripada melaksanakan beberapa kerja asas untuk memuaskan dirinya sendiri berhubung kesahihan maklumat itu, beliau melancarkan operasi berskala besar yang melibatkan jumlah saksi yang ramai dan menggerakkan keseluruhan SPRM Selangor serta mendapatkan tenaga kerja sokongan daripada pejabat-pejabat SPRM yang lain untuk tujuan ini. Walaupun dokumen-dokumen berkaitan dengan tuntutan ke atas peruntukan telah diperoleh daripada pelbagai Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah, kesemuanya tidak disemak secara terperinci seperti yang dilihat daripada arahan Hairul Ilham kepada Arman untuk menyemak keempat-empat fail untuk keterangan yang mencari kesalahan yang sepatutnya dilaksanakan lebih awal daripada itu. Contoh-contoh lain tentang ketiadaan kerja-kerja asas ialah apabila Bulkini dan Sachi menuduh Tan Boon Wah dan Lee sebagai tidak melaksanakan beberapa program atau projek yang mana ia sepatutnya disahkan terlebih dahulu.

[185] Pendekatan asas yang sewajarnya ialah untuk menemu bual pelbagai pihak bebas yang telah menghadiri aturcara program yang dianjurkan untuk memastikan sekiranya program-program tersebut telah

dilaksanakan atau melawat kawasan-kawasan projek untuk memeriksa sama ada projek-projek tersebut telah disiapkan. Pendekatan tersebut juga mungkin telah melibatkan soalan diajukan kepada pegawai-pegawai di Pejabat Daerah atau Pejabat Tanah yang mengesahkan program-program tersebut telah dianjurkan dan projek-projek tersebut dilaksanakan.

[186] Seterusnya, soalan-soalan diajukan kepada para saksi yang dibawa pada petang 15^{hb} tersebut berhubung kesangsian kenaikan harga-harga barang yang dibekalkan. Agak sukar untuk kami memahami kenapa SPRM Selangor tidak menyemak perkara ini lebih awal dengan kesemua pembekal untuk barang tersebut bagi memastikan harga pasaran mereka. Dan walaupun wujud syak berhubung sogokan kepada DAP daripada program-program dan projek-projek tersebut, pemikiran logik sepatutnya telah menunjukkan adalah sepatutnya bijak untuk menuntut daripada DAP satu jawapan kepada tuduhan-tuduhan tersebut dan meminta resit-resit pembayaran yang relevan dikemukakan sekiranya wang-wang tersebut dibayar kepada DAP adalah sebenarnya pembayaran balik berhubung pendahuluan yang dibuat sebelum itu.

Surat Layang

[187] Sewaktu penyiasatan tersebut, sepucuk surat layang bertarikh 5^{hb} Ogos 2009 di atas kepala surat ibu pejabat telah muncul. Kononnya ia ditulis oleh pegawai-pegawai SPRM Malaysia, ia dialamatkan kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM. Ia mendakwa amalan rasuah, salah laku dan penyalah gunaan kuasa yang dilakukan oleh HH berhubung kes membabitkan TBH dan Dato' Seri Dr Mohamad Khir Toyo, bekas Menteri Besar Kerajaan Selangor. HH dikatakan telah terlibat secara langsung di dalam siasatan berhubung dakwaan salah guna wang dan yang diperuntukkan kepada YB Ean. Surat tersebut telah ditanda sebagai ekhibit I 256 di dalam siasatan ini.

[188] HH, sewaktu perjalanan siasatan ini, memberi keterangan bahawa beliau telah ditunjukkan dengan surat tersebut dan adalah jelas bahawa ia telah sampai ke pengetahuan pegawai atasannya iaitu Ketua

Pesuruhjaya. Bagaimanapun, tiada keterangan boleh menunjukkan bahawa siasatan formal ke atas perkara ini telah dimulakan, memandangkan SPRM mempunyai kuasa yang amat luas untuk menggerakkan pasukan siasatannya. Mengikut seksyen 29 Akta SPRM, suatu laporan boleh dibuat secara lisan atau bertulis, dan berkait dengan perkara yang ada di hadapan SSD ini, maklumat yang menggerakkan pasukan siasatan SPRM didakwa disampaikan kepada HH hanya melalui telefon.

[189] HH telah berkhidmat dengan SPRM selama lima belas tahun pada masa yang material dan, seperti yang dinyatakan sebelum ini, adalah seorang penolong pengarah SPRM Selangor pada masa kejadian berlaku, memegang pangkat pembantu pesuruhjaya kanan 1. Berdasarkan keterangan yang dikumpulkan di dalam siasatan ini, adalah jelas bahawa HH mempunyai kawalan penuh ke atas penyiasatan kes ini, dan beliau bukan setakat memberi arahan formal dalam kapasiti beliau sebagai orang atasan kepada orang bawahan beliau di dalam organisasi. Pada masa operasi sebanyak dua kali di dalam sehari, sekali di sebelah pagi dan sekali lagi di sebelah lewat petang atau ketika malam, pegawai-pegawai yang terbabit di dalam operasi akan memberi taklimat kepada beliau berhubung perkembangan yang telah dicapai dan di pihak sendiri, beliau akan memberi arahan spesifik cara-cara menjalankan operasi tersebut. Malahan sewaktu pegawai berada di luar, mereka akan menghubungi beliau melalui telefon bimbit untuk arahan-arahan sekiranya mereka berhadapan dengan apa-apa masalah sewaktu operasi, atau beliau akan menghubungi mereka untuk memberi arahan.

[190] Dalam menghuraikan fakta-fakta ini, perlu diambil kira bahawa HH telah menerima maklumat tentang rasuah yang dikatakan melibatkan ahli dewan undangan negeri Selangor pada 21^{hb} Jun 2009, lantas selepas itu beliau mengarahkan Anuar untuk membuat laporan rasmi untuk memulakan penyiasatan ke atas perkara berkenaan dan melantiknya sebagai pegawai penyiasat. Pada 13^{hb} Julai 2009, Anuar membuat laporan tersebut dengan meletakkan tarikh yang lebih awal, yang mencetuskan operasi yang dipersoal itu. HH yang mengarahkan Anuar

dan Hairul untuk memperoleh dokumen daripada Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah. Menurut keterangan, pada 15^{hb} dia berada di dalam biliknya sepanjang hari kononnya membuat kerja biasanya sementara pada masa yang sama mengarahkan operasi berkenaan dari 5.00ptg petang itu. Dia tidak pernah meninggalkan biliknya kecuali untuk keluar ke tandas dan surau untuk menunaikan solat.

[191] Lebih kurang 5.45pg pada 16^{hb}, dia meninggalkan biliknya dan kemudian balik dan kembali ke pejabat pada 7.15pg. Dia menghadiri taklimat harian oleh pegawai yang terlibat dalam operasi berkenaan pada 8.30pg. Lebih kurang 11.30pg, dia meninggalkan pejabat untuk pergi ke ibu pejabat untuk menghadiri perbincangan mengenai perkara yang tidak berkaitan dengan pegawai di sana, dan selepas itu dia beredar ke pejabat Peguam Negara berhubung dengan perkara lain. Dalam perjalanan, lebih kurang 2.00ptg, dia berkata yang dia menerima panggilan telefon daripada Anuar yang memaklumkannya tentang kematian TBH. Dia mengarahkan Anuar dan Hairul untuk bersama-sama dengan serta-merta di ibu pejabat. Tetapi sebelum mereka tiba, dia dan timbalan ketua pesuruhjaya beredar untuk ke pejabat SPRM Selangor.

[192] Kami tidak dapat menerima keterangan HH sebagaimana yang dinyatakan di atas sebagai benar, dengan mengambil kira aktiviti yang sedang berjalan sepanjang petang 15^{hb} hingga ke pagi 16^{hb} di tingkat 14 Plaza Masalam hanya di luar bilik HH. Tiada sesiapa yang berfikiran waras dapat menerima sebagai cerita sebenar HH yang dia tidak langsung mempunyai kaitan dengan apa yang sebenarnya berlaku di premis SPRM Selangor yang berada di hadapan matanya dan yang melibatkan beberapa orang saksi termasuklah TBH yang dipanggil atau dibawa ke sana oleh pegawainya yang berada di bawah arahannya dan berada dalam jagaan dan tahanan mereka. Tiada sesiapa yang berfikiran waras akan percaya bahawa HH hanya berada di dalam biliknya di tingkat yang sama di mana segala aktiviti yang disebut dalam laporan ini sedang berjalan dan hanya menanti untuk memberikan arahan kepada pegawai yang terlibat dalam operasi berkenaan apabila mereka memerlukan nasihatnya. Pendirian sedemikian adalah bertentangan dengan tindakannya

yang telah balik pada awal pagi 16^{hb} untuk menghantar anak-anaknya ke sekolah dan kemudian tergesa-gesa untuk balik ke pejabat bagi menghadiri taklimat pagi mengenai operasi berkenaan oleh pegawainya. Ini sememangnya bukan merupakan tindakan seseorang yang tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam operasi yang sedang berjalan, dengan mengambil kira fakta selanjutnya bahawa dia sebenarnya telah beredar tanpa tidur sepanjang 15^{hb} dan pagi 16^{hb}.

[193] Dalam keterangan yang dikemukakan di hadapan kami, walau bagaimanapun, tidak terdapat keterangan langsung untuk membuktikan bahawa HH terlibat dalam kematian TBH. Tetapi sebagai pegawai yang paling kanan yang terlibat dalam operasi berkenaan dan hadir secara fizikal di pejabat apabila pegawai yang terlibat dalam operasi berkenaan sedang menyoal siasat TBH hampir-hampir tanpa halangan, dia sepatutnya bertanggungjawab bagi tindakan yang diambil olehnya dan pegawainya yang menyebabkan TBH membunuh diri. Kami akan menghuraikan dengan lanjut mengenai aspek keterangan ini di bawah tajuk “*Soal siasat yang keempat*” yang berikut, selain apa yang telah dinyatakan di atas.

Soal siasat yang keempat

[194] Kami bersetuju dengan penghujahan Majlis Peguam bahawa HH berdegil [sifat sedemikian juga ditonjolkan apabila beliau memberikan keterangan di hadapan kami] untuk berundur daripada kesilapannya dengan melaksanakan operasi yang sedemikian besar, khususnya apabila ia mendapat liputan akhbar yang meluas dan terperinci. Untuk mengatasi kekecewaannya atas hasil negatif yang diperoleh daripada saksi sehingga ke peringkat tersebut, dia pastinya mengambil jalan keluar dengan menjalankan soal siasat yang bersifat peribadi dan lebih agresif ke atas TBH memandangkan TBH, sebagaimana yang telah kami jelaskan, mempunyai hubungan penting antara YB Ean dengan pembekal atau kontraktor, dan jika terdapat apa-apa yang perlu dibuat untuk mengaitkannya dengan YB Ean, ia perlulah melalui TBH.

[195] Kami percaya bahawa dia telah dibantu oleh Anuar dan Ashraf dalam penglibatan singkat ini. Kami menamakan Anuar kerana alibinya terbukti palsu. Sebagaimana yang didedahkan, tiada seorang pun yang nampak beliau tidur di tempat yang didakwa dia berada antara jam selepas 3.30pg dan 7.00pg pada 16^{hb}. Termasuklah pengawal Khairudin yang mengatakan bahawa dia nampak Anuar tidur di ruang tetamu lalu menunjukkan suatu tempat yang berbeza daripada tempat di mana Anuar mendakwa dia tidur. Keterangan pengawal Khairudin sendiri tidak boleh dipercayai kerana dia mempunyai bersama-samanya suatu skrip bertulis semasa memberikan keterangan di dalam kandang saksi yang menunjukkan secara terang-terangan bahawa dia telah diajar. Selanjutnya, Anuar menipu tentang peranan yang dijalankannya bagi melindungi HH. Dan sebagai tambahan kepada faktor-faktor berkenaan, dia merupakan seorang pegawai kanan yang dipercayai HH yang bersedia untuk berkorban demi HH, pegawai sedemikian lain Hairul Ilham telah balik pada masa itu.

[196] Berkenaan dengan Ashraf, kami mendapati bahawa agak pelik baginya untuk mengambilkan TBH segelas air lebih kurang 4.40pg pada 16^{hb}. Ini menunjukkan tiga perkara. Pertama, Ashraf berada di situ pada waktu itu. Kedua, walaupun TBH mengetahui di mana pantri dan boleh ke sana sendiri untuk mendapatkan segelas air, namun dia meminta pertolongan Ashraf. Ini adalah amat luar biasa apabila menimbang prestasi Ashraf yang buruk berkenaan dengan keganasan fizikal terhadap orang yang disyaki, yang membuatkan dia tidak mungkin melayan permintaan seseorang yang berada bawah daripadanya pada masa tersebut. Walaupun TBH dipanggil sebagai "saksi", dia dilayan seperti orang yang disyaki. Ketiga, ialah sifat permintaan tersebut yang agak kurang sopan dan mendesak: "Hoi! Saya muh minum air". Ini sama sekali boleh dikatakan sebagai kurang ajar, namun Ashraf mengikutnya. Daripada ini kami menyimpulkan bahawa Ashraf tidak bertimbang rasa dan tidak bermurah hati baik dalam melaksanakan perkhidmatan ini tetapi melakukannya kerana menyesal atas beberapa perkara yang tidak wajar yang telah dilakukan olehnya dan yang lain yang terlibat kepada TBH sepanjang jam 3.30pg hingga 7.00pg pada 16^{hb}.

[197] Tindakan yang dilakukan oleh ketiga-tiga orang ini iaitu HH, Anuar dan Ashraf, berkemungkinan besar berbentuk soal siasat secara intensif sekali lagi ke atas TBH untuk memaksanya membuat pernyataan bahawa YB Ean yang mengarahkannya untuk melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang dalam mengendalikan peruntukan tersebut. Sesi ini pastinya amat membebankan TBH dari segi fizikal dan mental. Dia telah dinafikan tidur sepanjang malam itu dan pagi dan perlu menanggung soal siasat yang berterusan, agresif dan tidak wajar. Keadaan fizikalnya sebagaimana yang digambarkan oleh Ashraf apabila mengambilnya segelas air ialah TBH bergerak untuk duduk dalam kedudukan tegak dengan amat perlahan. Sesi soal siasat yang keempat ini, pada fikiran kami, telah menjadi faktor pencetus yang membawa kepada kejadian berkenaan.

Raymond

[198] Sebelum membuat dapatan ini, kami mengambil kira keterangan Raymond yang memberikan keterangan bahawa dia nampak TBH pada 6.00pg pada 16^{hb} berbaring di atas sofa di luar bilik Nadzri. Jika ini benar, maka TBH membunuh diri selepas 6.00pg pada 16^{hb}. Ini sepadan dengan anggaran masa kematian TBH iaitu antara 7.00pg dan 11.00pg pada 16^{hb}, sebagaimana yang ditentukan oleh pakar patologi forensik. Walau bagaimanapun, walaupun adanya hakikat ini, kami mempunyai keraguan yang serius terhadap keterangan Raymond. Pada pendapat kami, dia bukan seorang saksi yang boleh dipercayai dan digunakan oleh mereka yang bertanggungjawab bagi kematian TBH untuk menjauhkan diri mereka daripada kesalahan mereka dengan mengadakan suatu gambaran bahawa TBH bukan sahaja hidup pada 6.00pg pada 16^{hb} tetapi juga sedang berehat dengan selesa dan tenang di atas sofa di luar bilik Nadzri.

[199] Raymond berkata bahawa dia mengenali TBH pada 6.00pg pada pagi itu kerana pernah melihatnya sebelum ini di bahagian Pen Mas lebih kurang 12.00pg pada 16^{hb} bercakap dengan seorang lagi orang berbangsa Cina. Pada masa itu, secara kebetulan dia lalu di bahagian tersebut dalam perjalanan ke seksyen pentadbiran untuk mendapatkan

kertas tulisan. Kemudian, dia berkata bahawa dia mengenali TBH daripada cetakan akhbar “The Star” yang ditunjukkan kepadanya oleh Anuar terdahulu mengenai pertengkaran antara dia dengan Manoharan yang mana TBH berdiri di tengah. Ini diambil di bangunan SUK. Kami mendapati yang dakwaan Raymond ini sukar untuk diterima atas sebab-sebab yang berikut. Pertama, apabila Raymond dikatakan ternampak TBH di bahagian Pen Mas, dia tidak tahu siapa TBH. Dia hanya mengerling ke arah dua orang berbangsa Cina yang duduk di bahagian berkenaan. Dia tidak melihat terus ke muka mereka. Dia hanya melihat bahagian belakang dan kepala mereka. Kedua, walaupun muka TBH kelihatan dalam berita di internet yang dimuat turun dan ditunjukkan kepadanya oleh Anuar sebelum dia mengetahui yang TBH telah mati, kami meragui bahawa dia mengambil maklum secara khusus tentang TBH. Tumpuan adalah ke atas Anuar yang bersungguh-sungguh hendak menunjukkan-jukkan kepada rakan sepejabatnya bahawa gambarnya telah disiarkan dalam media. Ketiga, lokasi berkaitan di mana Raymond berkata dia ternampak TBH pada 6.00pg adalah gelap. Dan jika dia tidak berada dekat dengan TBH, dia tidak berkemungkinan pasti yang itu sebenarnya TBH. Keempat, apa yang membawa Raymond ke bahagian tersebut ialah kebetulan dia dalam perjalanan keluar daripada tingkat 14 Plaza Masalam daripada biliknya. Ini bukan merupakan laluan biasanya. Dia berkata bahawa dia terpaksa melalui jalan itu kerana terlupa membawa kad aksesnya yang diperlukan untuk membuka sesetengah pintu di sepanjang laluan biasanya. Kami mendapati yang perkara ini agak pelik apabila pegawai SPRM yang lain memaklumkan kami bahawa hampir semua pintu di bahagian dalam pejabat itu pada petang itu tidak dikunci bagi maksud operasi tersebut untuk memudahkan pergerakan pegawai, termasuklah mereka yang bukan daripada pejabat SPRM Selangor, untuk membolehkan mereka bergerak dengan bebas. Jadi, alasan Raymond untuk menggunakan laluan yang berbeza untuk meninggalkan biliknya adalah amat mencurigakan.

[200] Pada pendapat kami, Raymond digunakan sebagai penanda waktu oleh mereka yang mempunyai kaitan dengan kematian TBH. Selain semua percanggahan yang didedahkan untuk menyokong pendapat kami, terdapat satu faktor lagi: *punch card* beliau yang menunjukkan

waktu masuk ke dan waktu meninggalkan pejabat. *Punch card* beliau menunjukkan bahawa dia telah mengetik keluar pada 6.04pg pada 16^{hb} dan kemudian berada di situ dengan serta-merta pada 6.05pg pada hari yang sama, ini menunjukkan bahawa dia telah mengetik masuk semula. Apabila disoal tentang tindakannya ini yang agak mencurigakan, dia menjelaskan bahawa dia berbuat demikian dengan niat untuk tidak kembali ke pejabat pada hari itu. Kami mendapati ini sangat tidak logik. Pertama, jika dia pergi mahkamah pada hari itu semasa waktu pejabat, dia tidak perlu mengetik masuk memandangkan tidak mungkin kembali secara fizikal di pejabat semasa dia berada di mahkamah. Kedua, jika dia mengetik masuk untuk menunjukkan bahawa dia berada di pejabat pada 6.05pg pada 16^{hb}, bilakah dia akan mengetik keluar memandangkan dia tidak berniat untuk kembali ke pejabat pada hari itu? Kami bersetuju dengan Majlis Peguam bahawa tindakan mengetik masuk dan mengetik keluar yang hampir-hampir secara serentak ini adalah untuk mengadakan gambaran kukuh bahawa dia berada di pejabat pada masa material.

[201] Memandangkan ia menjadi jelas kepada kami bahawa keterangan Raymond dibuat untuk memadankan dengan tujuan tertentu, yang dalam kes ini untuk melindungi pegawai SPRM yang bertanggungjawab bagi kematian TBH, kami menolak keterangannya sebagai tidak mempunyai nilai berkenaan dengan masa apabila dia mendakwa melihat TBH pada 6.00pg pada 16^{hb}.

Aspek psikiatri forensik

[202] Untuk memahami kebarangkalian bahawa TBH mengambil nyawanya sendiri, sifat perwatakannya dan perubahan keadaan minda akibat daripada apa yang dijalaninya pada 15^{hb} dan 16^{hb} hendaklah difahami terlebih dahulu.

[203] Watak terdiri daripada ciri agregat dan sifat yang membentuk sifat semulajadi individu bagi orang atau benda. Ia juga ditakrifkan sebagai kualiti seseorang dari segi moral dan etika. Ia juga kadang-kadang

digunakan sama secara bertukar ganti dengan perkataan personaliti yang merupakan total keseluruhan fizikal, mental, emosi, dan ciri-ciri sosial individu: Lihat Dictionary.com.

[204] Keadaan minda ditakrifkan sebagai:

- (a) keadaan psikologi sementara; dan
- (b) keadaan proses kognitif seseorang: Lihat Dictionary.com.

[205] Keadaan minda seseorang mempunyai kaitan dengan watak dan personalitinya. Walaupun perkataan “minda” menunjukkan keadaan mental, fungsi dan pengaruh emosi [yang mempengaruhi minda dalam kebanyakan situasi] mestilah diambil kira. Keadaan minda ini kebanyakannya boleh dijangkakan, terutama dalam situasi yang normal dan yang dapat dijangkakan. Tetapi pada masa-masa sukar dan apabila peristiwa hidup negatif yang teruk dialami, seperti apabila stres [fizikal, emosi atau mental, atau kesemuanya secara bersekali] adalah terlalu teruk, keadaan minda individu bukan sahaja tidak boleh menghadapi perubahan yang mendalam tetapi juga menjadi tidak boleh dijangka: lihat *Social and Emotional Influences on Decision Making and the Brain*, by Mauricio R Delgado & James G Dilmore, 9(2) Minnesota Journal of Law, Science & Technology, 899-912 (2008); *Study: Emotion rules the brain's decisions* [http://www.usatoday.com/tech/science/discoveries/2006-08-06-brain-study_x.htm].

[206] Perlu disebut bahawa pada peringkat ini keadaan minda seseorang individu yang berada dalam tahanan perlu diberikan perhatian dengan serius oleh orang yang menahannya. Kepekaan mereka terhadap keadaan psikologi tahanan mereka menunjukkan sikap peri kemanusiaan yang patut dipuji. Ini boleh mencegah keganasan ke atas mereka yang ditahan oleh orang yang menahan. Lihat *Liability and Wrongful In-Custody Deaths* by Darrell L. Ross, in *Sudden Deaths in Custody* by Darell L Ross & Theodore C Chan, ed 2006, Totowa, New Jersey, Humana Press: 173-202.

Pakar psikiatri

[207] Tiga pakar psikiatri menerangkan kepada kami tentang aspek psikologi minda TBH. Mereka telah diberikan dokumen berkaitan yang dikemukakan semasa siasatan ini dan telah menemu bual anggota keluarga, rakan dan rakan sepejabat TBH. Setiap pakar psikiatri memberikan pendapat pakar mereka kepada kami mengenai perkara tersebut dan ini telah dikemukakan kepada kami. Ketiga-tiga pakar psikiatri yang mengemukakan laporan mereka kepada kami ialah:

- (a) Dr Badi'ah, seorang pakar psikiatri forensik dari Kementerian Kesihatan Malaysia, Dr Nor Hayati Ali ["Dr Hayati"], seorang pakar psikiatri komuniti dari Kementerian Kesihatan Malaysia, kedua-duanya menyediakan laporan bersama atas permintaan SPRM; dan
- (b) Profesor Paul Edward Mullen ["Profesor Mullen"], Profesor Emeritus Psikiatri Forensik, Universiti Monash, Australia, yang dibawa oleh Majlis Peguam dan menyediakan suatu laporan atas permintaan mereka.

[208] Dalam laporannya, Profesor Mullen mengemukakan pendapat yang berikut dan membuat pemerhatian yang berikut, yang kami ringkaskan dan sebutkan di bawah.

[209] TBH, menurut Profesor Mullen, "... memang berada dalam kumpulan paling rendah yang berisiko untuk membunuh diri apabila beliau berada dalam tahanan SPRM." Dan jika TBH "...benar-benar membunuh dirinya, ia berlaku untuk memusnahkan stabiliti psikologinya dan untuk menakutkannya sehingga mengakibatkan kematian. Juga, kebimbangannya terhadap keluarganya, dan bakal isterinya serta ibu kepada anaknya, berkemungkinan dijadikan senjata terhadapnya oleh seorang penyoal siasat yang benar-benar tidak bertanggungjawab, begitu juga dengan taat setia dan rasa tanggungjawabnya kepada rakan-rakannya".

[210] Profesor Mullen kemudian menekankan bahawa teknik soal siasat yang tertentu boleh menjadikan "... seorang rakyat yang mematuhi undang-undang tanpa mempunyai pengalaman berada di bawah kuasa pihak berkuasa yang jelasnya tidak dikekang, terutamanya jika mereka tidak dibenarkan berhubung dengan sesiapa yang mempunyai sumber pertolongan dan sokongan ..." "manusia tidak membunuh diri mereka kerana mereka mempunyai suatu kaedah untuk digunakan, mereka menggunakan kaedah yang mudah diperoleh sekiranya mereka berhasrat untuk membunuh diri. Tingkap dari mana TBH jatuh menunjukkan suatu kaedah yang jelas dan mudah diakses. Bahawa terdapat suatu tingkap yang besar yang mudah dibuka di tingkat 14 mana-mana pejabat, apatah lagi pusat soal siasat, yang kepada saya merupakan sesuatu yang luar biasa.".

[211] Dengan lebih lanjut Profesor Mullen berpendapat bahawa "... menjadi sesuatu yang luar biasa bagi sesiapa yang dengan sukarela hendak berada di suatu tempat daripada pulang ke rumah di mana dia telah disoal siasat selama lapan jam. TBH sedar tentang kebimbangan rakan-rakan dan keluarga tentang keadaannya. Amat sukar untuk memahami orang yang gemar menghantar mesej melalui telefon dan membuat panggilan sepertinya, belum memberikan berita kepada mereka dengan serta-merta, tidak kira bila masanya.".

[212] Menurut Dr Badi'ah dan Dr Hayati, TBH datang dari suatu keluarga yang mantap dan mempunyai pekerjaan yang tetap. Tidak mempunyai sejarah penyakit mental, *impulsivity* atau penyalahgunaan substans, TBH berada dalam kategori berisiko rendah untuk membunuh diri. Sebenarnya, dia tidak sabar-sabar menunggu hari pernikahannya dan tunangnya pada masa itu sedang mengandung. Sungguhpun begitu, kedua-dua Dr Badi'ah dan Dr Hayati mempunyai keraguan bahawa walau bagaimanapun, pengkajian semula penulisan tentang pembunuhan diri dalam tahanan menunjukkan bahawa faktor pelindung dalam kependudukan umum mungkin tidak mempunyai kesan yang sama dengan orang dalam tahanan.

[213] Dr Badi'ah dan Dr Hayati menjelaskan selanjutnya bahawa sepanjang beberapa minggu sebelum TBH disoal oleh SPRM, dia perlu berhadapan dan berurusan dengan dua kejadian yang boleh meninggalkan kesan dalam kehidupan yang berkemungkinan menambahkan tekanan kepada kehidupannya. Ini selanjutnya boleh mengubah tabiat dan tingkah lakunya. Perkara tersebut ialah:

- (a) tarikh pernikahannya yang dibawa ke hadapan dari tarikh asal yang ditetapkan dalam tahun 2010 ke 13hb Oktober 2009 setelah mengetahui yang tunangnya mengandung; dan
- (b) pengumpulan dokumen oleh SPRM Selangor daripada Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah yang membayangkan bahawa ketuanya YB Ean tidak mengendalikan peruntukan dengan betul.

Menurut kedua-dua doktor ini, ini berkemungkinan dianggap oleh TBH sebagai situasi yang berpotensi untuk menimbulkan ancaman.

Perwatakan TBH

[214] Daripada anggota keluarga dan rakan-rakannya, kami mempunyai gambaran yang jelas tentang sifat perwatakan TBH. Dia merupakan seorang yang rajin bekerja, berwaspada, bertanggungjawab, setia kepada keluarganya, menyukai kanak-kanak, dan setia kepada ketuanya, YB Ean. Dia didapati menjalani kehidupannya dengan baik, dan terdapat alasan-alasan yang baik untuk mempercayai bahawa dia mempunyai masa depan yang cerah. Sebagai anggota DAP dan setiausaha politik kepada YB Ean, TBH pasti setia kepada perjuangannya. Rakan-rakannya dan anggota keluarga mendapati yang dia seorang yang boleh dipercayai dan baik. Dia akan menjadi marah jika dan apabila keadaan menyebabkannya sedemikian. Tidak menunjukkan perasaan yang keterlaluan, dia tidak pernah dilihat sebagai seorang yang cepat marah.

Perubahan psikologi

[215] Dari segi psikologi, walaupun pernikahan dan persediaan baginya merupakan peristiwa hidup yang positif bagi TBH, ia boleh juga membawa tekanan kepadanya: lihat Holmes-Rahe *Social Readjustment Rating Scale* in *Journal of Psychosomatic Research*, (1967) Vol. 11, pp 213-218. Apabila ini ditambahkan kepada peristiwa hidup negatif, keadaan berkemungkinan menjadi lebih teruk.

[216] Walaupun SPRM Selangor memulakan penyiasatan pada Jun 2009, yang disedari oleh TBH, dia masih boleh mengawal dirinya dan menguruskan tekanan biasa dan cabaran dalam kehidupan.

[217] Tetapi, apabila dibawa oleh Anuar pada 15^{hb}, TBH berpindah secara psikologi daripada kumpulan berisiko rendah kepada kumpulan berisiko tinggi untuk membunuh diri. Kami akan meneruskan untuk memperkatakan tentang kejadian yang, pada pendapat kami, menolak beliau ke tahap tersebut.

[218] Apabila pegawai SPRM menyerbu pejabat YB Ean dan memulakan penggeledahan di situ, orang pertama yang dia ingin hubungi selepas bercakap dengan ketuanya, YB Ean, ialah peguamnya, Manoharan. TBH didapati telah didorong ke dalam situasi yang mencetuskan ketakutan yang ditunjukkan melalui pola panggilan yang dibuat apabila pegawai SPRM menjalankan penyiasatan mereka di pejabat berkenaan. Dia memerlukan kata-kata yang menenangkan daripada rakan sepejabatnya, maka dia perlu membuat panggilan. Dia dipujuk apabila diberi peluang oleh Anuar untuk membincangkan kebimbangannya secara peribadi selama beberapa minit dengan kedua-dua YB Ean dan Manoharan di bangunan SUK sebelum dibawa ke pejabat SPRM Selangor. Tetapi bila dia tidak dibenarkan untuk berjumpa dengan mereka berdua selepas itu apabila dia berada di pejabat SPRM Selangor, dia tidak dibenarkan untuk berhubungan dengan sesiapa. Rasa terpencil amat mendalam seperti yang ditunjukkan melalui kelakuannya sebagaimana yang digambarkan oleh semua yang berhubungan dengannya pada 15^{hb} dan

16^{hb}. Tambahan kepada ini ialah penafian penggunaan telefon mudah alihnya.

[219] Menjadi satu fakta yang diterima bahawa TBH berteman dengan telefon mudah alihnya. Ia juga merupakan alat yang paling kerap digunakan olehnya untuk meredakan tekanannya. Analisis yang dibuat ke atas pola panggilan telefon oleh TBH menunjukkan bahawa dia akan menghubungi kawan-kawannya dan keluarga secara tetap setiap hari. Dengan mengambil telefonnya daripadanya bermakna terputuslah hubungannya dengan dunia luar dan boleh menjelaskan pertimbangannya tentang realiti dan alam kewarasannya. Dan itulah yang dilakukan oleh pegawai SPRM. Oleh itu, buat pertama kali dalam kehidupannya, TBH mendapati dirinya benar-benar dan secara keseluruhan terasing daripada dunia luar dan menyebabkan dirinya kesepian.

[220] Satu faktor lagi yang mempunyai implikasi yang serius ke atas TBH ialah penyerahan komputer ribanya kepada pegawai SPRM, dan lebih buruk daripada ini ialah mendedahkan kepada pegawai SPRM kata laluan kepada akaun e-melnya. Memandangkan ini merupakan kunci kepada perkara yang menyentuh hal peribadinya, TBH berkemungkinan merasakan yang privasinya dilanggar secara paksaan, dan rahsia kehidupannya terdedah. Ini merupakan suatu perlanggaran hak diri TBH yang serius, yang menambahkan lagi kebimbangan dan kerisauannya.

[221] TBH hadir di SPRM Selangor sebagai orang yang telah berkali-kali digangu dan berfikiran serabut. Perubahan peristiwa yang berlaku dalam kehidupannya ini terjadi secara mendadak. Tetapi sebelum beliau memperoleh ketenangan, situasi lain yang mengecewakan pula berlaku ke atasnya yang menyebabkannya tidak dapat bertahan lagi.

[222] TBH menjalani empat peringkat soal siasat sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Orang yang menyatakan siasatnya kemudian mendakwa bahawa ini merupakan temu bual untuk mendapatkan maklumat daripada saksi seperti TBH. Tetapi saksi lain memberikan keterangan bahawa teknik yang digunakan boleh berubah daripada temu

bual biasa kepada soal siasat yang dijalankan dengan menggunakan kekerasan. Semua orang yang menyoal siasat itu telah menggunakan pendekatan yang bertujuan untuk menakut-nakutkan semasa mereka menjalankan sesi soal siasat.

[223] Dari mula lagi, peringkat pertama soal siasat terbukti telah menjadi beban psikologi ke atas TBH. "Terapi" ini yang dirancang oleh Anuar bertahan selama empat jam, yang sepanjang masa tersebut, TBH didapati tidak banyak bercakap dan berdiam diri. Dalam keadaan menyendiri, dia hanya menjawab soalan apabila ditanya.

[224] Arman dan Ashraf berlagak seperti penyiasat dalam satu penyiasatan (*inquisition*) pada peringkat kedua soal siasat. Mereka menanam rasa ragu-ragu dan takut ke dalam TBH berkenaan arahan Perbendaharaan yang menghendaki sekurang-kurangnya tiga sebut harga dikemukakan sebelum sesuatu kontrak diberikan. Tetapi jika kedua-dua mereka dengan sengaja mengeskplotasi kejahilan atau kekurangan pengetahuan TBH tentang peraturan dan arahan baru kerajaan negeri Selangor mengenai perkara ini, usaha mereka untuk mengelirukan dan menyebabkan kebimbangan TBH sememangnya merupakan suatu perbuatan yang amat keji.

[225] Semasa sesi soal siasatnya, TBH terpaksa berhadapan dengan jaguh-jaguh soal siasat SPRM seperti Arman yang merupakan pembuli [yang akan memanipulasikan saksi untuk mendapatkan keterangan], Ashraf yang merupakan pendera [seorang yang penuh tipu muslihat berlagak seperti Machiavelli] dalam caranya bagi mendapatkan bukti] dan HH yang merupakan seorang ketua yang angkuh [yang tidak ragu-ragu untuk berbohong asalkan hasratnya tercapai, biar dengan apa cara sekalipun].

[226] HH digambarkan oleh pegawai SPRM, Azian, sebagai seorang yang kuat bekerja. Sebagai ketua, dia juga menanamkan rasa takut di kalangan pegawainya. Peluang kenaikan pangkat sebahagian besarnya berada dalam tangannya. Teknik-teknik bagi temu bual dan soal siasat

digunakan oleh pegawainya dan dirinya sendiri bagi memenuhi keinginannya untuk memperoleh hasil dalam sesingkat masa yang boleh. Justeru, bukanlah sesuatu yang mengejutkan bahawa kebanyakan pegawainya, kecuali dua orang yang berani untuk membuktikan kebenaran [Azeem dan Azian], yang tidak dapat tidak mempunyai tabiat berbohong.

[227] Peringkat ketiga soal siasat oleh Nadzri memburukkan lagi keadaan TBH. Peringkat ini mempamerkan betapa kejinya orang yang menyatakan siasat itu. Nadzri mengulangi kesemua proses temu bual dan soal siasat yang sebelum ini terhadap TBH. Dia mengambil masa selama dua jam untuk menamatkan suatu sesi yang sebegini memenatkan yang menguji ketahanan kedua-dua pihak. TBH terpaksa menanggung beban soal siasat yang menyakitkan dan menyeksakan itu kerana dia merupakan orang penting dan satu-satunya hubungan antara YB Ean dengan kontraktor dan pembekal bagi projek dan program berkenaan. Melemahkan TBH bermakna usaha untuk mengenakan YB Ean akan tercapai.

[228] Walaupun terdapat penafian oleh pegawai merangkap penyataan siasat SPRM, boleh diputuskan bahawa kaedah soal siasat mereka bermula dengan temu bual yang dijalankan secara keras dan intensif kepada tindakan untuk menakut-nakutkan secara psikologi dan ancaman dari segi fizikal. Memandangkan mereka menggunakan kaedah ini, tiada alasan untuk mempercayai bahawa TBH telah menerima layanan yang berbeza dan kurang agresif berbanding dengan yang lain.

[229] Apabila soal siasat yang keempat atau pada peringkat terakhir selesai, TBH hampir-hampir menjadi orang yang kesihatan fizikal atau mentalnya berada dalam keadaan yang amat teruk. Apabila Ashraf mengambilkannya segelas air, [diminta oleh TBH dengan cara yang tidak sopan] TBH dikatakan bergerak dengan amat perlahan apabila dia hendak menegakkan badannya.

[230] Peringkat-peringkat soal siasat yang menyeksakan itu telah menimbulkan keraguan yang serius dalam fikiran TBH berkenaan dengan tindakannya berhubung kewajipannya sebagai setiausaha politik YB

Ean. Tindakan menandatangani namanya tetapi mengecap cop YB Ean, tidak mengemukakan sekurang-kurangnya tiga sebut harga sebelum sesuatu projek atau program diberikan, memberikan habuan (*kickbacks*) yang dikatakan kepada DAP, memberikan projek secara langsung, dan menetapkan harga kepada barang-barang yang diperlukan bagi projek juga membebankan fikirannya.

Faktor penyumbang

[231] Kami mengambil maklum bahawa hubungan TBH dengan ketuanya, YB Ean, adalah mesra dan saling hormat-menghormati. TBH tidak pernah merungut mengenai ketuanya kepada anggota keluarganya maupun kawan rapatnya. Oleh itu, cubaan untuk mengkhianat ketuanya menyebabkan tekanan kepada TBH.

[232] Terdapat juga faktor penyumbang yang lain seperti:

- (a) dinafikan hak untuk tidur;
- (b) persekitaran yang tidak selesa dan asing; dan
- (c) berada dalam tahanan bagi jangka masa yang panjang.

Kesimpulan mengenai aspek psikiatri forensik

[233] Setelah diseksa dengan kesukaran ini, TBH mengalami perubahan pada keadaan mindanya. Dan dalam beberapa jam, perubahan ini mengubahnya daripada berada dalam kumpulan berisiko rendah untuk membunuh diri kepada kumpulan berisiko tinggi. Keraguan, konflik emosi yang keterlaluan, rasa bersalah yang mendalam semuanya tidak dapat ditanggungnya. Akhirnya, faktor pencetus krisis yang tidak dapat diubah yang berlaku kepadanya antara 3.30pg dengan 7.00pg pada 16^{hb}, telah menyebabkan keadaannya bertambah parah. Apabila dia tidak menemui strategi yang berkesan untuk mengatasi tuduhan-tuduhan yang dilontarkan kepadanya, dia mendapati dirinya tidak dapat keluar lagi dari keadaan dashyat yang membelenggunya. Apabila dia putus harapan, TBH berasa terjebak dan tewas kepada kekecewaan. Disebabkan tingkap

di tingkat 14 telah terbuka ataupun mudah dibuka, dan ia adalah jelas dan mudah diakses dari sofa di mana dia berada di luar bilik Nadzri, TBH mendapati bahawa satu-satunya cara untuk melepaskan dirinya daripada kesengsaraan yang dilaluinya adalah dengan melompat keluar dari tingkap itu, biarpun ini bermakna mengambil nyawanya sendiri.

Terma Rujukan Yang Pertama

[234] Berhubung dengan terma rujukan kami, sebagaimana yang dinyatakan terdahulu, pendekatan yang kami gunakan bagi isu tersebut adalah dengan memperkatakan terma rujukan yang kedua dahulu dan kemudian diikuti dengan terma rujukan yang pertama. Dinyatakan semula bahawa terma rujukan yang pertama adalah seperti yang berikut:

- “1. Untuk menyiasat sama ada berlakunya apa-apa perbuatan yang tidak wajar dalam menjalankan pemeriksaan ke atas Teoh Beng Hock atau tidak, semasa siasatan dijalankan ke atas repot Shah Alam bernombor 0052/2009 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berhubung dengan perintah tetap dan amalannya dan untuk membuat syor mengenai apa-apa tindakan yang sewajarnya, di mana perlu.”

[235] Fakta yang berhubungan dengan pembawaan TBH dari pejabatnya di tingkat 15 SUK ke pejabat SPRM Selangor pada 15^{hb} telah dibincangkan terdahulu dalam laporan ini dan kami tidak akan mengulangi fakta tersebut di sini kecuali secara tidak langsung menyebutnya di mana-mana yang perlu.

[236] Semasa perjalanan siasatan, SPRM membolehkan perintah tetapnya yang terpakai pada masa material penyiasatan itu diakses oleh Suruhanjaya ini. SPRM juga menjawab soalan tertentu yang dikemukakan dan menjelaskan aspek tertentu operasinya.

Waran Geledah

[237] Menjadi prinsip SPRM Selangor bahawa semua orang yang disoal atau ditemu bual dalam siasatan yang dijalankan pada masa itu dipanggil untuk disoal atau ditemu bual sebagai saksi dan bukannya sebagai orang yang disyaki. Walau bagaimanapun, kami mengambil perhatian bahawa para pegawai SPRM yang terlibat dalam siasatan tersebut bertindak di bawah undang-undang yang disalah tafsir oleh mereka apabila menjalankan kuasa mereka di bawah Akta SPRM.

[238] Dalam menjalankan serbuan di pelbagai tempat yang disebut terdahulu dalam laporan ini bagi maksud siasatan mereka, para pegawai bermaksud untuk menggunakan seksyen 30 dan 31 Akta SPRM dan juga peruntukan lain dalam Akta. Tidak dinafikan bahawa para pegawai menyerbu pelbagai tempat tersebut tanpa apa-apa bentuk pemberikuasaan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 31(1) Akta SPRM. Bagi kemudahan, kami menyatakan semula keseluruhan seksyen 31 seperti yang berikut:

“ 31. Kuasa untuk memeriksa dan menggeledah dan menyita

- (1) Bilamana ternyata pada pendakwa raya atau seorang pegawai suruhanjaya yang berpangkat ketua penolong kanan pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh pendakwa raya, berdasarkan maklumat, dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa ada sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa di mana-mana tempat ada apa-apa keterangan tentang pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh dengan perintah bertulis mengarahkan seseorang pegawai suruhanjaya supaya –***

- (a) *memasuki mana-mana premis dan di situ mencari, menyita dan mengambil milik apa-apa buku, dokumen, rekod, akaun atau data, atau barang lain;*
- (b) *memeriksa, membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, apa-apa buku, dokumen, rekod, akaun atau data;*
- (c) *memeriksa mana-mana orang yang ada di dalam atau di premis itu, dan bagi maksud pemeriksaan itu menahan orang itu dan memindahkannya ke mana-mana tempat sebagaimana yang perlu untuk memudahkan pemeriksaan itu, dan menyita dan menahan apa-apa barang yang dijumpai pada orang itu;*
- (d) *memecah buka, meneliti dan menggeledah apa-apa barang, bekas atau bejana; atau*
- (e) *memberhentikan, menggeledah dan menyita apa-apa pengangkut.*

(2) *Bilamana perlu berbuat demikian, seseorang pegawai Suruhanjaya yang menjalankan apa-apa kuasa di bawah subseksyen (1) boleh—*

- (a) *memecah buka mana-mana pintu atau tingkap luar atau dalam mana-mana premis dan masuk ke dalamnya, atau selainnya masuk dengan kekerasan ke dalam premis itu dan tiap-tiap bahagiannya;*
- (b) *mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan atau pemindahan itu sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya; atau*

(c) *menahan mana-mana orang yang ditemui di dalam atau di mana-mana premis, atau di dalam mana-mana pengangkut, yang digeledah di bawah subseksyen (1) sehingga premis atau pengangkut itu selesai digeledah.*

(3) *Bilamana didapati oleh seseorang pegawai Suruhanjaya bahawa ada sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa ada tersembunyi atau disimpan di mana-mana tempat apa-apa keterangan pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan pegawai itu mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh perintah bertulis pendakwa raya atau seorang pegawai suruhanjaya yang berpangkat ketua penolong kanan pesuruhjaya di bawah subseksyen (1), matlamat penggeledahan mungkin terkecawa, dia boleh menjalankan, di dalam dan berkenaan dengan tempat itu, segala kuasa yang tersebut dalam subseksyen (1) dan (2) seolah-olah dia telah diarahkan supaya berbuat demikian oleh perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1).*

(4) *Tiada seorang pun boleh diperiksa di bawah seksyen ini kecuali oleh orang yang sama jantinanya dengan orang yang diperiksa.”*

[239] Seksyen 31(1) membolehkan pendakwa raya [termasuk timbalan pendakwa raya], atau pegawai SPRM yang berpangkat ketua penolong kanan pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang telah diberi kuasa setakat itu oleh pendakwa raya, memberi kuasa kepada seseorang pegawai SPRM untuk bertindak di bawah seksyen 31. Perlu diambil maklum bahawa pegawai yang bermaksud untuk bertindak di bawah seksyen 31 hendaklah terlebih dahulu diberi kuasa oleh pendakwa raya untuk berbuat demikian hanya berdasarkan maklumat yang disampaikan kepada pendakwa raya dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pendakwa raya untuk memuaskan hatinya bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mengesyaki yang ada di mana-mana

tempat apa-apa keterangan tentang berlakunya sesuatu kesalahan di bawah Akta SPRM. Kemudian, pendakwa raya boleh melalui perintah bertulis mengarahkan supaya pegawai tersebut melakukan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam pelbagai perenggan seksyen 31(1) yang disebut satu per satu di atas.

[240] Oleh itu, menjadi amat jelas bahawa seseorang pegawai SPRM tidak boleh menjalankan kuasa untuk memeriksa dan menggeledah dan menyita di bawah seksyen 31 tanpa perintah bertulis daripada pendakwa raya, atau pegawai SPRM yang berpangkat ketua penolong kanan pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang telah diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh pendakwa raya.

[241] Sepanjang perjalanan siasatan di hadapan Suruhanjaya ini, Hairul Ilham dan juga HH disoal tentang kuasa untuk memeriksa dan menggeledah dan menyita yang diperoleh mereka. Mereka menjawab dengan liciknya bahawa kuasa berkenaan diperoleh menurut seksyen 31. Kami mengambil perhatian yang terdapat dakwaan bahawa pemberikuasaan secara lisan oleh pendakwa raya telah diberikan pada masa dahulu dan perkara ini seterusnya menjadi amalan para pegawai SPRM Selangor. Apabila disoal selanjutnya, kami tidak dapat memperoleh nama timbalan pendakwa raya yang berkaitan daripada mana-mana pegawai. Selanjutnya, melalui keterangannya sendiri, HH memegang jawatan penolong kanan pesuruhjaya sahaja pada masa material itu dan bukannya ketua penolong kanan pesuruhjaya untuk membolehkan beliau berada dalam skop seksyen 31(1) bagi apa-apa pemberikuasaan daripada mana-mana timbalan pendakwa raya mempunyai kuat kuasa undang-undang.

[242] Berdasarkan perkara yang tersebut di atas, terdapat kecacatan yang serius dalam kuasa yang dijalankan di bawah seksyen 31 oleh pegawai-pegawai SPRM memandangkan mereka tidak diberi kuasa oleh timbalan pendakwa raya atau ketua penolong kanan pesuruhjaya yang diberi kuasa secara sah untuk menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31 yang mana pemberikuasaan itu hendaklah diberikan secara

bertulis bagi menghalang apa-apa pertikaian yang boleh dibangkitkan berhubung dengan kesahihan pemberikuasaan itu. Selanjutnya, walaupun HH [yang tidak berpangkat yang sepatutnya dan tidak mempunyai apa-apa pemberikuasaan bertulis] telah diberi kuasa sedemikian oleh timbalan pendakwa raya, beliau masih perlu memberikan perintah bertulis kepada pegawainya untuk bertindak di bawah seksyen 31. Perkara ini tidak dilakukan.

[243] Sebaliknya, para pegawai SPRM menegaskan bahawa apabila mereka bertindak di bawah seksyen 31(3), pemberikuasaan dan perintah bertulis di bawah seksyen 31(1) tidak digunakan. Oleh yang demikian, dengan menggunakan seksyen 31(3), pegawai SPRM mengatakan bahawa mereka boleh terus bertindak atas kemahuan/inisiatif mereka sendiri memandangkan tiada apa-apa keperluan untuk merujuk semula kepada timbalan pendakwa raya atau pegawai SPRM yang berpangkat ketua penolong kanan pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang telah diberi kuasa dengan sewajarnya oleh timbalan pendakwa raya menurut seksyen 31(1).

[244] Kami tidak dapat menerima tafsiran peruntukan seksyen 31 yang diputarbelitkan sedemikian. Seksyen 31(3) hanya boleh digunakan sekiranya pegawai SPRM memasuki premis sebagaimana yang dibenarkan dengan sepatutnya di bawah seksyen 31(1) dan kemudiannya timbul suatu keadaan di mana, di dalam premis yang diperiksa, terdapat sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa ada tersembunyi atau tersimpan dalam premis tersebut apa-apa keterangan tentang berlakunya sesuatu kesalahan di bawah Akta SPRM. Sekali lagi, pegawai yang mempunyai apa-apa sebab munasabah untuk mengesyaki hendaklah mendasarkan syaknya atas alasan yang munasabah dengan mempercayai bahawa, oleh sebab kelengahan dalam memperoleh perintah bertulis di bawah subseksyen (1), matlamat penggeledahan mungkin tidak tercapai. Hanya dengan cara demikian pegawai itu boleh menjalankan semua kuasa yang disebut dalam subseksyen (1) dan (2) seksyen 31 seolah-olah dia telah diarahkan dengan sewajarnya menurut perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1).

Syor mengenai penggeledahan

[245] Dalam konteks ini, kami ingin menekankan kebimbangan kami terhadap sikap angkuh yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai SPRM dalam mengetepikan hasrat Parlimen yang terkandung dalam seksyen 31(1) Akta SPRM dan memberikan kuasa yang tidak diberikan oleh undang-undang, kepada diri mereka sendiri. Memandangkan para pegawai SPRM terlibat dalam penyiasatan kesalahan yang bukan sahaja di bawah Akta SPRM tetapi juga di bawah pelbagai undang-undang lain yang mungkin mempunyai peruntukan yang agak serupa dengan seksyen 31, kami mengesyorkan supaya semua pegawai SPRM mempunyai asas yang baik dalam pelbagai aspek undang-undang terpakai dan dalam pentafsiran undang-undang tersebut sebelum mereka dibenarkan terlibat dalam medan operasi yang aktif.

[246] Pegawai SPRM menjalankan penggeledahan di bawah peruntukan seksyen 31 Akta SPRM yang serupa dengan peruntukan penggeledahan yang terdapat dalam kebanyakan bidang kuasa lain di seluruh dunia yang menghendaki pemberikuasaan pihak berkuasa kehakiman terlebih dahulu iaitu daripada pegawai kanan untuk menjalankan penggeledahan. Dalam keadaan tertentu, kehendak ini diketepikan dan penggeledahan boleh dijalankan mengikut kuasa pegawai itu sendiri untuk memelihara keterangan yang sebaliknya boleh dimusnahkan dan penggeledahan tidak dapat dijalankan oleh sebab kelengahan dalam memohon waran geledah atau pemberikuasaan itu.

[247] Sebenarnya, SPRM adalah lebih layak berbanding dengan kebanyakan agensi penguatkuasaan undang-undang [“LEA”] lain di seluruh dunia kerana ia mengekalkan kuasa pegawai kanan untuk mengeluarkan waran dalam bentuk perintah bertulis bagi penggeledahan. Perkara ini bukan merupakan amalan lazim dan pengeluaran waran sedemikian selalunya merupakan hak kehakiman.

[248] Dalam siasatan yang dipersoalkan, sebilangan pegawai SPRM mengaku bahawa tiada perintah bertulis di bawah seksyen 31(1) Akta SPRM bagi apa-apa penggeledahan yang dijalankan. Inilah

hakikatnya walaupun sebenarnya pemberikuasaan itu boleh diperoleh daripada timbalan pendakwa raya yang ditempatkan di SPRM atau pegawai kanan SPRM yang berpangkat atau lebih tinggi daripada pangkat sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 31(1). Pegawai-pegawai lebih bergantung kepada seksyen 31(3) untuk menjalankan penggeledahan memandangkan mereka menganggap mereka mempunyai kuasa di bawah seksyen tersebut. Penggeledahan yang dijalankan jelas menunjukkan penyalahgunaan kuasa tersebut memandangkan tiada sebab untuk mempercayai bahawa terdapat apa-apa kemungkinan yang penggeledahan itu tidak dapat dijalankan oleh sebab apa-apa kelengahan dalam memperoleh pemberikuasaan yang dikehendaki.

[249] Selain itu, dua pegawai kanan, iaitu, HH dan Hairul Ilham, bergantung kepada pekeliling ketua setiausaha pada tahun 1984 yang, dikatakan mereka, membenarkan penggeledahan pejabat kerajaan tanpa waran atau pemberikuasaan. Walaupun perkara ini benar, pekeliling tersebut menghendaki pengeluaran suatu surat rasmi daripada ketua pesuruhjaya SPRM yang membenarkan penggeledahan [suatu kehendak yang lebih berat daripada memperoleh kebenaran untuk menggeledah melalui perintah bertulis di bawah seksyen 31(1)] dan, dalam apa-apa keadaan, pekeliling pentadbiran sedemikian dengan jelasnya digantikan oleh Akta SPRM dan peruntukan seksyen 31.

[250] Yang lebih membimbangkan, para pegawai SPRM menyatakan dalam keterangan bahawa perkara ini merupakan amalan lazim, dan didapati bahawa perkara ini bukan merupakan amalan luar biasa di SPRM secara keseluruhannya. Parlimen mempunyai hasrat yang jelas bahawa peruntukan seksyen 31(3) hanya bagi kegunaan semasa kecemasan dalam hal keadaan terdesak. Walau bagaimanapun, didapati bahawa pegawai-pegawai SPRM telah menerima pakainya sebagai amalan lazim, memberikan suatu gambaran bahawa SPRM boleh menggeledah tanpa waran atau pemberikuasaan. LEA lain yang juga mempunyai peruntukan sedemikian termasuk polis Malaysia, ICAC dari Hong Kong, polis UK, dan LEA lain di seluruh dunia. Sungguhpun begitu, dalam semua hal keadaan, suatu laporan akan dikeluarkan untuk memberikan alasan bagi penggunaan kuasa tersebut.

[251] Oleh itu, kami mengesyorkan yang berikut berhubung dengan tatacara operasi standard [“SOP”] mengenai penggeledahan:

- (a) bahawa kebiasaan menggunakan seksyen 31(3) dihentikan serta-merta;
- (b) bahawa penggunaan kuasa yang dikatakan terkandung dalam pekeliling ketua setiausaha pada tahun 1984 dihentikan serta-merta;
- (c) bahawa, secara umum, waran atau pemberikuasaan bertulis yang dikeluarkan dengan sepatutnya digunakan sebagai asas bagi semua penggeledahan oleh pegawai SPRM;
- (d) bahawa, alasan bagi pengeluaran waran atau pemberitahuan bertulis tersebut diberikan dengan sepatutnya secara bertulis;
- (e) bahawa penggunaan seksyen 31(3) dihadkan bagi hal keadaan di mana operasi sedang dijalankan dan terdapat kepercayaan yang sebenar dan pada masa itu bahawa kegagalan untuk bertindak akan mengakibatkan kemusnahan atau kehilangan keterangan. Penggunaan seksyen 31(3) adalah terbatas kepada hal keadaan tertentu untuk menekankan peraturan yang perintah bertulis hendaklah sentiasa diperoleh kecuali dalam keadaan yang jelas di mana keterangan berkemungkinan dalam proses untuk diganggu, dialih dan/ atau dimusnahkan;
- (f) bahawa, sekiranya munasabah, hendaklah mengambil masa untuk memaklumkan pegawai kanan yang berkaitan [atau timbalan pendakwa raya] tentang kehendak tersebut melalui telefon supaya beliau boleh memberi kuasa secara lisan dan kuasa secara bertulis boleh dikeluarkan dengan segera;
- (g) bahawa, dalam mana-mana satu hal, sebaik selepas penggeledahan, dan, pada bila-bila masa dalam tempoh dua puluh empat jam, suatu justifikasi lengkap bertulis bagi penggeledahan dan penggunaan kuasa di bawah seksyen

- 31(3) [atau justifikasi melalui telefon] dibuat kepada pegawai kanan yang berkaitan [atau timbalan pendakwa raya] yang kemudiannya akan memberikan persetujuan retrospektif secara bertulis;
- (h) bahawa suatu rekod mengenai apa-apa yang berlaku hendaklah disimpan dan akan disemak dengan kerap oleh seorang timbalan pendakwa raya kanan di Jabatan Peguam Negara.

[252] Pindaan kepada tatacara yang dicadangkan ini boleh direalisasikan dengan mengeluarkan suatu SOP yang baru berkenaan dengan penggeledahan dan dimasukkan dalam program latihan bagi pegawai. Sekiranya perkara ini dianggap tidak wajar, perundangan tambahan boleh dipertimbangkan melalui pindaan kepada Akta SPRM.

Perintah tetap yang terpakai

[253] Perintah tetap yang terpakai pada masa relevan apabila TBH dan saksi lain dikehendaki membantu dalam siasatan adalah seperti yang berikut:

- (a) *Perintah Tetap Ketua Pengarah BPR Malaysia Bab B (Siasatan) Bil. 2/1998 - Prosedur Memerintah Kehadiran dan Merekod Pernyataan Saksi di bawah subseksyen 22(1)(a) dan subseksyen 22(8) Akta Pencegahan Rasuah 1997 [“SO No.2/98”]*

[Standing Order of Director General of ACA Malaysia Chapter B (Investigation) No.2/1998 – Procedure on Order to Attend and Recording of Statement of Witness under subsection 22(1)(a) and subsection 22(8) of the Anti-Corruption Act 1997 [“SO No.2/98”]]

- (b) *Perintah Tetap Ketua Pengarah BPR Malaysia Bab B (Siasatan) Bil. 7/1998 – Prosedur Penggeledahan di bawah seksyen 23 Akta Pencegahan Rasuah 1997 [“SO No.7/98”]*

[Standing Order of Director General of ACA Malaysia Chapter B (Investigation) No.7/1998 – Procedure on Search under section 23 of the Anti-Corruption Act 1997 [“SO No.7/98”]]

- (c) *Perintah Tetap Ketua Pengarah BPR Malaysia Bab B (Siasatan) Bil. 12/1998 - Prosedur Penyitaan Harta Alih [“SO No.12/98”]*

[Standing Order of Director General of ACA Malaysia Chapter B (Investigation) No.12/1998 – Procedure on Seizure of Movable Property [“SO No.12/98”]]

[254] Selepas kematian TBH, SPRM membuat pembaharuan kepada perintah tetapnya berkaitan dengan layanan terhadap saksi dengan mengeluarkan yang berikut:

- (a) *Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Bab B (Siasatan) Bil.2 Tahun 2010 – Prosedur Memerintahkan Kehadiran dan Merekodkan Pernyataan Orang Yang Diperiksa (Saksi) di bawah subseksyen 30(1)(a) dan subseksyen 30(8) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.*

[Standing Order of Chief Commissioner of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Chapter B (Investigation) No.2 of 2010 – Procedure on Order to Attend and Recording of Statement of Person Examined (Witness) under subsection 30(1)(a) and subsection 30(8) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009.]

Perintah tetap ini memansuhkan SO No.2/98.

- (b) *Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Bab B (Siasatan) Bil.7 Tahun 2010 – Prosedur Penggeledahan di bawah seksyen 31 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.*

[Standing Order of Chief Commissioner of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Chapter B (Investigation) No.7 of 2010 – Procedure on Search under section 31 of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009.]

Perintah tetap ini memansuhkan SO No.7/98.

- (c) *Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Bab B (Siasatan) Bil.17 Tahun 2010 - Prosedur Penyitaan Harta Alih di bawah seksyen 33 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.*

[Standing Order of Chief Commissioner of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Chapter B (Investigation) No.17 of 2010 – Procedure on Seizure of Movable Property under section 33 of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009.]

Perintah tetap ini memansuhkan SO No.12/98.

Walau bagaimanapun, SO No.2/98, SO No.7/98 and SO No.12/98 berkuat kuasa pada masa kematian TBH.

[255] Apabila pegawai-pegawai SPRM menyerbu pejabat YB Ean pada 15^{hb}, mereka menyita satu komputer riba dan satu CPU di bawah seksyen 33 Akta SPRM.

[256] Apabila TBH dibawa ke pejabat SPRM Selangor pada lebih kurang 6.15ptg hari itu, kami mendapati bahawa beliau telah melalui proses yang, dalam ungkapan yang lebih sopan dan menyenangkan, dikenali sebagai “temu bual” yang dijalankan oleh pelbagai pegawai SPRM sebanyak empat peringkat yang berlainan, yang berakhir dengan pernyataannya direkod di bawah seksyen 30(8) Akta SPRM antara 1.30pg hingga 3.30pg pada 16^{hb}. Kami mengambil perhatian tentang cara TBH “ditemu bual” secara berperingkat oleh para pegawai SPRM. Pelbagai

peringkat soal siasat itu telah diperkatakan dengan terperinci dalam bahagian terdahulu laporan ini dan kami tidak perlu mengulangnya di sini.

Pelanggaran perintah tetap yang terpakai

[257] Antara penghujahan yang dibuat oleh pihak-pihak ialah penghujahan bahawa “hak di sisi undang-undang diberikan lebih kepada orang yang disyaki yang disiasat oleh SPRM berbanding dengan saksi dan bahawa walaupun skop perlindungan yang diberikan kepada saksi adalah terhad, terdapat beberapa pelanggaran perintah tetap SPRM”. Kami bersetuju dan menyenaraikan pelanggaran yang berikut:

- (a) Penggeledahan pejabat YB Ean dan penyitaan komputer riba dan CPU milik TBH tanpa pemberikuasaan dan perintah bertulis di bawah seksyen 31(1) Akta SPRM merupakan pelanggaran perintah 3.4, 4, 5 dan 6 SO No.7/98 dan perintah 4.2 SO No.12/98.
- (b) Memandangkan operasi bermula dalam bulan Jun 2009, kegagalan pegawai SPRM untuk memperoleh pemberikuasaan dan perintah bertulis di bawah seksyen 31(1) untuk menyita komputer riba dan CPU tersebut benar-benar tidak dapat dijustifikasikan kerana tidak terdapat asas untuk mengesyaki yang keterangan akan diganggu, dialih dan/atau dimusnahkan. Selanjutnya, kegagalan pegawai SPRM untuk mengambil gambar dan melabel komputer riba dan CPU tersebut, dan tempat di mana barang-barang tersebut disita serta menyediakan suatu pelan lakar tempat berkenaan, merupakan pelanggaran perintah 4.4.2 SO No.12/98.
- (c) Empat dokumen yang dicetak daripada komputer riba TBH [barang kes yang ditandakan D94 hingga D97] terdiri daripada dua sebut harga dan dua invois yang jelas menjadi asas kepada pengesyakan SPRM bahawa terdapat sesuatu yang

tidak wajar dalam tuntutan yang dibuat. Walau bagaimanapun, empat dokumen berkenaan tidak dicetak di hadapan TBH untuk ditentusahkan olehnya. Beliau juga tidak diminta untuk menandatangani apa-apa senarai barang yang disita berkenaan dengan empat dokumen tersebut. Ini merupakan pelanggaran perintah 4.4.1 dan 4.4.4 SO No.12/98. Dalam hal keadaan tersebut, kesahihan empat dokumen itu boleh dipertikaikan.

- (d) SPRM berpendapat bahawa tiada keperluan bagi para pegawainya untuk mematuhi pelbagai perintah tetap dan juga undang-undang bertulis yang terpakai, termasuklah seksyen 31 memandangkan TBH bekerjasama dengan pegawainya secara sukarela. Pada pendapat kami, pendapat sedemikian tidak boleh dibenarkan atas alasan yang mudah bahawa pihak berkuasa seperti SPRM, apabila dicabar mengenai kegagalan mereka untuk mematuhi perintah tetap dan undang-undang, boleh menyatakan yang tiada keperluan untuk mematuhi perintah tetap dan undang-undang itu kerana saksi bekerjasama secara sukarela. Jika saksi mencabar pendapat ini dan menyatakan bahawa mereka tidak bertindak dengan sukarela, SPRM tidak boleh mempertahankan pendiriannya.
- (e) Kegagalan SPRM untuk mengeluarkan suatu perintah bertulis kepada TBH untuk diperiksa secara lisan bagi membantu siasatan merupakan pelanggaran perintah 4.1 SO No.2/98.
- (f) SPRM menegaskan bahawa peguam kepada YB Ean dan TBH telah menasihati mereka supaya bekerjasama dengan SPRM kerana pegawainya diberi kuasa di bawah undang-undang untuk melakukan perkara yang mereka lakukan. Walaupun nasihat itu diberikan, kami berpendapat bahawa peruntukan undang-undang yang berkaitan hendaklah dipatuhi dan

dikuatkuasakan dengan betul supaya masyarakat dilindungi. Selanjutnya, Arman dan Ashraf yang terdahulu “menemu bual” [sebenarnya menyoal siasat] TBH menurut seksyen 30(1) Akta SPRM tidak merekod pernyataan TBH selepas itu di bawah seksyen 30(8). Nadzri yang merekod pernyataan tersebut dan ini merupakan pelanggaran perintah 4.2.1 SO No.2/98.

- (g) Penggunaan kata-kata Nadzri sendiri apabila merekod pernyataan TBH tanpa merekod kata-kata TBH sendiri menimbulkan kekeliruan tentang bahagian pernyataan itu yang merupakan jawapan sebenar daripada TBH dan bahagian mana yang bukan merupakan jawapan sebenar. Perkara ini merupakan pelanggaran perintah 4.2.5 of SO No.2/98.
- (h) Peninggalan perkataan “*Tandatangan Pegawai Yang Memeriksa*” [dalam bahasa Inggeris, “Signature of Examining Officer”] di muka surat akhir pernyataan TBH di bahagian yang ditandatangani oleh Nadzri sebagai pegawai yang merekod, merupakan pelanggaran perintah 4.2.9 of SO No.2/98.

Layanan terhadap saksi dan orang yang disyaki

[258] Kami mendapati bahawa TBH pada asalnya “dijemput” sebagai saksi dalam siasatan yang sedang dijalankan oleh SPRM. Walau bagaimanapun, keadaan persekitaran pada masa ketiadaan beliau secara tiba-tiba dari pejabat SUK, beliau diiringi ke pejabat SPRM, beliau ditemu bual/disoal siasat oleh pegawai SPRM, pernyataan beliau direkod sebaik sahaja selepas temu bual/soal siasat tersebut dan beliau berada dalam jagaan, tahanan dan kawalan pegawai SPRM selepas pernyataan direkod, kesemuanya menunjukkan yang TBH telah berubah daripada menjadi saksi prospektif kepada orang yang disyaki prospektif. Pegawai SPRM menegaskan bahawa TBH bebas untuk meninggalkan pejabat SPRM selepas pernyataannya direkod tetapi beliau memilih untuk berada di pejabat berkenaan.

[259] Kami mendapati adalah tidak munasabah untuk mempercayai bahawa beliau ingin berada di pejabat SPRM selepas ditahan di situ selama hampir dua belas jam. Kami mendapati bahawa kegagalan pegawai SPRM untuk melepaskan TBH selepas pernyataannya direkod merupakan perlakuan zalim dan hukuman yang dikenakan dengan sengaja. Oleh itu, kami mengesyorkan agar semua prosiding di mana-mana pejabat SPRM direkod menerusi televisyen litar tertutup [cctv] supaya tiada pertikaian mengenai sama ada saksi ditahan atau berada di pejabat SPRM bukan dengan kemahuan mereka sendiri atau sama ada boleh dikatakan bahawa mereka “secara sukarela berada di sana sebagai tetamu SPRM”.

[260] Kami berpendapat bahawa hak di sisi undang-undang bagi kedua-dua saksi dan orang yang disyaki hendaklah diperuntukkan sebagai sebahagian daripada Akta SPRM kerana hak berkenaan akan menjadi telus dan boleh diakses oleh masyarakat Malaysia melalui peruntukan sedemikian. Dengan mengadakan hak tersebut melalui perintah bertulis, masyarakat tidak dapat dilindungi kerana pematuhannya amat bergantung kepada budi bicara mutlak para pegawai SPRM yang berkaitan dan tidak telus memandangkan perintah bertulis sedemikian lazimnya dikelaskan sebagai “rahsia rasmi” yang tidak boleh diakses oleh masyarakat. Menjadi prinsip utama ketelusan dan proses demokrasi bagi seseorang saksi atau orang yang disyaki untuk mengetahui haknya apabila dipanggil untuk membantu sesuatu siasatan atau apabila dia berada dalam tahanan.

[261] Semasa perjalanan siasatan, kami mengambil perhatian bahawa sebahagian besar daripada pegawai SPRM menunjukkan sikap yang sama sekali tidak bertimbang rasa terhadap perasaan kemanusiaan. Kami terkejut apabila mendengar bahawa ungkapan kata-kata hinaan berunsur perkauman menjadi perkara biasa dalam tatacara soal siasat yang diguna pakai oleh sesetengah pegawai SPRM dalam kes ini dan dalam kes yang lain. Kami dengan segera menambah yang penggunaan sedemikian sudah tentu dinafikan oleh pegawai yang berkaitan tetapi kami tidak mempunyai apa-apa alasan untuk berasa ragu bahawa kata

makian berunsur perkauman telah diucapkan dengan mengambil kira hal keadaan keseluruhan latar belakang di mana soal siasat dilakukan.

[262] Kami berpendapat bahawa proses pengambilan pegawai SPRM perlu merangkumi penilaian psikologi untuk menilai kesesuaian mereka bagi kerja menyiasat di SPRM dan bahawa selanjutnya mereka perlu diberikan kaunseling psikologi untuk memberitahu mereka tentang perasaan perkauman dan keagamaan dan juga tahap daya tahan yang berbeza yang dimiliki oleh setiap individu apabila disoal siasat secara keras atau tanpa henti.

Penambahbaikan yang dicadangkan

[263] Penghujahan yang dikemukakan termasuklah suatu senarai yang tidak menyeluruh tentang isu dan cadangan untuk kami pertimbangkan “sebagai suatu cara untuk menambah baik perlindungan di sisi undang-undang yang diberikan kepada saksi yang membantu dalam sesuatu siasatan SPRM”. Kami telah mengambil maklum tentang penghujahan tersebut dan menyatakan semula di bawah ini pendapat kami mengenai beberapa penghujahan tersebut sebagaimana yang dinyatakan semasa perjalanan siasatan ini. Beberapa cadangan dalam penghujahan itu adalah serupa dengan pendapat kami dan kami menyatakan semula dengan pengubahsuaian di bawah ini:

Kelayakan dan latihan

- [264] (a) Semua pegawai SPRM yang diambil kerja dan/atau menjalankan fungsi sebagai pegawai pemerhati/penyerbu/penguat kuasa dan penyiasat hendaklah sekurang-kurangnya tamat pendidikan tinggi.
- (b) Pegawai SPRM yang diambil kerja dan/atau menjalankan fungsi sebagai pegawai pemerhati, penyerbu, penguat kuasa dan penyiasat hendaklah menjalani program latihan yang lebih

terperinci dan komprehensif. Mereka perlu diperiksa dan hanya disenaraikan untuk berkhidmat sekiranya mereka memenuhi standard yang dikehendaki. Pemeriksaan dan latihan tersebut hendaklah merangkumi masing-masing penilaian psikologi dan kaunseling psikologi.

- (c) Pendidikan dan latihan yang berterusan bagi semua pegawai SPRM hendaklah diwajibkan.

Infrastruktur

- [265] (a) Infrastruktur premis dan pejabat SPRM perlu ditambah baik dan dipertingkatkan. Tiap-tiap pejabat SPRM perlu dilengkapi cctv, kamera pengawasan untuk merekod pergerakan dan perlakuan setiap orang yang memasuki atau meninggalkan pejabat itu atau mana-mana biliknya.
- (b) Perlu diadakan bilik menunggu yang ditetapkan untuk menempatkan saksi sementara menunggu untuk ditemu bual atau direkod pernyataannya. Para pegawai perlu menunggu bersama dengan saksi untuk menghalang apa-apa perkara yang tidak diingini dan juga untuk menghalang saksi yang terlibat dalam siasatan yang sama daripada berhubungan antara satu sama lain. Saksi tidak boleh dikehendaki menunggu selama lebih daripada tiga puluh minit kecuali ada alasan yang baik.
- (c) Perlu diadakan bilik yang ditetapkan untuk menemu bual dan merekod pernyataan saksi [“bilik temu bual”]. Temu bual hanya boleh dijalankan di dalam bilik tersebut dan pernyataan juga perlu direkod di dalam bilik berkenaan. Bilik tersebut perlu ditempatkan di tingkat bawah pejabat SPRM dan tidak boleh dikunci semasa sesi temu duga atau sesi merekod pernyataan. Ini akan membolehkan pegawai atasan kepada pegawai yang

menemu duga atau yang merekod pernyataan memeriksa pegawai tersebut dari semasa ke semasa untuk memastikan sesi temu duga dan sesi merekod pernyataan dijalankan dengan sepatutnya dan mengikut undang-undang.

- (d) Bilik temu bual perlu dilengkapi cermin kaca sehala untuk mewujudkan ketelusan dalam proses temu duga dan untuk mengelak tuduhan menggunakan kekerasan, dengan mengambil kira juga syor kami yang terdahulu yang semua prosiding di pejabat SPRM direkod dalam cctv.
- (e) Semua sesi temu bual dan sesi merekod pernyataan saksi perlu diambil melalui rakaman video atau audio dan peralatan perlu dipasang di dalam bilik bagi maksud ini.
- (f) Suatu sistem berkomputer perlu diadakan untuk merekod semua orang yang memasuki dan yang meninggalkan pejabat SPRM termasuklah butir-butir seperti masa, tujuan lawatan dan butir-butir orang yang dengannya seseorang itu memasuki atau meninggalkan premis berkenaan. Sistem ini perlu dilengkapi buku log saksi yang mesti ditandatangani oleh saksi dan pegawai SPRM.
- (g) Perlu diadakan bilik yang sepatutnya untuk pegawai SPRM berehat dan/atau bermalam sekiranya tugas memerlukan mereka berada lebih lama di pejabat. Pegawai-pegawai SPRM tidak dibenarkan lagi tidur di dalam bilik mereka. Semasa prosiding, keterangan menunjukkan bahawa para pegawai mempunyai ruang rehat di pejabat tetapi ruang itu tidak selesa. Mereka juga tidur di mana-mana jua yang boleh apabila mereka perlu berehat. Keadaan ini tidak membantu kelancaran kerja kerana berehat dalam keadaan yang disebut mereka, contohnya, tidur di meja tempat seseorang bekerja, tidak boleh memberikan rehat yang secukupnya dan tidak

dapat meletakkan seseorang pada tahap pemikiran yang baik untuk menjalankan kerja, dan dengan itu memberikan kesan kepada cara seseorang menguruskan saksi dan mereka yang mungkin menjadi orang yang disyaki.

Memanggil saksi

[266] Seksyen 30(1) Akta SPRM membolehkan seseorang pegawai SPRM yang menyiasat sesuatu kesalahan di bawah Akta itu mengarahkan mana-mana orang supaya hadir di hadapannya untuk diperiksa secara lisan berhubung dengan apa-apa perkara yang disiasat atau supaya mengemukakan apa-apa buku atau dokumen lain yang dinyatakan yang dikehendaki bagi maksud siasatan.

[267] Pegawai SPRM juga diberikan kuasa polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Seksyen 111(1) KTJ memperuntukkan bahawa jika seseorang pegawai polis yang menyiasat sesuatu kesalahan menghendaki mana-mana orang supaya hadir di hadapannya, pegawai polis itu “**boleh melalui perintah bertulis**” menghendaki orang itu supaya hadir di hadapannya [penekanan diberikan].

[268] Kami mendapati bahawa semasa operasi yang dipersoalkan itu, pegawai SPRM, tanpa seseorang pun terkecuali, bergantung kepada perintah secara lisan yang diberikan yang menghendaki supaya saksi hadir di pejabat SPRM Selangor. Walaupun kami memahami yang perintah untuk hadir boleh diberikan secara lisan dalam keadaan yang terdesak, amalan tersebut mesti dijalankan dengan berhati-hati. Dalam siasatan di hadapan kami, saksi memberikan keterangan bahawa apabila mereka mempersoalkan sama ada pegawai SPRM mempunyai kuasa untuk melakukan perkara yang mereka lakukan, pegawai SPRM memberitahu saksi dengan kasar bahawa undang-undang memberi kuasa kepada mereka untuk melakukan sedemikian. Hal ini berlanjutan sehingga pegawai juga tidak menunjukkan kad kuasa mereka dengan sepatutnya sebelum meneruskan tugas menyoal saksi.

[269] Kami berpendapat bahawa pegawai SPRM hendaklah, dalam segala hal, mengemukakan kad kuasa mereka sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 8 Akta SPRM apabila menjalankan apa-apa operasi dan tidak bertindak dengan angkuh sebagaimana yang mereka lakukan dalam kes ini apabila tidak menunjukkan kad kuasa mereka dengan sepatutnya sebelum meneruskan tugas menyoal saksi.

[270] Kami juga berpendapat bahawa, kecuali dalam keadaan terdesak yang memerlukan tindakan diambil sebaliknya, semua pegawai SPRM yang bertindak di bawah seksyen 30(1) Akta SPRM hendaklah mengeluarkan suatu perintah bertulis supaya saksi hadir di hadapan mereka memandangkan dalam kes ini, saksi memberikan keterangan bahawa apabila mereka mempersoalkan sama ada pegawai SPRM mempunyai kuasa untuk melakukan perkara yang mereka lakukan, pegawai SPRM memberitahu saksi dengan kasar bahawa mereka diberi kuasa oleh undang-undang untuk melakukan sedemikian.

Saksi hendaklah diiringi

[271] Mana-mana saksi atau orang yang disyaki yang disiasat oleh SPRM perlu pada setiap masa ditemani dan diiringi oleh seorang pegawai SPRM yang dilantik yang mesti melaporkan dengan tetap pergerakan saksi kepada pegawai penyiasat untuk memastikan yang pegawai penyiasat itu dimaklumi tentang keadaan dan pergerakan saksi. Kami tidak perlu menekankan lagi keperluan perkara ini memandangkan terdapat kejadian yang menunjukkan bahawa apabila saksi atau orang yang disyaki dibiarkan merayau-rayau tanpa diawasi di pejabat SPRM, perkara yang tidak diingini mungkin berlaku. Amalan ini mempunyai kebaikan tambahan sekiranya berhadapan dengan pihak yang mencabar tentang apa-apa penderaan fizikal atau mental yang dikenakan terhadap saksi kerana terdapat orang yang tiada kaitan dengan siasatan yang bertanggungjawab ke atas saksi [kecuali apabila temu bual atau soal siasat sedang berjalan] dan yang berada dalam kedudukan untuk menyatakan perkara yang berlaku jika persoalan dibangkitkan.

Temu bual dan merekod pernyataan

[272] Suatu pendapat diberikan bahawa temu bual dan tugas merekod pernyataan saksi hendaklah dijalankan semasa waktu pejabat sahaja, iaitu, di antara 9.00pg dan 5.00ptg, dan bahawa setiap sesi mesti dijalankan selama tidak lebih daripada satu jam secara terus menerus, dan rehat di antara setiap sesi hendaklah tidak kurang daripada lima belas minit. Didapati bahawa dalam penjelasan kebanyakan pegawai SPRM yang menjalankan temu bual dan yang merekod pernyataan dalam operasi ini, pegawai tersebut memberitahu bahawa mereka kerap bermalam dan keletihan kerana mereka perlu bekerja dalam jangka masa yang panjang.

[273] SPRM, sebaliknya, berpendapat bahawa amalan pada masa ini bagi merekod pernyataan saksi yang berterusan melewati waktu bekerja sebagaimana yang diperlukan mengikut hal keadaan kes, hendaklah diteruskan. SPRM bergantung kepada kes ***Datuk Seri Ahmad Said Hamdan dan yang lain Iwn Tan Boon Wah [2010] 6 CLJ 142*** bagi menyokong pendiriannya.

[274] Tan Boon Wah yang merupakan plaintif dalam kes di atas ialah saksi dalam siasatan di hadapan kami dan kes itu sendiri berpunca daripada siasatan yang dijalankan oleh SPRM menurut aduan yang dibuat dalam repot Shah Alam No. 0052/2009.

[275] Dalam siasatan itu, kami dimaklumkan tentang fakta yang tidak didedahkan dalam prosiding di Mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Rayuan. Kami mendapati bahawa Tan Boon Wah ditahan di pejabat SPRM selama suatu tempoh masa yang panjang untuk memberikan tekanan kepadanya dan untuk menyusahkannya. Beliau hadir di pejabat SPRM pada petang 15^{hb}, yang kononnya bertujuan untuk menjadi saksi bagi membantu siasatan yang sedang dijalankan. Walau bagaimanapun, kami mendapati bahawa beliau bukan sahaja ditemu bual tetapi juga disoal siasat dalam hal keadaan yang tidak boleh dibenarkan. Beliau dikurung dalam sebuah bilik dan ditinggalkan di situ tanpa lampu

dipasang, dibiarkan tidur di atas lantai [apabila tidak disoal], dan tidak dibenarkan balik ke rumah walaupun kehadirannya di pejabat SPRM Selangor tidak dikehendaki selepas lebih kurang 2.30pg pada 16^{hb}.

[276] Kami mendapati bahawa beliau dikenakan tekanan yang kuat dan diancam akan dicederakan secara fizikal, dan kata-kata hinaan dilemparkan kepada beliau termasuklah celaan berunsur perkauman. Kami tidak mempunyai alasan, dengan mengambil kira tingkah lakunya, untuk meragui bahawa perkara ini yang sebenarnya berlaku dan menolak keterangan pegawai SPRM sebaliknya sebagai suatu penafian. Pernyataannya hanya direkod pada lewat pagi 16^{hb}, suatu jangka masa yang panjang selepas beliau selesai disoal siasat oleh pegawai SPRM. Ini menunjukkan bahawa pegawai SPRM menipu dalam keterangannya apabila beliau menyatakan bahawa Tan Boon Wah memilih untuk terus menunggu selepas dilepaskan kerana menantikan isterinya membawa dokumen yang dikehendaki ke pejabat SPRM Selangor. Isteri beliau tidak datang membawa dokumen tersebut dan sungguhpun begitu pernyataannya direkod lewat pagi itu. Ini bermakna yang Tan Boon Wah bercakap benar, iaitu, bahawa beliau dengan sengaja dibiarkan berada di pejabat SPRM Selangor selepas pegawai selesai menyoal siasatnya lebih kurang 2.30pg itu.

[277] Dalam keadaan begini, apabila suatu keputusan perlu dibuat tentang sama ada untuk menerima keterangan seorang saksi sementara menolak keterangan saksi yang lain, amat membantu sekiranya terdapat cctv yang merakam perkara yang berlaku. Kami ingin menekankan bahawa apa-apa sistem rakaman cctv yang dilaksanakan di pejabat SPRM hendaklah kalis gangguan supaya tiada kemungkinan rakaman tersebut diubah suai.

[278] Sementara mengakui bahawa pihak berkuasa perlu bertindak untuk menyiasat kes rasuah dan jenayah lain untuk melindungi masyarakat sejagat, pengumpulan bukti untuk melindungi masyarakat hendaklah dilakukan mengikut undang-undang yang memperuntukkan perlindungan yang mencukupi untuk melindungi hak individu.

[279] Berhubung dengan perkara merekod pernyataan di luar waktu pejabat, kami mencadangkan bahawa dalam keadaan tertentu, jika pemberhentian tugas merekod pernyataan saksi mendatangkan kesan yang buruk ke atas siasatan, tugas merekod itu hendaklah dibenarkan berterusan melewati waktu pejabat tetapi dengan memberikan waktu rehat yang mencukupi dan perhatian kepada keadaan dan kesihatan fizikal dan mental saksi. Hal ini adalah penting kerana, selagi saksi berada dalam jagaan SPRM, SPRM adalah bertanggungan bagi kesihatannya dan sekiranya saksi ditahan untuk tempoh masa yang panjang dan kesihatannya terjejas, SPRM hendaklah bertanggungjawab.

[280] Kami berpendapat bahawa peruntukan perlu diadakan sama ada dalam Akta SPRM atau dalam perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta SPRM bagi perlindungan ini diberikan kepada saksi dan bukannya dengan memasukkan perlindungan sedemikian dalam perintah tetap SPRM. Oleh itu, adalah penting untuk mengadakan perlindungan dari segi perundangan bagi hak saksi dan bagi keadaan tertentu diperuntukkan dalam undang-undang sendiri.

[281] Perlu diberikan penekanan bahawa saksi diminta hadir untuk direkod pernyataan mereka dan selainnya untuk membantu dalam siasatan bagi membangunkan objektif masyarakat untuk membanteras rasuah. Oleh itu, seharusnya pihak berkuasa berperikemanusiaan semasa melayan saksi untuk memperoleh kerjasama mereka. Kami mendapati bahawa dalam kes ini saksi tertentu dilayan dengan tidak baik sehingga menjadi tidak produktif.

[282] Saksi yang dipanggil ke pejabat SPRM hendaklah diberikan layanan yang baik supaya mereka selesa dan diberikan keperluan asas seperti makanan dan minuman tanpa perlu mereka memintanya, bergantung kepada tempoh masa mereka berada di pejabat SPRM.

[283] Kami berpendapat bahawa saksi hendaklah diberitahu, dengan perkataan yang biasa dan mudah dan dalam bahasa yang difahami, tentang hak mereka untuk memaklumkan keluarga dan/atau rakan

mengenai tempat di mana mereka berada, khususnya, yang mereka berada di SPRM membantu siasatan. Kami mengakui bahawa hak ini boleh dihadkan dalam keadaan yang ditetapkan dan tertentu yang ditakrif dengan jelas oleh Akta SPRM.

[284] Bagi membolehkan saksi berhubungan dengan keluarga dan/atau rakan, SPRM hendaklah menyediakan kemudahan untuk membuat satu panggilan telefon atau membenarkan apa-apa bentuk perhubungan lain dengan anggota keluarga atau rakan dengan kehadiran seorang pegawai SPRM bagi maksud tertentu iaitu memaklumkan orang itu mengenai tempat di mana mereka berada. Walau bagaimanapun, hak ini boleh disekat dalam keadaan perhubungan itu boleh mengakibatkan kesan buruk ke atas siasatan oleh SPRM. Hak ini dan pengehadannya dalam hal keadaan yang ditetapkan dan tertentu hendaklah ditakrif dengan jelas dalam Akta SPRM atau dalam perundangan subsidiari.

Had penyitaan

[285] Cadangan supaya barang peribadi saksi tidak perlu disita atau diberi kepada SPRM sebelum ditemu bual dan direkod pernyataan adalah diterima, kecuali apabila perlu bagi apa-apa barang peribadi tertentu diberikan supaya tidak menganggu siasatan.

[286] Setelah saksi selesai ditemu duga atau direkod pernyataannya, suatu dokumen rasmi hendaklah dikeluarkan dan diakui penerimaannya yang menyatakan butir-butir sesi dan sama ada saksi dikehendaki untuk hadir semula bersama-sama dengan dokumen atau bagi memberikan pernyataan selanjutnya, dan jika sedemikian, tarikh dan masa untuk hadir semula. Kami berpendapat bahawa dokumen ini akan menjadi rekod tentang perkara yang berlaku dan menggalakkan ketelusan.

[287] Amat penting bagi pegawai penyiasat memainkan peranan yang aktif pada setiap masa untuk menyelaraskan proses temu bual dan merekod pernyataan saksi. Ini adalah kerana beliau bertanggungjawab sepenuhnya bagi siasatan. Sebagaimana yang didedahkan kepada kami semasa siasatan, pegawai penyiasat dalam kes TBH, Anuar, tidak berada

di pejabat kerana hal peribadi selama suatu tempoh masa yang panjang dan kemudian, apabila kembali ke pejabat SPRM, beliau tidur semasa pernyataan TBH direkod. Sebagai pegawai yang bertanggungjawab bagi siasatan, dia sepatutnya peka dan hadir sepanjang pernyataan TBH direkod dan sepatutnya menguruskan kebajikan TBH di akhir pernyataannya direkod.

[288] Oleh itu, kami berpendapat bahawa suatu peruntukan yang menyatakan tanggungjawab pegawai penyiasat hendaklah dimasukkan dalam SOP SPRM. Dengan itu, kami tidak menerima sama sekali keterangan Anuar bahawa beliau tidur di pejabat SPRM apabila kembali daripada menguruskan hal peribadi sepanjang malam itu hingga keesokan pagi pada 16^{hb} apabila operasi besar sedemikian sedang berjalan dan beliau memainkan peranan yang penting.

[289] Saksi tidak boleh dipanggil untuk disoal jika penentusahan bebas atau semakan latar belakang boleh dibuat tanpa kehadiran dan bantuan mereka di SPRM. Penentusahan bebas dan semakan latar belakang tersebut hendaklah dijalankan dengan cepat sebelum saksi dipanggil untuk disoal. Ini akan menyebabkan saksi tidak perlu ditahan selama tempoh masa yang panjang di pejabat SPRM sementara semakan latar belakang dan penentusahan bebas dijalankan. Tiap-tiap siasatan hendaklah diselia dan diselaraskan oleh pegawai penyiasat. Selain itu, perlu ada rantaian perintah yang jelas dan tempoh masa yang ditetapkan bagi kertas siasatan dikemukakan kepada pendakwa raya atau timbalannya.

Pengasingan fungsi mendakwa dan fungsi menyiasat

[290] Majlis Peguam mencadangkan bahawa bagi SPRM menjadi, dan dilihat menjadi, bebas sepenuhnya, Akta SPRM hendaklah memasukkan kuasa untuk mendakwa dan memberikan kuasa itu kepada orang atau kumpulan orang dalam SPRM untuk menjalankan pendakwaan kes. [“pendakwa bebas SPRM”]. Terdapat pendapat yang SPRM tidak perlu lagi merujuk siasatan kepada Jabatan Peguam Negara untuk seliaan atau keputusan mengenai hal pendakwaan. Dalam perkara ini, Majlis

Peguam mencadangkan pindaan kepada seksyen 5(6) Akta SPRM untuk mengeluarkan perkara mengenai pemberian kuasa timbalan pendakwa raya kepada ketua pesuruhjaya, memandangkan jawatan pendakwa bebas SPRM diwujudkan.

[291] Kami tidak menyokong cadangan sedemikian dan berpendapat bahawa pelaksanaannya tidak sama sekali menambah baik sistem sedia ada. Pada masa ini, timbalan pendakwa raya daripada Jabatan Peguam Negara ditempatkan di SPRM untuk memberikan arahan dan menjalankan pendakwaan kes. Kami mengambil maklum bahawa penempatan pegawai sedemikian di SPRM akhirnya menjelaskan kebebasan mereka disebabkan hubungan secara langsung dengan pegawai SPRM di tempat kerja. Kami berpendapat bahawa timbalan pendakwa raya yang berurusan dengan SPRM hendaklah menjauhkan diri secara fizikal daripada SPRM dengan ditempatkan di bahagian yang sesuai di Jabatan Peguam Negara. Ini akan menjadikan mereka lebih bebas dan tidak dipengaruhi oleh pegawai SPRM di tempat kerja. Perkara ini adalah untuk mengambil kira kelemahan manusia kerana dalam semua perhubungan atau urusan rasmi, keintiman secara fizikal akan menjadikan pihak-pihak menjadi rapat dan saling memerlukan menyebabkan mereka terlepas pandang kesalahan atau kelemahan tertentu orang yang perlakuan rasminya perlu diteliti. Dalam perkara ini, kami mengambil perhatian tentang kehadiran timbalan pendakwa raya tertentu semasa taklimat SPRM selepas kematian TBH dan penglibatan mereka dalam memanggil bakal saksi untuk perbincangan sebelum keterangan saksi tersebut dikemukakan dalam siasatan ini.

[292] Sungguhpun begitu, kami mengambil maklum bahawa penempatan timbalan pendakwa raya di SPRM adalah bertujuan untuk memudahkan siasatan kerana kehadiran mereka di tempat kerja akan mempercepat perundingan. Jika amalan ini diteruskan, mestilah wujud *check and balance* yang menjadikan kertas siasatan sepatutnya perlu disemak oleh timbalan pendakwa raya kanan di Jabatan Peguam Negara untuk memastikan bahawa timbalan pendakwa raya di SPRM bertindak dengan profesional, bebas dan sepatutnya, tanpa gentar atau pilih kasih.

Penyenggaraan rekod

[293] Semua diari siasatan, pernyataan saksi dan dokumen yang dirujuk dalam diari dan pernyataan hendaklah disenggarakan dengan sepatutnya. Setakat yang berkaitan dengan diari siasatan, kami menekankan bahawa diari itu hendaklah disenggarakan dalam bentuk yang selari dengan peristiwa semasa dan dengan cara yang mana ia tidak boleh diganggu atau diubah dalam apa-apa hal keadaan. Setiap pegawai hendaklah menyenggarakan hanya satu diari siasatan bagi setiap siasatan. Seseorang pegawai tidak boleh mengadakan lebih daripada satu diari dalam satu siasatan, sebagaimana yang berlaku dalam kes ini. Dalam siasatan ini, kami terkejut apabila mengetahui bahawa pegawai menyenggarakan lebih daripada satu diari siasatan dalam kes yang sama, bahawa diari tidak disenggarakan selari dengan peristiwa semasa, bahawa diari diubah mengikut masa dan kemudiannya disediakan supaya dapat menyokong dan selaras antara satu sama lain apabila diteliti.

[294] Amalan ini amat berbeza daripada tujuan sesuatu diari siasatan disenggarakan, iaitu, sebagai suatu dokumen yang selari dengan peristiwa semasa memandangkan ia terbuka untuk direkod dalam bentuk bercetak, dan tidak bergantung kepada ingatan manusia yang boleh membuat silap apabila direkod kemudian. Diari siasatan hendaklah disenggarakan dalam bentuk yang tidak boleh diganggu dan tidak boleh dibuat penambahan selanjutnya.

Pencegahan penyalahgunaan kuasa

[295] Sepanjang siasatan berjalan, kami didedahkan kepada beberapa keadaan salah guna kuasa secara terang-terangan oleh pegawai SPRM Selangor dan pegawai lain yang terlibat dalam operasi tersebut. Siasatan terhadap tuduhan rasuah oleh SPRM menunjukkan kurang perhatian diberikan kepada undang-undang dalam proses SPRM hendak mencapai matlamatnya.

[296] Kami mencadangkan supaya undang-undang dipinda untuk mencegah penyalahgunaan kuasa dan penyalahafsiran undang-undang selanjutnya dan untuk memberikan perlindungan kepada saksi dan orang yang disyaki terhadap pelanggaran hak manusia dan juga untuk mengambil pendekatan yang lebih seimbang dalam memerangi rasuah. Dalam hal ini, isu “guarding the guards” menjadi perkara paling utama. Menurut Lord Acton [*Letter to Bishop Mandell Creighton, 1887*]:

“Power tends to corrupt, and absolute power corrupts absolutely.”

[297] Didapati bahawa Parlimen, dalam usahanya untuk membanteras rasuah, memberikan kuasa yang luas kepada SPRM dengan memperbuat Akta SPRM. Menurut kami, perkara ini harus dipuji tetapi malangnya mana-mana undang-undang hanya berkesan sebagaimana orang yang menguatkuasakannya. Kesempatan untuk menyalahgunakan kuasa terbuka luas dalam Akta SPRM. Melainkan jika orang yang diamanahkan untuk menguatkuasakan Akta tersebut merupakan orang yang mempunyai integriti dan perwatakan yang baik, undang-undang yang dikuatkuasakan itu boleh disalah guna, sebagaimana yang didedahkan kepada kami semasa perjalanan siasatan. Contoh kelemahan sifat dan sikap manusia serta keangkuhan yang tidak terkawal disebabkan kuasa digambarkan dengan jelas apabila TBH dan saksi lain disiasat oleh pegawai SPRM. Kami mendapati bahawa sementara Akta SPRM memberikan kuasa yang luas untuk menyiasat kepada SPRM, pada masa yang sama, pegawai SPRM yang tertentu diberikan kuasa untuk mendakwa. Gabungan kuasa untuk menyiasat dan mendakwa yang dimiliki oleh individu yang sama merupakan satu kebencian bagi sistem demokrasi yang berfungsi dengan bebas di mana hak warganegara untuk dilindungi daripada penyalahgunaan kuasa sepatutnya adalah perkara paling utama.

[298] Seksyen 5(6) Akta SPRM membolehkan kuasa timbalan pendakwa raya diberikan kepada ketua pesuruhjaya SPRM. Kami tidak sedikitpun dengan apa-apa cara mengatakan yang perkara ini bertujuan untuk memberikan gambaran buruk kepada individu yang memegang jawatan ketua pesuruhjaya. Malahan, ia bertujuan untuk melindungi masyarakat

terhadap penyalahgunaan kuasa dan oleh itu, kami mencadangkan supaya subseksyen tersebut dikeluarkan daripada Akta SPRM. Selanjutnya, diambil maklum bahawa pegawai SPRM mempunyai kuasa polis sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 70 Akta SPRM. Campuran kuasa polis [penyiasatan] dan pendakwaan ini yang berada dalam tangan SPRM boleh menyebabkan penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

[299] Suatu sistem *checks and balances* yang sepatutnya hendaklah diadakan untuk mencegah apa-apa penyalahgunaan kuasa. Pelbagai peruntukan dalam Akta SPRM memberikan kuasa pendakwa raya [termasuk kuasa timbalan pendakwa raya] kepada pegawai SPRM yang berpangkat ketua penolong kanan pesuruhjaya atau yang lebih tinggi sebagaimana yang diberi kuasa oleh pendakwa raya. Kami berpendapat bahawa peruntukan dalam pelbagai seksyen Akta SPRM yang mengandungi ungkapan “atau seorang pegawai suruhanjaya yang berpangkat ketua penolong kanan pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh pendakwa raya” hendaklah dipotong: sila lihat, sebagai contoh, seksyen 31(1), 35(1), 43(1), 44(1), dan 45(1).

[300] Keterangan pegawai SPRM seperti Arman, HH dan Hairul Ilham menunjukkan bahawa terdapat suatu perasaan angkuh yang mendalam di kalangan pegawai SPRM Selangor yang memberikan keterangan dengan menganggap [pada pendapat kami, dengan salah] bahawa mereka tidak bertanggungjawab kepada sesiapa dalam menjalankan kuasa mereka dan tentang cara mereka melaksanakan kewajipan mereka dalam menjalankan perkara yang dirasakan sebagai kuasa mereka yang sah di bawah Akta SPRM.

[301] Beberapa peruntukan dalam Akta SPRM yang memperuntukkan kuasa untuk menggeledah dan/atau menyerbu tanpa waran atau pemberikuasaan daripada pendakwa raya hendaklah dijalankan hanya dalam keadaan yang benar-benar memerlukan apabila terdapat kemungkinan yang keterangan akan dimusnahkan jika permohonan yang berkaitan dibuat kepada pendakwa raya, telah digunakan oleh pegawai SPRM apabila menggeledah rumah saksi dan orang yang disyaki walaupun

mereka menyedari sepenuhnya bahawa ini merupakan operasi yang sedang berjalan yang telah bermula pada bulan Jun 2009 dan dengan itu perkara tersebut sepatutnya telah dikemukakan semula kepada pendakwa raya bagi pemberikuasaan.

[302] Dalam perkara ini, kami mengesyorkan agar SOP diadakan untuk menerangkan dengan lebih jelas bahawa kuasa untuk menggeledah dan menyita tanpa waran atau pemberikuasaan daripada pendakwa raya hanya boleh dijalankan dalam keadaan terdesak yang mana permohonan berkaitan kepada pendakwa raya akan menyebabkan keterangan atau dokumen dimusnahkan atau dihilangkan.

Aduan

[303] Pada masa ini, seksyen 15(1) Akta SPRM memperuntukkan penubuhan jawatankuasa aduan yang mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) memantau SPRM dalam mengendalikan aduan mengenai salah laku yang bukan bersifat jenayah terhadap pegawai SPRM; dan
- (b) mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja SPRM yang boleh menimbulkan aduan dan membuat syor tentang tatacara kerja SPRM sebagaimana yang difikirkannya sesuai, jika dianggapkannya wajar untuk berbuat demikian.

[304] Kami mendapati bahawa jawatankuasa aduan hanya boleh memantau pengendalian aduan tentang salah laku oleh SPRM tetapi kuasa untuk mengambil tindakan ke atas aduan tersebut masih berada pada SPRM. Selanjutnya, fungsi memantau adalah terhad kepada aduan tentang salah laku yang bukan bersifat jenayah. Fungsi jawatankuasa aduan dalam perenggan (b) seksyen 15(1) tidak ubah seperti membuat syor kepada SPRM sebagaimana yang difikirkannya sesuai. Sama ada syor itu diterima atau ditolak adalah mengikut budi bicara SPRM.

[305] Kami mengambil maklum dengan sewajarnya bahawa jawatankuasa aduan tersebut bukanlah jawatankuasa aduan semata-mata tetapi suatu jawatankuasa yang perlu terus diberitahu tentang kemajuan berhubung dengan penyiasatan aduan salah laku yang bukan bersifat jenayah yang dibuat terhadap pegawai SPRM.

[306] Kami diberitahu oleh penyiasat bahawa SPRM mempunyai suatu unit yang dinamakan bahagian pengurusan dan profesionalisme [“BPP”] yang menyelia penyiasatan aduan bukan bersifat jenayah terhadap pegawai SPRM. Fungsi BPP [nama ditukar kepada bahagian kecemerlangan dan profesionalisme] adalah untuk menjalankan siasatan aduan tentang salah laku yang bukan bersifat jenayah terhadap pegawai dan kakitangan SPRM. Dalam kes atau aduan tertentu tentang kelakuan jenayah, BPP perlu berurus dengan polis terutamanya dalam mengesahkan hasil siasatan mereka. Kami telah dimaklumkan bahawa BPP menjalankan pemeriksaan dan audit rawak tahunan dan mengadakan seminar untuk menyemai profesionalisme dan integriti.

[307] BPP mempunyai rangkaian laporan pendek berciri seperti unit hal ehwal dalaman yang melaporkan secara langsung kepada timbalan ketua pesuruhjaya dan ketua pesuruhjaya SPRM. BPP juga melaporkan beberapa perkara kepada jawatankuasa aduan SPRM, menjalankan siasatan atas arahan badan tersebut, dan bertindak sebagai urus setia bagi jawatankuasa aduan.

[308] Kami juga dimaklumkan bahawa BPP menyatakan yang menjadi tanggungjawabnya “untuk memberitahu pengadu mengenai penerimaan aduannya dalam masa dua puluh empat jam setelah menerima aduan [bagi pengadu dalam talian dan sekiranya terdapat maklumat pengadu], untuk mengambil tindakan atau menjalankan siasatan dalam masa dua bulan selepas fail siasatan dibuka, untuk memaklumkan hasil siasatan kepada pengadu dalam masa lima hari bekerja selepas siasatan diselesaikan”. Selanjutnya, sebagai urus setia jawatankuasa aduan, BPP mengatur pendengaran jawatankuasa mengenai perkara yang baginya jawatankuasa mempunyai kepentingan. Anggota masyarakat

boleh membuat aduan melalui surat, telefon atau secara dalam talian. Aduan tanpa nama diterima tetapi tidak jelas sama ada komen yang mengkritik yang dibuat dalam media tentang tuduhan terhadap pegawai individu SPRM atau pejabat SPRM dianggap sebagai aduan.

[309] BPP juga menyatakan bahawa sebahagian daripada terma rujukannya adalah “untuk menjalankan siasatan ke atas kesalahan bukan jenayah dan untuk membuat syor mengenai kelemahan dalam tatacara kerja” sementara polis pula bertanggungjawab untuk menyiasat kesalahan jenayah. Dinyatakan bahawa walaupun polis menjalankan siasatan, BPP masih mengambil tindakan dalaman yang perlu “untuk mengekang masalah atau mengawal keadaan”. Walau bagaimanapun, ketua BPP mengaku bahawa tiada sistem diwujudkan, walaupun pada masa ini, untuk memastikan yang aduan tentang kegiatan jenayah yang dibuat kepada polis dirujuk kepada BPP, dengan menyatakan yang kesalahan itu tidak terletak pada BPP kerana “tiada orang yang memberitahu kami”. Perkara ini juga disahkan melalui keterangan di hadapan kami semasa perjalanan siasatan.

[310] Kami mengesyorkan agar terma rujukan bagi BPP diperluas supaya merangkumi perkara-perkara berikut:

- (a) Bertanggungjawab untuk memastikan penyelaras SOP.
- (b) Pemeriksaan rawak ke atas pejabat dan tatacara secara yang lebih proaktif daripada pemeriksaan tahunan yang dijalankan pada masa ini, dengan memberikan perhatian khusus kepada semua perkara yang berkaitan dengan operasi seperti catatan diari harian, diari siasatan, bilik temu bual dan semua perkara yang berkaitan dengan penyiasatan dan temu bual saksi dan orang yang disyaki. Apa-apa kelemahan dalam mana-mana hal ini akan menyebabkan prosiding tatatertib diadakan bukan sahaja terhadap pegawai yang berkaitan tetapi juga terhadap penyelia terdekat.

- (c) Sebagaimana dan apabila SPRM memperoleh sistem komputer yang sesuai, BPP boleh menjalankan kajian ringkas mengenai penggunaan dan akses kepada komputer. Bagi jangka masa pendek dan akibat daripada pelanggaran yang dikenal pasti semasa siasatan, kami mencadangkan supaya diadakan suatu kajian dan pemeriksaan segera mengenai semua komputer yang digunakan di SPRM untuk memastikan yang komputer itu digunakan dengan sewajarnya.
- (d) Memberikan masyarakat akses yang lebih kepada tatacara aduan dengan mempamerkannya di setiap lobi pejabat SPRM.
- (e) BPP hendaklah melaporkan secara langsung kepada timbalan ketua pesuruhjaya yang mempunyai tanggungjawab sepenuhnya bagi disiplin dan hukuman.
- (f) Peranan jawatankuasa aduan perlu diperluas memandangkan keadaan media dan spekulasi orang ramai pada masa ini menyebabkan tidak mungkin penyiasatan sendiri dan tindakan aduan oleh SPRM boleh diterima.
- (g) Pelaporan yang telus tentang semua siasatan oleh BPP kepada jawatankuasa aduan dalam laporan aktiviti bulanan yang memerlukan timbalan ketua pesuruhjaya menjelaskan apa-apa kelengahan secara bertulis.
- (h) Jawatankuasa aduan hendaklah mengesahkan apa-apa dapatan dan hukuman.
- (i) Mana-mana pegawai di bawah siasatan polis hendaklah melaporkan dirinya kepada BPP dan kegagalan untuk berbuat demikian merupakan suatu pelanggaran disiplin.

- (j) Mana-mana pegawai penyelia hendaklah melaporkan fakta penyiasatan polis yang melibatkan mana-mana pegawai di bawah tanggungjawabnya kepada BPP dan kegagalan untuk berbuat demikian merupakan suatu pelanggaran disiplin.
- (k) BPP adalah bertanggungjawab untuk membuat keputusan tentang pengendalian sementara seseorang pegawai [penggantungan kerja, larangan berhubung dengan orang ramai dsb] semasa siasatan polis, tertakluk kepada pengesahan oleh jawatankuasa aduan.
- (l) Penyusunan semula ikrar prestasi dan penyataan misi bagi mencerminkan perkhidmatan awam.

[311] Kami menjangkakan yang tatacara ini boleh menyebabkan lebih banyak aduan yang remeh atau berniat jahat dibuat tetapi telah diberitahu bahawa tatacara ini merupakan amalan baik yang diguna pakai oleh semua LEA kelas pertama di seluruh dunia. Tindakan undang-undang jenayah atau sivil boleh diambil terhadap orang yang membuat aduan yang berniat jahat atau yang remeh jika terdapat bukti yang mencukupi. Dengan keadaan media dan spekulasi orang ramai pada masa ini, tidak mungkin penyiasatan sendiri dan tindakan aduan oleh SPRM boleh diterima dan oleh yang demikian kami mencadangkan supaya peranan jawatankuasa aduan diperluas.

[312] Secara keseluruhan, kami mencadangkan supaya, tentunya dalam jangka masa pendek, BPP mematuhi strategi yang teguh dan proaktif agar organisasi dapat didisiplinkan dengan cepat. Kami juga mencadangkan supaya dimasukkan ungkapan “disiplin dan pemeriksaan” dalam nama BPP agar tidak berlaku salah faham tentang peranan yang dihasratkannya. Mengenai bahagian lain yang disiasat, kami mencadangkan supaya semakan semula mengenai syor tertentu boleh dibuat oleh BPP adalah perlu. Apa-apa perubahan yang dikenal pasti barangkali boleh dibuat dalam SOP sedia ada. Walau bagaimanapun, sekiranya perlu, pindaan boleh dibuat kepada Akta SPRM.

Latihan oleh APRM

[313] Semasa perjalanan siasatan, penyiasat diarahkan untuk memperoleh maklumat daripada Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia [“APRM”] bagi mendapatkan pemahaman tentang program latihan pada masa ini yang masih dijalankan di APRM. Kami difahamkan bahawa APRM terlibat dalam melatih pegawai LEA lain mengikut asas antarabangsa. Walau bagaimanapun, melihatkan kelemahan pegawai SPRM yang ketara daripada kandungan laporan ini, kami berpendapat bahawa APRM hendaklah disusun semula melalui kajian yang mendalam tentang kemudahannya dan kandungan kursus latihan yang disediakannya.

[314] Daripada keterangan di hadapan kami, didapati juga bahawa APRM menjalankan usahanya dalam bidang latihan di peringkat antarabangsa dengan merancang beberapa kursus latihan di peringkat antarabangsa. Sementara usaha ini harus dipuji, pada masa yang sama APRM tidak boleh mengabaikan keperluan pegawainya sendiri.

[315] Dengan mengambil kira perkara yang tersebut di atas, kami berpandangan adalah sesuai untuk membuat syor yang berikut:

- (a) Perlu diadakan suatu semakan yang menyeluruh mengenai kemudahan dan latihan yang disediakan oleh APRM. Pelatih bagi setiap kursus hendaklah dalam jumlah yang mudah diurus supaya mereka memperoleh manfaat yang maksimum, dan tidak terlalu ramai sebagaimana yang didapati menjadi amalan pada masa ini.
- (b) Bahawa semakan perlu mengambil kira keperluan bagi pengisian mengenai budaya, etika dan hal profesional melalui ceramah yang disampaikan oleh penceramah yang dapat memberikan inspirasi dan bertaraf antarabangsa daripada pelbagai latar belakang.

- (c) Semua latihan hendaklah mengandungi faktor-faktor yang menekankan integriti dan kesedaran mengenai budaya, dan cara menguruskan ego, kemarahan dan tekanan, dan cara menilai harga diri.
- (d) Latihan perlu ditumpukan kepada pengambilan baru dan pegawai yang terlibat sebagai pegawai penyiasat dan/atau kakitangan yang menjalankan kerja-kerja operasi.
- (e) Pegawai penyiasat dan kakitangan yang menjalankan kerja-kerja operasi hendaklah menghadiri sekurang-kurangnya satu kursus latihan dalam setahun untuk mengekalkan standard.
- (f) Perlu diadakan kursus pembangunan profesional berterusan [“CPD”] bagi pegawai untuk meningkatkan standard prestasi mereka.

Standard temu bual

[316] Semasa perjalanan siasatan ini, terdapat perbincangan mengenai standard temu bual yang diamalkan di pejabat SPRM Selangor berhubung dengan kes ini dan kes lain yang mana laporan polis telah dibuat terhadap pegawai SPRM Selangor yang tertentu. Berdasarkan beberapa keadaan mengenai aduan daripada orang yang ditemu bual dan cara yang sama dilaporkan, nampaknya terdapat sedikit keraguan yang teknik temu bual daripada “keras” kepada “ganas” merupakan perkara biasa. Pegawai sendiri mengatakan yang mereka telah menggunakan “psikologi” semasa temu bual dan oleh itu tidak mungkin temu bual itu menyebabkan kecederaan fizikal dan besar kemungkinan bahawa temu bual yang menyebabkan kecederaan fizikal dan aduan-aduan merupakan perkara yang paling ketara dan bahawa banyak temu bual yang dijalankan mungkin bersifat menindas. Teknik tersebut nampaknya mendapat kebenaran yang tersirat daripada pegawai kanan di SPRM Selangor.

Model PEACE

[317] Teknik tersebut bukan sahaja melanggar amalan yang sah di sisi undang-undang tetapi juga dilihat sebagai tidak berkesan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang antarabangsa, contohnya LEA. Sebahagian besar daripada LEA antarabangsa menggunakan teknik temu bual secara memujuk berkenaan dengan kedua-dua saksi dan orang yang disyaki. Khususnya, kami telah dimaklumkan bahawa perkhidmatan polis British mengkodifikasi amalan ini menjadi model temu bual PEACE, dan model ini digunakan oleh semua pasukan polis British dan oleh semua LEA British yang lain, daripada kastam dan eksais [berkaitan dengan kelakuan jenayah yang serupa dengan peranan untuk mengawasi] hingga kepada agensi yang bertanggungjawab bagi standard makanan. Model ini juga telah berjaya diperkenalkan kepada pelbagai LEA dan badan separa-LEA di seluruh dunia termasuklah ICAC di Hong Kong.

[318] Model temu bual PEACE merupakan suatu kaedah temu bual yang bukan bersifat paksaan berdasarkan persediaan, pelaksanaan, pengesahan, penutupan dan penilaian. Struktur yang diwujudkan dalam kursus temu bual semasa penyiasatan bagi warga polis di UK adalah seperti yang berikut:

- P Planning and Preparation**
- E Engage and Explain**
- A Account [clarify and challenge]**
- C Closure**
- E Evaluation**

[319] Kami menganggap bahawa pendekatan PEACE adalah amat profesional dan diberitahu bahawa pendekatan tersebut telah terbukti berkesan dalam memperoleh maklumat dan risikan yang berguna daripada saksi sementara mengekalkan komitmen mereka untuk membantu LEA, dan pada masa yang sama, menjadi kaedah yang meyakinkan orang

yang disyaki untuk memberikan maklumat mengenai penglibatan dirinya sendiri, dan rakan sejenayah, tanpa aduan daripada orang yang mengiringi dan tiada kemungkinan yang bukti tersebut akan diketepikan.

[320] Kami telah dimaklumkan bahawa model PEACE dibangunkan oleh seorang ahli akademik yang dapat mengkaji teknik temu bual polis British disebabkan penggunaan rakaman audio dan video semasa temu bual. Dalam kajiannya, yang dijalankan selama beberapa tahun, beliau membuat kesimpulan bahawa “kelemahan utama yang dikenal pasti ialah kurangnya persediaan, ketidakcekapan umum, teknik yang lemah, anggapan seseorang itu bersalah, pengulangan yang tidak wajar, soalan yang tidak henti-henti dan sukar, kegagalan untuk memperoleh fakta relevan dan terlalu banyak tekanan dikenakan”. [Kebanyakan, jika tidak semua, faktor ini boleh dikaitkan dengan pegawai SPRM yang terlibat dalam penyiasatan TBH, kalaupun tuduhan melakukan kekerasan tidak diambil kira]. Model PEACE berkembang sebagai suatu usaha untuk mengkodifikasi teknik temu bual yang baik dan berjaya yang diperhatikannya dan juga suatu penolakan amalan buruk yang dikenal pasti.

[321] Kami telah diberitahu selanjutnya bahawa model PEACE merupakan pakej latihan standard bagi penyiasat di UK pada masa ini dan tanpa latihan tersebut [dan kursus ulang kaji] penyiasat tidak dibenarkan untuk menjalankan temu bual. Polisi yang sama telah diguna pakai di tempat lain di dunia. Kami mencadangkan agar Malaysia mengikut polisi berkenaan.

[322] Daripada bukti yang dikemukakan dalam siasatan, kami mendapati suatu statistik aduan yang janggal terhadap pegawai SPRM Selangor mengenai tuduhan melakukan serangan secara fizikal [dua puluh daripada lima puluh sembilan laporan bagi seluruh SPRM dalam negara dalam tempoh lima tahun]. Ini menunjukkan bahawa pegawai SPRM dalam negara secara keseluruhan umumnya tidak mengamalkan teknik temu bual secara kasar. Walau bagaimanapun, tidak dapat dikatakan bahawa SPRM tidak mempunyai kelemahan yang sama dalam teknik temu bual

yang dikenal pasti di UK kerana kelemahan tersebut secara umumnya terdapat dalam negara yang mempunyai LEA yang belum mempunyai PEACE atau latihan yang serupa.

Kemudahan bagi temu bual

[323] Bilik temu bual di pejabat SPRM Selangor adalah tidak sesuai langsung untuk tujuan temu bual. Ini adalah kerana kurangnya perkakas yang sesuai [dan beberapa perkakas yang ada membolehkan teknik temu bual secara menindas digunakan]; terdapat isu-isu kesihatan dan keselamatan berkenaan pejabat-pejabat itu; terdapat isu keselamatan; terdapat kekurangan yang total tentang psikologi temu bual yang baik.

[324] Kami telah dimaklumkan bahawa di UK dan di wilayah lain [seperti ICAC di Hong Kong], terdapat penggunaan rakaman audio dan video semasa temu bual. Rakaman sedemikian boleh diakses oleh kedua-dua pihak pembela dan mahkamah dan orang ramai jika defendan menyiarkan rakaman tersebut kepada media. Tanpa latihan yang sepatutnya bagi pegawai SPRM, kelemahan yang dikenal pasti di atas menjadi amat ketara dan menyebabkan kekalahan kes, memalukan agensi, merosakkan kerjaya pegawai dan mengundang tindakan sivil.

[325] Kami difahamkan bahawa SPRM akan memulakan program mengadakan bilik-bilik temu bual yang dilengkapi video di semua pejabatnya. Semua pegawai SPRM perlu benar-benar mengetahui tentang penggunaan peralatan yang dipasang bagi maksud ini, dan yang lebih penting, dapat menjalankan temu bual melalui cara ini. Latihan perlu diadakan sebelum temu bual melalui rakaman video dijalankan. Jika tidak, SPRM berisiko untuk tidak dipercayai disebabkan kebocoran temu bual yang buruk [sama ada mereka menjadi terlalu takut dan gagal atau terlalu agresif dan kalah]. Kami telah diberitahu bahawa ICAC di Hong Kong telah menggunakan peralatan ini selama lebih daripada lima belas tahun dan melaporkan bahawa lebih daripada 95% temu bual diterima atau tidak dicabar oleh mahkamah. Selebihnya kalah disebabkan

perkara teknikal tanpa aduan yang buruk. Walau bagaimanapun, temu bual tersebut dijalankan melalui video oleh pegawai yang dilatih dalam teknik temu bual.

Syor

[326] Berdasarkan perkara yang tersebut di atas, kami mengesyorkan:

- (a) bahawa SPRM memulakan suatu program intensif mengenai kursus penambahbaikan temu bual;
- (b) bahawa model PEACE diguna pakai di seluruh SPRM;
- (c) bahawa hanya pegawai yang berjaya menamatkan kursus sedemikian boleh menjalankan temu bual;
- (d) bahawa penggunaan bilik temu bual yang dilengkapi video hendaklah ditangguhkan sehingga pegawai yang menggunakananya dilatih dengan secukupnya;
- (e) bahawa SOP SPRM berkenaan dengan temu bual hendaklah ditambah baik;
- (f) bahawa pejabat SPRM hendaklah dilengkapi bilik temu bual yang sepatutnya.

Status orang yang diundang

[327] Semasa perjalanan siasatan, terdapat bukti berlakunya kekeliruan mengenai status pelbagai orang “yang diundang” ke SPRM untuk ditemu bual, sama ada sebagai orang yang disyaki ataupun saksi. Keterangan di hadapan kami dan cerita yang kebenarannya diragui menunjukkan bahawa saksi akan dibiarkan menunggu dalam jangka masa yang agak lama; tiada SOP berkenaan dengan layanan mereka; terdapat kekeliruan tentang status mereka sebagai rakan sejenayah atau pekomplot bersama. Keterangan di hadapan kami menunjukkan bahawa tidak ada proses

untuk merekod masa yang diluangkan di premis SPRM oleh mana-mana orang selain yang ditahan. Pergerakan orang yang ditahan dsb dikawal selia oleh undang-undang.

[328] Dicadangkan bahawa SPRM mengguna pakai suatu tatacara standard bagi pengurusan saksi dan orang yang disyaki yang diundang untuk ditemu bual dan proses ini hendaklah direkod sepenuhnya dalam buku kecil yang dikhurasukan bagi maksud tersebut yang disimpan dan boleh diakses untuk diperiksa. Suatu buku berkulit lembut dengan muka surat bernombor yang dikepilkhan boleh digunakan untuk menghindar daripada diganggu. Catatan dalam buku itu hendaklah dinomborkan dan dicatatkan masanya secara berturut-turut. Butir-butir penuh orang yang ditemu bual hendaklah dicatatkan pada muka surat pertama buku berserta suatu akuan yang ditandatangani oleh orang itu bahawa beliau hadir di SPRM secara sukarela untuk ditemu bual atau memberikan kenyataan.

[329] Orang yang dikehendaki untuk memberikan kenyataan hendaklah diisyiharkan sebagai saksi atau orang yang disyaki, dan status itu hendaklah direkod. Orang yang disyaki hendaklah diberikan amaran dan diberitahu tentang hak mereka dan perkara itu hendaklah direkod.

[330] Terdapat kemungkinan bahawa orang itu diundang untuk hadir bagi ditemu bual sebagai saksi dan bahawa, semasa temu bual dijalankan, setelah dokumen diperiksa, bukti yang boleh diakses dipertimbangkan, pegawai penyiasat berpandangan bahawa orang itu sebenarnya rakan sejenayah atau pekomplot bersama dan dengan itu menjadi orang yang disyaki. Pada masa itu, pegawai penyiasat hendaklah memberikan amaran kepada orang itu dan memberitahunya tentang haknya dan merekod semua perkara tersebut. Orang itu hendaklah dipanggil untuk menandatangani rekod berkenaan.

[331] Status seseorang sebagai saksi atau orang yang disyaki tidak boleh bergantung kepada penilaian oleh pegawai penyiasat tentang sama ada orang itu akan didakwa atas apa-apa kesalahan atau diperlukan

sebagai saksi oleh pihak pendakwaan dalam prosiding yang kemudian. Pegawai penyiasat tidak mempunyai kuasa untuk membuat penilaian sedemikian. Mana-mana orang yang terbabit dalam perlakuan jenayah sebagai rakan sejenayah atau pekomplot bersama merupakan orang yang disyaki dan hendaklah dilayan sedemikian. Apa-apa keputusan sama ada diberikan kekebalan kemudian daripada pihak pendakwaan atau diperlukan sebagai saksi merupakan perkara yang hendaklah diputuskan oleh pendakwa raya.

[332] Pengawal di pintu atau pintu masuk keselamatan pejabat SPRM hendaklah merekod ketibaan dan kepulangan orang yang diundang.

[333] Kebimbangan telah disuarakan tentang masa yang diluangkan oleh orang yang diundang di premis SPRM dan saksi yang dibiarkan menunggu bagi jangka masa yang lama untuk memberikan kenyataan biasa. Oleh itu, dicadangkan supaya had masa permulaan selama, barangkali empat jam dikenakan ke atas orang yang diundang untuk berada di premis tersebut. Had masa itu tidak mengubah hakikat bahawa seseorang yang hadir secara sukarela adalah bebas untuk meninggalkan premis pada bila-bila masa tetapi lebih kepada keperluan pentadbiran yang perlu dipatuhi oleh pegawai SPRM.

[334] Selepas tempoh permulaan ini, orang yang diundang hendaklah diminta untuk menunjukkan, melalui tandatangannya, bahawa mereka tiada aduan dan tiada bantahan untuk terus berada di SPRM bagi maksud merekod pernyataan/temu bual. Selanjutnya, seorang pegawai yang lebih kanan daripada penemu bual hendaklah berpuas hati bahawa penerusan itu mempunyai justifikasi dan menurunkan tandatangannya pada rekod. Justifikasi termasuk diminta untuk memberikan pernyataan yang panjang, dihalang daripada berunding dengan peguam, dihalang daripada merujuk dokumen dan yang seumpamanya. Proses ini hendaklah diulang tiap-tiap dua jam selepas itu sehingga dua belas jam lalu selepas itu orang yang diundang hendaklah dilepaskan atau ditangkap.

[335] Penggunaan tatacara sedemikian boleh diadakan dengan menyiaran suatu SOP yang dipinda dan dengan mengadakan dokumen

yang berkaitan berserta arahan kepada pegawai dalam latihan dan di tempat kerja. Sekiranya kaedah ini difikirkan tidak sesuai, mengadakan tatacara tersebut melalui perundangan hendaklah dipertimbangkan.

[336] Kami berpendapat bahawa kematian TBH tidak boleh menjadi suatu perkara yang sia-sia dan segala usaha hendaklah dibuat untuk menambah baik fungsi SPRM dan pentadbiran keadilan jenayah dalam negara hasil daripada siasatan kami ke atas cara SPRM beroperasi. Keterangan yang dikemukakan menunjukkan bahawa pegawai SPRM sanggup melakukan apa saja untuk menipu. Satu contoh yang amat ketara ialah HH, seorang pegawai kanan, yang bertanggungjawab sepenuhnya pada petang 15^{hb} yang malang itu yang mencecah ke awal pagi 16^{hb}. Dalam keterangan di hadapan kami, beliau tetap berkeras dengan pendiriannya bahawa beliau langsung tidak mengetahui apa-apa aduan tentang serangan dan penggunaan kekerasan yang dibuat kepada pihak polis terhadap pegawai yang berada di bawah tanggungjawabnya. Walau bagaimanapun, penipuannya didedahkan melalui penjelasan yang mengejutkan apabila DSP Kamaruddin Ismail daripada pasukan polis Selangor mengemukakan suatu surat yang ditulis oleh HH sendiri pada tahun 2008 yang menjawab pertanyaan polis berhubung dengan aduan mengenai serangan dan penyalahgunaan kuasa yang berkaitan yang telah dibuat terhadap pegawai SPRM di bawah seliaannya.

[337] Bahawa HH dan yang lain di bawah seliaannya berbohong dalam siasatan ini sesungguhnya telah terbukti melalui keterangan Azeem dan Azian, dua pegawai SPRM yang cukup berani memberikan keterangan bahawa cubaan dibuat untuk menyuruh mereka supaya berkata yang HH tidak terlibat secara langsung dalam operasi berkenaan dan bahawa Hairul Ilham yang bertanggungjawab.

[338] Peguam bagi SPRM menyatakan bahawa HH tidak mendapat apa-apa dengan menjauhkan dirinya daripada operasi dan kejadian yang berlaku di pejabat SPRM Selangor dari malam 15^{hb} hingga pagi 16^{hb}. Kami tidak dapat menerima pendapat ini semudah itu kerana seorang individu telah dijumpai mati semasa berada dalam tahanan dan jagaan SPRM Selangor.

[339] HH bukan sahaja merupakan pegawai paling kanan yang bertanggungjawab sepenuhnya bagi operasi tersebut tetapi, sebagaimana yang dinyatakan terdahulu dalam laporan ini, kami percaya yang beliau terlibat secara aktif dalam soal siasat TBH. Beliau bukan sahaja terlibat tetapi juga membiarkan pegawainya melaksanakan arahannya bagi mendapatkan hasil pada malam dan pagi itu walau apa pun halangannya. Jelasnya, beliau bertanggungjawab bagi perkara yang berlaku di SPRM Selangor semasa tempoh yang dipersoalkan itu dan berdasarkan fakta ini penghujahan peguam bagi SPRM adalah meleset sama sekali.

Kerjasama dengan pihak berkuasa lain

[340] Semasa perjalanan siasatan, kami amat hairan melihat tiada kerjasama langsung yang ditunjukkan oleh SPRM Selangor kepada pihak polis dalam usaha pihak polis untuk menyiasat aduan terhadap pegawai SPRM mengenai serangan dan kesalahan lain. Sesungguhnya, respons yang angkuh ditunjukkan oleh pegawai SPRM Selangor yang enggan hadir apabila diminta untuk berada di sesi kawad cam yang hendak dijalankan oleh pihak polis. Mereka juga sungguh berani meminta pihak polis berjumpa mereka di pejabat SPRM Selangor untuk mengambil pernyataan mereka. Pihak polis kesal kerana pegawai SPRM Selangor tidak memberikan kerjasama langsung yang mana perkara ini boleh dianggap sebagai halangan memandangkan mereka enggan ditemu bual sebagai saksi, tidak menjawab surat daripada pihak polis yang ditulis menurut KTJ dan tidak memberikan akses kepada dokumen.

[341] Di peringkat antarabangsa, LEA mengambil serius tentang aduan terhadap pegawai mereka yang terlibat dengan kegiatan jenayah dan bersusah payah untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa yang menjalankan penyiasatan. Di UK, keadaan ini diperuntukkan dalam undang-undang, sebagai contoh, penubuhan suruhanjaya aduan polis yang bebas, sementara di Hong Kong, kami dimaklumkan bahawa ICAC dan pasukan polis Hong Kong mempunyai persetujuan sejak dahulu lagi mengenai perkara berkenaan. Di kedua-dua negara ini, penyiasatan aduan dimulakan dengan serta-merta dan kerjasama diberikan sepenuhnya dan tanpa bantahan.

[342] Kami dengan ini mencadangkan supaya perintah tetap SPRM memasukkan suatu peruntukan yang mana pegawai yang bertanggungjawab di SPRM hendaklah diarahkan untuk memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam proses penyiasatan polis dan LEA yang lain. Bagi maksud ini, semua perhubungan daripada pihak berkuasa berkenaan hendaklah dijawab serta-merta dan maklum balas hendaklah diberikan mengikut keutamaan. Kami mencadangkan supaya had masa bagi perkara ini ditetapkan dan supaya maklum balas diberikan dalam masa empat puluh lapan jam dan tidak lewat daripada satu minggu, jika tidak, tindakan disiplin akan diambil atas kegagalan mematuhinya. Pegawai SPRM yang diminta untuk menghadiri temu bual sebagai saksi hendaklah menyebabkan diri mereka ada untuk ditemu bual dalam masa, contohnya empat puluh lapan jam, dengan kelewatan hanya dibenarkan jika boleh dijustifikasikan oleh hal keadaan peribadi pada pandangan LEA yang berkaitan. Pegawai SPRM yang diminta untuk menghadiri temu bual sebagai orang yang disyaki hendaklah menyebabkan diri mereka ada untuk ditemu bual sebagaimana yang dikehendaki dalam hal ditemu bual sebagai saksi, tertakluk kepada hak mereka untuk mendapat khidmat peguam dan untuk berdiam diri dalam melaksanakan hak mereka daripada menyalahkan diri sendiri [*self-incrimination*]. Akses kepada dokumen yang penting, seperti buku log pelawat, diari siasatan dan diari peribadi hendaklah diberikan tertakluk kepada dakwaan bahawa dokumen berkenaan mempunyai hak istimewa yang hendaklah dijustifikasikan oleh pendakwa raya.

Siasatan berhubung dengan rakan sejenayah

[343] SPRM adalah bertanggungjawab bagi penyiasatan semua kesalahan rasuah. Skop tanggungjawab yang utama boleh dibahagikan kepada LEA/jabatan kerajaan, kerajaan/politik, dan sektor swasta. SPRM [dan badan pencegahan rasuah lain di dunia] sering mengatakan bahawa mereka berurusan dengan skop aktiviti manusia yang amat sukar untuk disiasat kerana perhubungan rasuah bersifat “*satisfied-customer*”. Mereka mendakwa bahawa perkara ini membuatkan skop tanggungjawab mereka unik dan untuk mencapai kejayaan, mereka memerlukan perundangan

yang “draconian” dan peraturan biasa yang fleksibel yang membolehkan mereka untuk memaksa mereka menyalahkan diri sendiri melalui pelbagai cara. Walaupun benar bahawa transaksi rasuah adalah bersifat rahsia [“perbuatan rahsia”], perkara ini juga berlaku dalam kegiatan jenayah lain seperti pengubahan wang haram dan fraud/jenayah kolar putih seperti perdagangan orang dalam [*insider trading*].

[344] Di SPRM Selangor, terdapat keperluan bahawa, disebabkan jenayah berkenaan bersifat rahsia dan mempunyai unsur kesepakatan, adalah perlu, berbanding dengan jenayah lain, untuk memperoleh keterangan lisan daripada “saksi” kepada tindakan tersebut yang sebenarnya merupakan rakan sejenayah. Walaupun Akta SPRM menyatakan bahawa rakan sejenayah tidak memerlukan keterangan yang menyokong semata-mata kerana mereka merupakan rakan sejenayah, adalah jelas bahawa pendakwaan yang hanya bergantung kepada keterangan rakan sejenayah sememangnya berbahaya memandangkan rakan sejenayah yang berpaling tadah boleh berpaling tadah semula.

[345] Daripada laporan, kami mengambil maklum bahawa perkara ini sememangnya kerap berlaku dalam kes-kes terkini yang dikendalikan oleh SPRM dan pada hakikatnya tidakpun membantu dengan adanya keterangan di hadapan Suruhanjaya ini menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan untuk mendapatkan “kerjasama” daripada rakan sejenayah sedemikian bukanlah kaedah yang terbaik. Selanjutnya, didapati bahawa apabila seseorang menjadi rakan sejenayah, SPRM tidak menjalankan apa-apa usaha untuk mengikat mereka kepada pendakwaan tetapi lebih bergantung kepada ugutan untuk mendakwa sekiranya mereka menarik balik pernyataan mereka.

Kaedah alternatif bagi mendapatkan bukti

[346] Pada peringkat ini, kami berpendapat adalah wajar untuk membincangkan kaedah lain bagi mendapatkan bukti.

Pemeriksaan dokumen

[347] Walaupun keterangan menyokong yang ketara terhadap keterangan rakan sejenayah adalah berdasarkan dokumen, didapati tiada amalan untuk memeriksa dan menganalisis semua dokumen dalam sesuatu kes dan bergantung kepada faktor kecil tentang adanya hubung kait yang mengikut keadaan untuk membuktikan kes. Sebaliknya, SPRM seperti mahu mencari dokumen yang palsu secara terang-terangan. Selalunya, pemalsuan dokumen dalam kes rasuah merupakan suatu hal yang halus. Kami menyarankan agar SPRM merekrut atau melatih pegawai yang lebih berpengetahuan dalam audit dan perakaunan dan yang mempunyai pengalaman sebenar dalam bidang berkenaan, contohnya, perakaunan forensik [daripada mempunyai kelayakan akademik semata-mata].

Pengambilan profesional

[348] Kami dimaklumkan bahawa ICAC di Hong Kong membuat pengambilan sedemikian dengan mencari dua akauntan forensik yang berpengalaman daripada sebuah syarikat besar dan melantik mereka untuk mengetuai suatu unit pegawai muda yang mempunyai kelayakan akademik dalam bidang perakaunan tetapi tidak mempunyai pengalaman sebenar. Pada tahun yang berikutnya, kes-kes yang berkaitan dengan perakaunan telah dirujuk kepada unit tersebut yang memberikan bantuan dan memperoleh pengalaman pada masa yang sama. Rekrut yang mempunyai kelayakan dalam bidang perakaunan akan ditukar-tukar mengikut giliran untuk memperoleh pengalaman dan kemudian bertugas di bahagian tugas-tugas awam.

Semakan ke atas proses yang disalahgunakan

[349] Dalam banyak keadaan, pandangan orang ramai terhadap kegiatan rasuah yang dilakukan oleh individu boleh membawa kepada penyiasatan. Walau bagaimanapun, kemungkinan kegiatan yang dikenal pasti itu merupakan kegiatan yang separa-sah, walaupun salah dari segi etika/moral. Daripada menyiasat kegiatan sedemikian berulang kali dan

berhadapan dengan masalah yang sama iaitu dari segi undang-undang yang tidak boleh menyebabkan pendakwaan [dan membawa kepada rasa tidak puas hati di kalangan orang ramai], SPRM hendaklah menjalankan suatu semakan terhadap proses yang disalahgunakan dan memberikan alasan yang sebaik-baiknya supaya pindaan undang-undang dibuat bagi membolehkan penggubal undang-undang mengambil tindakan yang sewajarnya.

Kaedah bersepadu

[350] Salah satu daripada peranan utama seorang pegawai penyelia dalam penyiasatan yang canggih adalah untuk menguruskan pelbagai peranan dan memastikan bahawa bukti yang lengkap boleh diakses oleh pendakwa tanpa bertolak ansur apabila melibatkan keselamatan dan identiti dan teknik kader dalam mengumpul risikan. Walau bagaimanapun, adalah penting yang semua teknik tersebut digunakan dengan sebanyak yang mungkin dan digunakan bersama antara satu sama lain dan bukan secara berasingan.

Syor bagi perubahan sikap pegawai SPRM

[351] Adalah jelas daripada keterangan yang dikemukakan kepada SSD bahawa terdapat kelemahan yang serius dalam sikap pegawai SPRM Selangor. Ini termasuk:

- (a) keganasan semasa temu bual;
- (b) cara menemu bual yang lemah;
- (c) cara melapor yang lemah;
- (d) angkuh;
- (e) perhubungan yang lemah dengan orang ramai dan agensi lain;
- (f) penggunaan dan pemahaman yang tidak mencukupi berkenaan dengan teknologi moden;

- (g) masalah dalam interaksi antara pengumpulan risikan dengan pengumpulan bukti;
- (h) tidak berdisiplin.

[352] Berkemungkinan bahawa SPRM Selangor merupakan satu-satunya contoh buruk dalam keseluruhan sistem SPRM. Walau bagaimanapun, perkara ini bukanlah hakikat yang sebenar dan besar kemungkinan kelemahan yang dikenal pasti di Selangor perlu diatasi dalam keseluruhan SPRM, secara lebih ataupun kurang. Latihan, kaunseling dan mengadakan SOP dan disiplin yang ketat boleh diadakan sebagai penyelesaian jangka pendek kepada pegawai muda. Walau bagaimanapun, jika organisasi hendak mengubah sikapnya, perubahan itu perlu berlaku di semua peringkat dan, yang paling utama, dalam pengurusan peringkat pertengahan.

[353] Lazimnya, orang pertengahan umur, lelaki, pengurus peringkat pertengahan dalam organisasi yang telah lama ditubuhkan dan yang berfikiran kolot kebanyakannya yang menolak untuk berubah. Mereka seringkali menunjukkan semua gejala penolakan yang lazim: marah, menyalahkan orang dan yang seumpamanya apabila berhadapan dengan keperluan bagi perubahan sistemik.

[354] Perlu diambil maklum bahawa saksi yang paling tidak berubah di hadapan SSD ialah HH kerana pegawai yang berpangkat lebih rendah pun menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk mengadakan latihan yang lebih baik dan mempamerkan rasa malu dan menyesal.

[355] Walaupun perubahan segera boleh dijalankan dalam jangkamasa yang pendek, perubahan sebenar kepada sesuatu organisasi seperti SPRM hendaklah datang dari dalam supaya ia benar-benar berkesan. Perubahan yang dibuat pastinya akan ditolak, ditentang dan digagalkan. Pihak yang sukar hendak berubah ialah pengurusan peringkat pertengahan yang sama ada perlu diyakinkan untuk membantu dalam proses perubahan atau diminta untuk berhenti.

[356] Kegagalan dalam SPRM Selangor yang telah dikenal pasti sebahagian besarnya terletak dalam bahagian operasi, ditambah dengan latihan yang tidak mencukupi. Pegawai SPRM yang terlibat dalam operasi sebagai suatu badan penguatkuasaan mempunyai hubungan dengan orang ramai secara harian dan adalah penting bagi pegawai tersebut memperoleh rasa hormat dan kerjasama daripada orang ramai demi kejayaan SPRM secara menyeluruh.

[357] Di SPRM Selangor, hubungan tersebut nampaknya telah merosot sehingga terjadinya konfrontasi dengan anggota masyarakat, sama ada saksi maupun orang yang disyaki, yang dilihat sebagai “musuh”. Di Selangor, rasa hormat daripada orang ramai kepada SPRM didapati telah luntur dan sikap tersebut telah menular, disebabkan penglibatan media, kepada seluruh masyarakat Malaysia dari semua kumpulan etnik dan sosio-ekonomi. Masalah ini perlu diatasi dengan serta-merta bagi SPRM secara menyeluruh mendapatkan semula keyakinan orang ramai.

[358] Bagi mengadakan perubahan yang berkesan kepada latihan, SOP dan disiplin dalam unit operasi, pengurusan peringkat pertengahan hendaklah diwujudkan sebagai sebahagian daripada proses dan, sebenarnya, hendaklah menjadi faktor pemula bagi proses perubahan.

[359] Bagi mengakui kegagalan dan tanggungjawab mereka sendiri [dan juga pegawai bawahan mereka], pengurus perlu dibantu dalam proses berkenaan oleh profesional yang berpengalaman dan mempunyai latar belakang tentang perubahan dan amalan terbaik dalam persekitaran penguat kuasa undang-undang. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, pengurusan peringkat pertengahan yang terlibat pastinya akan ditolak dan ditentang dan hanya penglibatan setara yang boleh meyakinkan mereka tentang keberkesanan perubahan. Dalam konteks ini, kami berpendapat bahawa adalah lebih baik untuk mengenal pasti sekumpulan profesional dari luar dan dalam Malaysia yang mempunyai nilai-nilai perkhidmatan berdisiplin/LEA dan yang boleh membawa kemahiran tertentu yang berkaitan untuk menganalisis dan mengenal pasti perubahan

yang diperlukan dan kemudian menjalankan seminar bagi pengurusan peringkat pertengahan untuk memperoleh penglibatan mereka.

Kesimpulan

[360] Kami sedar bahawa SPRM merupakan suatu alat yang penting kepada masyarakat dalam mencapai hasrat untuk membanteras rasuah dalam semua aspek dan pelbagai bentuk. Oleh itu, SPRM ditubuhkan dan diberikan kuasa yang luas untuk memastikan matlamat masyarakat dicapai dengan berkesan.

[361] Walau bagaimanapun, pemberian kuasa yang luas kepada SPRM tanpa *checks and balances* yang sewajarnya akan menyebabkan penyalahgunaan kuasa yang pastinya berlaku. Penyalahgunaan sedemikian adalah sukar untuk dibuktikan kerana besar kemungkinan satu-satunya saksi dalam perkara ini ialah pegawai yang kelakuannya disiasat. Sebagaimana yang kami nyatakan, siasatan ke atas perkara berkenaan akan menunjukkan hakikat sebenar dan yang memedihkan tentang penemuan “*a blue wall of silence*” berdasarkan ikatan persaudaraan di kalangan pegawai tersebut.

[362] Ciri-ciri keadaan “*blue wall of silence*” ini banyak terdapat dalam kes ini sebagaimana yang dapat dilihat melalui ketidakbenaran yang dinyatakan oleh pegawai SPRM untuk menutup kegiatan jahat yang berlaku pada 15^{hb} dan the 16^{hb}. Sikap bergantung kepada ikatan persaudaraan oleh pegawai tersebut menyebabkan kami menghadapi kesulitan dalam mengumpul bukti untuk memperoleh kebenaran.

[363] Perkara yang paling menyedihkan dan dikesalkan ialah operasi yang dijalankan oleh SPRM Selangor telah menyebabkan kematian TBH, seorang pemuda yang mempunyai masa depan yang cerah dalam kehidupan dan memandang masa depan dengan penuh harapan. Keluarganya kehilangan seorang anak dan abang, tunangnya pula kehilangan seorang bakal suami sementara anaknya yang pada masa itu belum dilahirkan kehilangan seorang ayah. Kami dapat merasakan

kesakitan dan penderitaan yang telah dan terus dialami mereka akibat daripada suatu tindakan yang tidak mempunyai perasaan dan sikap pegawai SPRM yang terlibat dalam operasi berkenaan. Kami melahirkan rasa simpati yang mendalam atas rasa kehilangan yang telah dan terus ditanggung oleh keluarga TBH dan tunang serta anaknya. Kami hanya boleh berharap agar masa akan meredakan kesakitan mereka.

[364] Dalam konteks lain, ada dikatakan bahawa kematian dalam tahanan merupakan salah satu daripada jenayah paling buruk dalam masyarakat bertamadun yang ditadbir oleh kedaulatan undang-undang. Kami berpendapat bahawa benteng undang-undang perlu diperkuuhkan bagi menghapuskan apa-apa bentuk penyeksaan kekejaman, layanan yang tidak berperikemanusiaan atau yang menjatuhkan maruah sama ada dilakukan semasa penyiasatan, soal siasat atau selainnya oleh agensi penguatkuasaan undang-undang seperti SPRM.


[365] Penyalahgunaan boleh dicegah sekiranya pihak yang diamanahkan dengan kuasa untuk menguatkasakan undang-undang memastikan bahawa undang-undang itu dilaksanakan secara adil, objektif dan dengan meletakkan keadilan sebagai perkara yang terpenting. Jika tidak, masyarakat akan menderita.

[366] Pegawai SPRM sepatutnya menjadi penjaga kepada Akta SPRM dan menjadi orang yang berperibadi mulia dan berintegriti yang menjalankan kuasa mereka dengan adil, teliti dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada keadilan bagi memperoleh keyakinan orang ramai terhadap SPRM, dan mempunyai *checks and balances* yang teratur sebagaimana yang dicadangkan oleh kami supaya perkara yang telah berlaku dalam kes ini tidak akan berulang. Berkenaan dengan perkara yang telah berlaku, kami telah membuat dapatan mengenainya dalam laporan ini dan kami menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

[367] Kami amat sedar bahawa suatu badan pencegah rasuah seperti SPRM sangat diperlukan dalam sistem demokrasi seperti di negara kita.

Dapatan dan syor kami dalam laporan ini ditujukan kepada pegawai individu yang terlibat dan bukan merupakan penolakan SPRM secara menyeluruh semata-mata. Syor berkenaan berhasrat untuk menambah baik dan membina semula SPRM sebagai suatu institusi yang disegani. Kami mempunyai keyakinan bahawa SPRM akan menerima cabaran berkenaan dan menjadi suatu agensi penguatkuasaan undang-undang contoh untuk diteladani oleh pihak lain di dunia.

Bertarikh pada 15^{hb} Jun 2011



Tan Sri Datuk Seri James Foong Cheng Yuen
Pengerusi



Dato' Haji Abdul Kadir
Sulaiman
Anggota



Dato' Selventhiranathan
Thiagarajah
Anggota



Dato' Dr Bhupinder Singh
Jeswant Singh
Anggota



Profesor Dr Mohamed Hatta
Shaharom
Anggota

Penghargaan

Sepanjang kami menjalankan tugas, Suruhanjaya Siasatan Diraja telah dibantu oleh sebilangan besar individu dan organisasi. Tanpa mereka, usaha kami tidak akan membawa hasil. Bagi maksud ini, kami amat berterima kasih kepada mereka dan ingin merakamkan penghargaan ikhlas kami kepada individu dan organisasi yang berikut:

1. Setiausaha SSD, Dato' Saripuddin Kasim, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
2. Semua pegawai dan kakitangan urus setia SSD yang dipinjam daripada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
3. Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia yang membenarkan kami menggunakan premis tertentu di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur untuk menjalankan siasatan kami dan untuk menyempurnakan laporan kami.
4. Tuan Amarjeet Singh a/l Serjit Singh, Tuan Awang Armadajaya bin Awang Mahmud dan Puan Kwan Li Sa, pegawai pengendali yang dilantik di bawah seksyen 3(1)(d) Akta SjS.
5. Dato' Sri Muhammad Shafee Abdullah dan pasukan peguam serta pembantunya yang mewakili kepentingan SPRM.
6. Tuan Christopher Leong dan pasukan peguam serta pembantunya yang mewakili Majlis Peguam Malaysia.
7. Tuan Michael Leslie Squires, penyiasat yang perkhidmatannya diperoleh melalui pendakwa raya di bawah seksyen 16(2) Akta SjS.
8. SPRM, khususnya ketua pesuruhjaya semasa, Dato' Seri Abu Kassim Mohamed atas sokongan beliau dalam pengelasan semula dokumen-dokumen penting yang berkaitan dengan hal perkara siasatan ini.

9. Formis Sdn. Bhd. yang, dengan baik hati, memasang dan menyenggarakan sistem rakaman audio visual sepanjang prosiding.
10. Para pemberita daripada media berita yang bertanggungjawab dan dengan taatnya melaporkan tentang prosiding siasatan ini.
11. Polis Diraja Malaysia atas bantuan mereka dalam menguruskan hal-hal keselamatan sepanjang siasatan ini.
12. Tuan Karpal Singh dan Tuan Gobind Singh Deo, peguam bagi keluarga TBH, yang mengambil bahagian di peringkat awal siasatan ini.
13. Tuan Malik Imtiaz dan pasukan peguamnya yang bertindak bagi kerajaan negeri Selangor, yang mengambil bahagian di peringkat awal siasatan ini.
14. Keluarga, rakan-rakan dan bekas rakan sekerja TBH yang memberikan keterangan di hadapan kami dan juga semua saksi lain yang hadir semasa siasatan ini.
15. Dan kepada semua orang lain yang nama mereka kami tertinggal dengan tidak sengaja.